




**Jabatan Pelajaran Kelantan
Jalan Doktor , 15000 Kota Bahru ,
Kelantan.**

Modul Pecutan Akademik

BAHASA MELAYU

UPSR



KATA PENGANTAR



Puji dan syukur kita panjatkan kehadrat Allah Yang maha Esa atas segala rahmat dan kurnia-Nya sehingga Modul Pecutan Akademik, Jabatan Pelajaran Kelantan dapat dihasilkan pada tahun ini.

Modul Pecutan Akademik ini diharapkan dapat menjadi panduan dan bimbingan kepada para guru dan para pelajar dalam membuat persediaan bagi menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua guru dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penghasilan Modul Pecutan Akademik ini. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi menghasilkan pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan seterusnya menjayakan visi Jabatan Pelajaran Kelantan, "Cakna Pendidikan Kelantan Terbilang 2013".

HJ MOHD ADNAN BIN MOHD NOOR
*Ketua Sektor Pengurusan Akademik
Jabatan Pelajaran Kelantan*

SENARAI NAMA PANEL PENGGUBAL
MODUL PECUTAN KECEMERLANGAN AKADEMIK
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU UPSR 2011

1. Penyelaras: Ehsham bin Mat Hussin
Penolong Pengarah Kurikulum (Bahasa Melayu)
Sektor Pengurusan Akademik, JPN Kelantan.
No. Tel: 0127635418
2. Penasihat: Jemilah binti Ismail
GC Bahasa Melayu
SK Long Gaffar, Kota Bharu, Kelantan.
No. Tel: 0199192679
3. Ketua Panel: Muhamed Asri bin Ibrahim
GC Bahasa Melayu
SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan.
No. Tel: 0139306858
4. Ahli Panel:
 - i. Ab Halim bin Jaafar
GC Bahasa Melayu
SK Sri Kiambang, Pasir Mas, Kelantan.
No. Tel: 0139456967
 - ii. Wan Mohd Zamri bin Wan Ab. Kadir
GC Bahasa Melayu
SK SK Sri Tumpat 2, Tumpat, Kelantan.
No. Tel: 0199631189
 - iii. Yaacob bin Hj Mat Zin
GC Bahasa Melayu
SK Pulai Chondong, Machang, Kelantan.
No. Tel: 0139866504
 - iv. Mohd Najib bin Zakaria
GC Bahasa Melayu
SK Tanjung Mas, Kota Bharu, Kelantan.
No. Tel: 0139456967
 - v. Zulkafli bin Mahamad
GC Bahasa Melayu
SK Bukit Marak, Bachok, Kelantan.
No. Tel: 0129813282
 - vi. Rohani binti Abdullah
GC Bahasa Melayu
SK Kutan,Tumpat, Kelantan.
No. Tel: 0148054241
 - vii. Nik Zainol Asikin binti Hassan
GC Bahasa Melayu
SK Kem, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.
No. Tel: 0139080171

MODUL BAHASA MELAYU UPSR

PENGENALAN

Modul ini mengandungi soalan-soalan bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman dan Bahasa Melayu Penulisan. Soalan-soalan pemahaman merangkumi seluruh topik sistem bahasa. Bagi soalan pemahaman petikan pula, diserta petikan-petikan yang meliputi pelbagai bentuk teks prosa dan bukan prosa dengan diikuti oleh lima soalan pemahaman.

Panduan tentang teknik menjawab soalan Bahasa Melayu Pemahaman dan Penulisan telah diberikan bagi membantu proses pembelajaran dan pengajaran guru-guru dan murid-murid. Panduan ini dapat membantu murid-murid menjawab soalan dengan berkesan.

Bagi soalan penulisan pula, ketiga-tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C disediakan. Setiap soalan latihan yang dipilih adalah berdasarkan kurikulum Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran Malaysia.

OBJEKTIF MODUL

1. Sebagai bahan sokongan aktiviti pembelajaran dan pengajaran.
2. Sebagai pemangkin untuk meningkatkan daya ingatan murid terhadap apa yang dipelajari.
3. Bahan yang terarah membantu murid-murid menulis karangan dengan tersusun.
4. Membantu menguasai kemahiran menjawab soalan pemahaman dan sistem bahasa.
5. Menguasai teknik penulisan dengan berkesan.
6. Murid dapat menulis pelbagai jenis penulisan kreatif dan bukan kreatif.
7. Guru boleh mendapatkan gambaran tentang prestasi murid selepas sesi pembelajaran dan membaiki kelemahan tersebut dengan segera.
8. Membantu mencapai kecemerlangan dalam Bahasa Melayu pemahaman dan penulisan.

RASIONAL

Daripada penyelidikan yang dijalankan, masalah-masalah yang dikenal pasti dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu adalah seperti berikut;

1. Murid tidak memahami sistem bahasa Bahasa Melayu.
2. Murid tidak mengetahui teknik-teknik menjawab soalan tatabahasa dan pemahaman teks.
3. Murid tidak menguasai kosa kata lama atau baharu Bahasa Melayu.
4. Murid tidak berupaya membuat sendiri latihan Bahasa Melayu.
5. Murid kurang terdedah kepada contoh-contoh penulisan.
6. Murid tidak mengingati format-format penulisan.

7. Murid kurang berminat membuat latihan penulisan berformat.
8. Murid tidak mengetahui teknik menjawab soalan penulisan.

Modul ini diharap dapat membantu murid-murid untuk mencapai markah yang lebih baik dan menguasai sistem bahasa serta kemahiran-kemahiran penulisan dalam tempoh yang ditetapkan.

SASARAN

Modul ini disasarkan kepada semua murid tahap dua secara amnya dan secara khusus kepada calon-calon UPSR seluruh Kelantan.

TEMPOH PERLAKSANAAN

Modul ini dicadang untuk digunakan sepanjang tahun iaitu bermula dari awal tahun hingga ke UPSR.

TEKNIK MENJAWAB BAHASA MELAYU KEFAHAMAN

Tip Menjawab Soalan Sistem Bahasa UPSR

1. Kod kertas 011 (SK) / 021 (SJK C/T).
2. Masa yang diperuntukkan 50 minit sahaja. Elak mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab.
3. Konteks sistem bahasa dalam ujian pemahaman.
 - A. Morfologi
 - i. Bentuk kata
 - kata tunggal
 - kata terbitan
 - kata majmuk
 - kata ganda
 - * Proses pembentukan kata Bahasa Melayu melalui:
 - pengimbuhan
 - penggandaan
 - pemajmukan
 - ii. Golongan kata
 - kata nama
 - kata kerja
 - kata adjektif
 - kata tugas

B. Sintaksis

Pengetahuan tentang ayat, pembinaan dan perluasan mengikut ragam yang sesuai.

- Ayat soalan
- Ayat jawapan
- Ayat sama maksud
- Ayat aktif / Ayat pasif
- Struktur ayat
- Cakap ajuk / pindah
- Ayat yang betul
- Ketepatan kata
- Kesalahan tatabahasa dalam ayat

C. Peribahasa

Mengetahui maksud simpulan bahasa dan penggunaannya dalam ayat atau penulisan.

D. Sistem ejaan

Perkara yang diberi penekanan ialah :

- i. Kata asli Bahasa Melayu
 - ii. Ejaan kata pinjaman
 - iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan
4. Baca setiap soalan dengan teliti.
 5. Untuk soalan bergambar, kenal pasti perkaitan antara soalan dengan gambar yang disertakan.
 6. Bilangan soalan adalah sebanyak 30 daripada 40 soalan. Jenis soalan ialah;
 - a. Aneka pilihan mudah. Soalan menghendaki calon memilih satu jawapan betul atau terbaik.
 - i. Empat opsyen jawapan A, B,C dan D
 - b. Aneka pilihan kompleks. Soalan menghendaki murid memilih satu gabungan jawapan yang betul atau terbaik.
 - i. Empat pilihan jawapan bernombor roman
 - ii. Empat opsyen jawapan A, B,C dan D
 7. Kata tugas dalam soalan.

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Perkataan seerti bagi

Perkataan berlawan bagi

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.

Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di atas.

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Pilih ayat yang **betul**.

8. Jawab soalan yang mudah dahulu.

Tip Menjawab Soalan Pemahaman Petikan UPSR

1. Soalan pemahaman petikan hanya menguji aspek pengetahuan tentang teks yang dibaca. Murid membaca dan memahami kandungan teks lalu mencari maklumat yang disoal.
2. Baca petikan dengan teliti supaya isi petikan dapat anda fahami.
3. Baca soalan-soalan serta pilihan jawapan yang dikemukakan dengan teliti.
4. Cari kata kunci soalan kemudian cari maklumat dalam petikan. Seterusnya menanda / menggaris isi dalam teks.
5. Garisi jawapan sekiranya jawapan yang dikehendaki itu dapat ditemukan dalam petikan.
6. Telitilah jawapan pilihan yang lain juga. Pastikan bahawa jawapan yang anda pilih itu benar-benar menepati kehendak soalan.
7. Kata tugas dalam soalan. Kata tugas (jenis-jenis kata tanya) Membayangkan kerencaman (kepelbagaian) tugas dalam buku soalan. Contoh kata tugas:

Bil	Kata Tugas	Respons yang Diharapkan
1	Apakah	Memberikan maklumat yang khusus atau spesifik
2	Siapakah	Mengenal pasti individu dalam konteks tertentu
3	Bilakah	Menyatakan masa atau waktu urutan sesuatu peristiwa
4	Di manakah	Menyatakan tempat, kedudukan atau lokasi sesuatu peristiwa
5	Bagaimanakah	Memperihalkan/ Memberi penerangan tentang cara/ keadaan/ langkah/ kejadian
6	Mengapakah	Memberi sebab
7	Berapakah	Menyatakan kuantiti
8	Manakah	Menyatakan pilihan
9	Tuliskan	Menulis maklumat berdasarkan respons yang diharapkan
10	Nyatakan	Memberi jawapan yang spesifik tanpa memerlukan huraian lanjut/huraian/sokongan
11	Ulaskan	Memberi pandangan/ pendapat/ komen/ kritik
12	Pilih	Membuat pilihan jawapan
13	Isikan	Memasukkan jawapan yang sesuai
14	Bezakan	Menyatakan kelainan / ketidaksamaan antara dua atau lebih perkara
15	Bincangkan	Memberikan penerangan / pandangan daripada pelbagai aspek
16	Catatkan	Merakam sesuatu maklumat

8. Berhati-hatilah ketika menjawab soalan supaya tidak terperangkap oleh teknik penyoalan. Misalnya, soalan yang menggunakan kata kecuali, bukan, tidak benar, lawan, seerti dan sebagainya.
9. Jangan sekali-kali memberikan jawapan hanya berdasarkan pemahaman anda tanpa merujuk konteks ayat. Biasanya soalan-soalan yang menanyakan erti kata, lawan kata, maksud rangkai kata dan maksud peribahasa, pemilihan katanya adalah berdasarkan konteks ayat dalam petikan.
10. Terdapat juga soalan-soalan yang berbentuk tersirat. Misalnya, soalan yang bertanyakan **pendapat** anda. Untuk menjawab soalan seperti ini, carilah jawapan yang paling tepat dan logik.
11. Sekiranya terdapat soalan yang menanyakan tema, isi-isi penting dan tajuk, anda perlu memahami petikan tersebut secara keseluruhannya untuk mendapatkan jawapannya.

TEKNIK MENJAWAB BAHASA MELAYU PENULISAN

Tip Menjawab Soalan Penulisan UPSR

A. Memindahkan Maklumat

1. Bacalah arahan dengan teliti.
2. Teliti bahan rangsangan yang diberikan, sama ada berupa gambar tunggal atau gambar bersiri.
3. Kenal pasti perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang dapat dilihat dengan jelas dalam gambar tersebut supaya maklumat-maklumat yang diperoleh itu adalah maklumat-maklumat tersurat sahaja.
4. Melalui penelitian bahan rangsangan tersebut, anda akan dapat mengenal pasti idea keseluruhan gambar tersebut.
5. Binalah lima ayat yang lengkap. Anda boleh membina ayat tunggal atau ayat majmuk.
6. Nama watak boleh diguna mengikut kesesuaian.
7. Nomborkan setiap ayat yang dibina.
8. Pastikan ayat-ayat yang dibina tepat dari segi struktur ayat, penggunaan kata, ejaan, imbuhan dan tanda baca.

B. Menulis Karangan

1. Baca dan fahami kesemua tajuk yang diberikan.
2. Pilihlah tajuk karangan berserta formatnya yang benar-benar dikuasai.
3. Pastikan dapat menghuraikan tajuk tersebut sehingga menjadi karangan yang sempurna.
4. Sediakan rangka karangan supaya fakta yang anda kemukakan tidak berulang.
5. Pastikan terdapat pendahuluan, isi-isi penting dan penutup pada karangan anda.

6. Pendahuluan karangan mestilah berkaitan dengan tajuk.
7. Kembangkan isi-isi penting dalam bentuk beberapa perenggan. Setiap perenggan seharusnya mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain.
8. Isi-isi perenggan perlu diberikan huraian dan disertakan dengan contohnya.
9. Karangan anda mestilah mempunyai penutup, yakni kesimpulan tentang tajuk.
10. Setelah selesai menulis karangan, semaklah karangan yang tertinggal, contoh yang kurang tepat, kesalahan dari segi tatabahasa, ejaan, tanda baca dan sebagainya.

C. Membina ulasan

1. Bacalah arahan soalan dengan teliti dan kenal pasti kehendak soalan.
2. Soalan meminta lima ulasan yang berkaitan aspek-aspek tertentu. Misalnya, pengajaran, nilai murni, amalan baik, kebaikan, faedah dan sebagainya.
3. Tulis ulasan anda itu dalam satu perenggan sahaja yang panjangnya tidak lebih daripada 50 patah perkataan.
4. Gunakanlah penanda wacana bagi memperlihatkan kelancaran idea karangan anda.
5. Pastikan ayat-ayat gramatis.
6. Semaklah ulasan supaya tiada kesalahan dari segi tatabahasa, ejaan, tanda baca dan sebagainya.

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 1

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Pemain bola sepak itu _____ keluar padang kerana mengalami kecederaan dalam pertandingan itu.

- A dipapah
- B diusung
- C dikandar
- D dijunjung


2. Novel "Kasih Ibu" yang _____ oleh penulis terkenal itu mendapat sambutan hangat di pasaran.

- A dibuat
- B dicetak
- C digubah
- D dikarang

3. Puan Halimah berasa cemas kerana anak perempuannya masih belum pulang _____ hari sudah senja.

- A jikalau
- B malahan
- C sehingga
- D sedangkan

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Aiman menggunakan _____ joran semasa memancing di tasik itu.

- A sebilah
- B selaras
- C sebatang
- D sepuntung

5. "_____, guru-guru di sekolah ini berdoa agar _____ berjaya dalam UPSR nanti," kata guru besar kepada murid-murid tahun enam.

- A Kita ... anda
- B Saya ... kamu
- C Kami ... kalian
- D Beliau ... mereka


6. Bapa mengadakan majlis kenduri kesyukuran _____ menyambut kepulangan abang yang tamat pengajiannya di luar negara.

- A bagi
- B pada
- C sejak
- D supaya

7. Nizam menjadi _____ apabila terpaksa menggantikan Sazuan secara tiba-tiba sebagai pengacara majlis.

- A bidan terjun
- B batu loncatan
- C ayam tambatan
- D tulang belakang

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8. Amin _____ nota ringkas berpandukan petikan yang terdapat dalam buku teks.

- A menulis
- B mencatat
- C mengarang
- D melukis

9. Beberapa orang _____ tahun akhir di universiti itu terlibat dalam program khidmat masyarakat yang diadakan di Kampung Berkat.
- seniman
 - sasterawan
 - mahasiswi
 - olahragawati


10. Encik Yazid _____ sebuah calet di Pantai Seri Tujuh untuk bercuti bersama keluarganya pada minggu hadapan.
- membeli
 - membayar
 - menempah
 - mengambil

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Kamal sedang berlatih _____ gambar pemandangan untuk menyertai pertandingan yang akan diadakan pada minggu hadapan.
- melukis
 - menekap
 - menghias
 - mengecap

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Pak Samad meletakkan dua _____ rotan di sudut rumahnya.
- laras
 - berkas
 - batang
 - lingkar

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. Amalina menerima hadiah _____ Pegawai Pelajaran Daerah kerana menjadi johan dalam pertandingan bercerita.

- dari
- kepada
- dengan
- daripada

14. Azli dibenarkan oleh ibunya untuk bermain di padang. _____, dia dikehendaki menyiapkan kerja sekolahnya terlebih dahulu.

- Selepas itu
- Sebelum itu
- Selain itu
- Seharusnya

15. Guru-guru menasihati kami supaya rajin membaca buku untuk menambahkan pengetahuan. Jangan jadi seperti _____.

- Katak di bawah tempurung
- Embun di hujung rumput
- Melukut di tepi gantang
- Kerbau dicucuk hidung

16. Setiap pagi, Encik Masron _____ kasut kulitnya sehingga berkilat sebelum ke pejabat.

- mengesat
- mengecat
- mengelap
- meggilap

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



17. Para penonton _____ ketika hendak memasuki stadium bagi menyaksikan perlawanan akhir pertandingan bola sepak.
 A berasak-arsak
 B berlegar-legar
 C berkejar-kejar
 D bertindih-tindih
18. Osman sentiasa mengingati pesanan ibunya agar makan dengan _____, lebih-lebih lagi ketika berada dalam majlis jamuan.
 A cepat
 B tertib
 C lembut
 D gelojoh

Soalan 19 berdasarkan gambar di bawah



19. Pak Cik Yusof sedang _____ papan untuk dijadikan lantai rumah.
 A memahat
 B mengukir
 C mengetam
 D menggerudi

20. Hujah yang disampaikan oleh pihak pencadang dalam perbahasan itu sangat bernas.

Perkataan seerti bagi bernas ialah

- A tetap
 B berisi
 C penuh
 D berguna

21. Syahirah berasa gelisah kerana bapanya belum tiba.

Perkataan berlawan bagi gelisah ialah

- A yakin
 B sedih
 C berani
 D tenang

22. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I Kerja yang sukar itu menjadi senang jika dilakukan secara bergotong-royong.
 II Amir berasa senang hati berkawan dengan Adib kerana dia seorang yang baik.

- III Kehidupan Mak Bidah sekeluarga menjadi senang semenjak anaknya mendapat pekerjaan yang baik.

- IV Kita mesti senang kepada kawan baik kita.

- A I dan II
 B II dan IV
 C I, II dan III
 D I, III dan IV

- 23.I Pada musim hujan, paras air sungai akan meningkat.
 II Tukang kebun itu paras pokok bunga agar kelihatan cantik.
 III Jangan menilai seseorang berdasarkan rupa paras sahaja.
 IV Pada musim sejuk yang melampau, suhu berada di bawah paras beku.
 A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

24. Mengapakah Mak Cik Senah merungut-rungut sejak semalam? Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.

- A Kami tidak tahu sejak bila Mak Cik Senah merungut.
 B Mak Cik Senah akan merungut kerana kambingnya hilang.
 C Ya, Mak Cik Senah merungut-rungut kerana kambingnya hilang semalam.
 D Mak Cik Senah merungut-rungut sejak semalam kerana kambingnya hilang.

25. Gempa bumi itu menyebabkan kemusnahan tempat tinggal dan beribu-ribu nyawa terkorban.

- Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di atas.

- A Di manakah gempa bumi itu berlaku?
 B Bagaimakah gempa bumi itu berlaku?
 C Apakah kesan daripada gempa bumi itu?
 D Siapakah yang terkorban akibat gempa bumi itu?

Soalan 26 – 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26. Peperiksaan merupakan sistem yang paling sesuai untuk menilai pencapaian murid-murid dalam pelajaran.
- A Murid-murid perlu menduduki peperiksaan untuk menilai pencapaian mereka dalam pelajaran.
 - B Pencapaian melalui peperiksaan merupakan cara yang terbaik untuk menilai pelajaran murid-murid.
 - C Peperiksaan merupakan sistem untuk menilai pencapaian murid-murid dalam pelajaran.
 - D Sistem yang terbaik untuk menilai pencapaian murid-murid dalam pelajaran adalah melalui peperiksaan.
27. "Jangan membuang sampah di merata-rata tempat," kata pengawas kepada murid itu.
- A Pengawas melarang murid itu membuang sampah di situ.
 - B Pengawas meminta murid itu membuang sampah di tempat lain.
 - C Pengawas menegah murid itu membuang sampah di merata-rata tempat.
 - D Pengawas menyuruh murid itu membuang sampah di merata-rata tempat.

Soalan 28

28. Pilih ayat yang betul.

- A Jalan raya di kawasan perumahan itu bersimpang-siur.
- B Sebuah bom lama telah dijumpai di kawasan semak itu.
- C Rosliza mengutusi sepucuk surat kepada sahabat penanya.
- D Sepasukan lanun telah menyerang kapal di perairan itu.

Soalan 29-30

Pilih ayat-ayat yang betul.

29. I Kamal makan lima cucuk sate.
II Pemandangan di situ nian cantik.
III Penglihatan datuk saya masih jelas.
IV Tidak saya yang menconteng dinding itu.
- A I dan III
 - B II dan IV
 - C I, II dan III
 - D I, III dan IV
30. I Sempena Hari Bapa, Osman menghadiahi bapanya sebatang pen.
II Hafizi bercita-cita untuk menjadi seorang pelakon yang terkenal.
III Kain rentang yang digantung itu terjatuh bila ditiu angin kencang.
IV Pemandu yang terkorban dalam kemalangan itu berasal daripada Johor.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Soalan 31 – 35

Baca laporan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Sekolah

Pada 10 Ogos 2010 yang lalu, Sekolah Kebangsaan Sungai Koyan telah mengadakan sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah. Pihak sekolah telah memberi kepercayaan kepada Kelab Kaunseling untuk mengelolakan majlis tersebut.

Atur cara majlis dimulakan dengan perhimpunan pada pukul 7.45 pagi di medan perhimpunan. Semua murid dan guru diberi Jalur Gemilang untuk dikibarkan. Beberapa buah lagu patriotik dinyanyikan untuk menaikkan semangat cinta akan tanah air. Di samping itu, murid-murid dan guru-guru disajikan dengan ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Biro Tatanegara.

Pelbagai acara telah disusun sempena sambutan tersebut. Antaranya ialah pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik dan sayembara puisi kemerdekaan

untuk murid tahap dua. Manakala aktiviti melukis dan mewarna Jalur Gemilang pula khusus untuk murid tahap satu. Acara persembahan drama bertemakan kemerdekaan terbuka kepada semua murid.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengenang sejarah kemerdekaan negara, menyemai semangat cinta akan negara dan menyahut seruan kerajaan supaya memeriahkan sambutan ini di peringkat sekolah.

Sebelum acara sambutan berakhir, guru besar telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi setiap aktiviti yang dipertandingkan. Guru besar juga menyampaikan ucapan *penghargaan* dan terima kasih kepada semua guru dan murid yang telah memberikan kerjasama yang tinggi dalam menjayakan majlis tersebut. Beliau berharap agar murid-murid dapat menghayati dan mempunyai kesedaran serta semangat cinta akan negara.

Guru besar turut berucap dalam majlis penutupan sambutan kemerdekaan yang telah diadakan di dewan sekolah. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kelab Kaunseling dan ahli jawatankuasanya kerana telah berjaya menganjurkan majlis itu dengan lancar.

Disediakan oleh, 1 SEPTEMBER 2010.
Roselaili

.....
(ROSELAILI BINTI IBRAHIM)
Setiausaha,
Kelab Kaunseling,
Sekolah Kebangsaan Sungai Koyan.

31. Pihak manakah yang mengelolakan majlis ini?
- A Guru besar
 - B Pihak sekolah
 - C Kelab Kaunseling
 - D Kementerian Pelajaran
32. Apakah tujuan program sambutan diadakan?
- A Merupakan aktiviti tahunan sekolah.
 - B Memupuk semangat cinta akan tanah air.
 - C Menggerakkan hubungan antara guru dengan murid.
 - D Mencungkil bakat murid dalam aktiviti yang diadakan.

33. Acara yang boleh disertai oleh murid tahap satu dan tahap dua ialah
- A sayembara puisi
 - B melukis dan mewarna
 - C nyanyian lagu patriotik
 - D drama berunsur kemerdekaan
34. Semua yang berikut benar tentang petikan **kecuali**
- A Semua murid menerima hadiah dalam acara yang dipertandingkan.
 - B Guru besar merasmikan majlis penutupan sambutan Bulan Kemerdekaan.
 - C Agensi luar dijemput untuk memberikan ceramah sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.
 - D Sambutan Bulan Kemerdekaan dapat menyemai semangat cinta akan tanah air kepada semua warga sekolah.
35. Kata *penghargaan* dalam petikan bermaksud
- A perhatian
 - B kebanggaan
 - C penghayatan
 - D penghormatan

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti persekolahan yang lalu, saya telah berpeluang menghadiri dan menyaksikan majlis pelancaran Citrawarna Malaysia 2010 yang diadakan dengan penuh meriah dan berwarna-warni di Dataran Putrajaya. Pelancaran pesta tersebut telah disempurnakan oleh Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Orang ramai mula membanjiri Dataran Putrajaya seawal pukul 6.30 petang untuk menyaksikan pelancaran Citrawarna 2010. Saya dan keluarga juga tidak ketinggalan bersama-sama ribuan masyarakat yang berbilang kaum untuk menyaksikannya. Seramai lebih kurang 50,000 orang termasuk pelancong asing dan tetamu antarabangsa telah hadir

memeriahkan acara yang bertemakan "Alam Flora dan Fauna Malaysia" itu.

Majlis pelancaran bermula pukul 9.00 malam itu dimulakan dengan pertunjukan lampu berwarna-warni yang diselang seli dengan alunan muzik yang menggambarkan keindahan alam semula jadi dan kepelbagaiannya budaya di negara ini.

Suasana Dataran Putrajaya terang-benderang bermandikan cahaya lampu yang berwarna-warni. Ia kemudiannya diserikan dengan persembahan kebudayaan masyarakat tempatan, teater dan pertunjukan laser menggunakan teknologi terkini serta aksi lawak oleh badut.

Seramai 1,600 orang peserta terdiri daripada belia dan beliawanis mengambil bahagian dalam persembahan kebudayaan yang melibatkan pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India, Orang Asli, Punjabi, Portugis dan Siam serta peribumi Sabah dan Sarawak.

Kemuncak acara pada malam itu ialah pertunjukan bunga api pelbagai corak dan warna selama lima minit. Orang ramai yang menyaksikan majlis itu amat terhibur dengan persembahan kebudayaan yang ditunjukkan oleh para peserta. Upacara sebegini dapat menyatupadukan masyarakat majmuk di negara ini.

Pelancaran Citrawarna 2010 pada kali ini agak istimewa kerana telah disiarkan secara langsung di negara Australia, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Macau, New Zealand, Filipina, Singapura dan Taiwan.

Majlis pelancaran itu berakhir pada pukul 11.30 malam. Pengalaman ini amat bermakna bagi diri saya dan keluarga kerana *julung-julung kali* menyaksikan majlis Citrawarna Malaysia 2010 yang diadakan di negara ini.

36. Apakah tema Citrawarna Malaysia 2010?

- A Masyarakat Majmuk Malaysia
- B Alam Flora dan Fauna Malaysia
- C Memelihara Flora dan Fauna Malaysia
- D Keindahan Alam Semula jadi Malaysia

37. Bagaimanakah keadaan Dataran Putrajaya sewaktu majlis berlangsung?

- A riuh-rendah
- B gelap-gelita
- C kucar-kacir
- D gilang-gemilang

38. Mengapa pelancaran Citrawarna 2010 yang dilancarkan itu dikatakan istimewa?

- A Disertai oleh semua kaum.
- B Diadakan di Dataran Putrajaya.
- C Dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah.
- D Disiarkan secara langsung ke beberapa buah negara luar.

39. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan di atas.

- A Persembahan kebudayaan disertai oleh semua kaum kecuali peribumi Sabah dan Sarawak.
- B Pertunjukan laser merupakan acara kemuncak sambutan majlis Citrawarna Malaysia 2010.
- C Seramai 50,000 orang pelancong dan tetamu asing telah menyaksikan pelancaran Citrawarna Malaysia 2010.
- D Acara Citrawarna Malaysia 2010 berjaya mewujudkan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

40. Kata *julung-julung kali* dalam petikan bermaksud

- A kerap kali
- B kali terakhir
- C kali pertama
- D beberapa kali

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 2

Soalan 1 – 17

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Pada Hari Raya ramai kaum lelaki memakai baju Melayu dan mereka kelihatan amat _____.
A cantik C hodoh
B tampan D comot
- 2 Kura-kura telah kalah dalam pertandingan itu kerana ia bergerak amat _____.
A deras C perlahan
B laju D pantas
- 3 Buah cempedak itu sudah _____ kerana telah dimakan ulat.
A hodoh B layu
B lemau D busuk

Soalan 4 berdasarkan Gambar di bawah.



- 4 Sebaik-baik sahaja tiba di rumah, _____ dimarahi bapanya kerana bermain hujan. sehingga basah kuyup.
A dia C mereka
B beliau D kalian
- 5 "Kedatangan _____ ini besar hajatnya," kata Mak Limah kepada Datuk Temenggung.
A saya C patik
B hamba D pancar

- 6 Pihak polis melepaskan tujuh _____ tembakan ke arah penceroboh itu.
A das C butir
B laras D pucuk

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- 7 Zakuan memancing dengan menggunakan se_____ joran yang baru dibelinya.
A potong C batang
B buah D kaki
- 8 Marlina tidak membuat apa-apa keputusan _____ untuk menyokongnya _____ membantah keputusan itu.
A atau...dan C sama ada...atau
B lalu...bahkan D walhal...inikan pula
- 9 _____ kereta, basikal _____ dia tidak mampu memilikinya.
A Sama ada...atau
B Baik...mahupun
C Sedangkan...inikan pula
D Jangankan...pun
- 10 Kata-kata orang yang _____ memang senantiasa berubah-ubah.
A berat mulut
B mulut murai
C lidah bercabang
D banyak mulut

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Puan Aminah sedang _____ dengan jiran baharunya.
 A berbual C berbalah
 B bersalam D bertengkar
- 12 Kamal bekerja di syarikat itu _____ tahun lalu.
 A dari C daripada
 B sejak D antara
- 13 Suhana terkenang ____ orang tuanya yang masih berada di Makkah.
 A oleh C akan
 B dengan D tentang

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 _____ gasing amat popular di pantai timur Semenanjung Malaysia.
 A Pemain C Dimainkan
 B Permainan D Memainkan
- 15 Aminah sangat tertarik akan _____ anak kecil itu.
 A cantik C kecantikan
 B tercantik D mencantikkan
- 16 Muka Hilmi _____ apabila ternampak lembaga hitam itu.
 A comot-momot
 B licin-licau
 C kering-kontang
 D pucat-lesi

- 17 Harun bermain _____ untuk mengalahkan pemain yang hebat itu.
 A tungkus-lumus
 B mati-matian
 C gotong-royong
 D pontang-panting

- 18 Rumah setinggan banyak dibina di bandar-bandar akibat penghijrahan penduduk desa ke bandar.
Peribahasa yang sesuai ialah
 A Seperti anjing menyalak bukit
 B Seperti melukut di tepi gantang
 C Seperti cendawan tumbuh selepas hujan
 D Seperti kerbau dicucuk hidung
19. Pihak kerajaan bercadang untuk memansuhkan penggunaan buku kerja di sekolah rendah.
Perkataan seerti bagimemansuhkan ialah
 A membatalkan
 B memusnahkan
 C menghabiskan
 D mengehadkan

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



- 20 Congkak ialah permainan tradisional yang masih dimainkan sehingga kini.
Perkataan berlawan bagi tradisional ialah
 A moden C depan
 B maju D baru

- 21 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
- I Orang yang keras kepala macam Ramdan itu memang patut dipulaukan.
 II Menurut kata orang tua-tua, kawasan ini agak keras.
 III Kuih itu agak keras kerana telah terlebih tepung.
 IV Rempuan keras Jebat telah mencederakan Tuah.
- A I dan II
 B I, II, dan IV
 C I, III, dan IV
 D I, II, III, dan IV
- 22 I Sepakan kencang Baharum telah menggegar jaring buat kedua kalinya.
 II Ali suka bercakap kencang dengan orang tuanya.
 III Angin kencang diramalkan akan terus bertiup sehingga esok.
 IV Hafiz mengikat tali kasutnya dengan kencang.
- A I dan III C II dan IV
 B II dan III D III dan IV
- 23 Siapakah yang akan mengetuai rombongan itu?
Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Rombongan itu akan disertai oleh dua puluh orang murid.
 B Ketua rombongan itu dilantik oleh guru besar.
 C Dua orang guru akan mengiringi rombongan itu.
 D Nama ketua rombongan itu tidak diberitahu kepada saya.
- 24 Bagi melahirkan masyarakat penyayang, pihak pemerintah hendaklah mendidik rakyat mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.
Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di atas.
- A Bagaimanakah melahirkan masyarakat penyayang?
 B Mengapakah perlu mewujudkan masyarakat penyayang?
 C Bilakah rakyat perlu mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat?
 D Siapakah yang patut mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat?
- Soalan 25 – 26**
- Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.**
- 25 "Ilmu pengetahuan amat penting untuk memajukan bangsa dan negara kita," kata Perdana Menteri.
- A Perdana Menteri mengumumkan bahawa ilmu pengetahuan sangat penting kepada bangsa dan negara.
 B Perdana Menteri menyatakan bahawa bangsa dan negara yang maju perlu mendapat ilmu pengetahuan.
 C Perdana Menteri menyatakan bahawa ilmu pengetahuan sangat penting untuk memajukan bangsa dan negara.
 D Perdana Menteri memberitahu bahawa negara dan ilmu pengetahuan tidak dapat dipisahkan.
- 26 "Nani, tolong saya edarkan buku latihan ini kepada rakan-rakan sekelas kamu," kata Cikgu Raziah.
- A Cikgu Raziah menolong Nani mengedarkan buku latihan kepada rakan-rakan sekelasnya.
 B Cikgu Raziah meminta pertolongan Nani untuk mengedarkan buku latihan kepada rakan-rakan sekelasnya.
 C Cikgu Raziah mengedarkan buku latihan kepada rakan-rakan sekelasnya dengan bantuan Nani.
 D Cikgu Raziah menerangkan kepada Nani bahawa buku latihan itu akan diedarkan kepada rakan-rakan sekelasnya.

Soalan 27

Pilih ayat yang **betul**.

- A. Abu berasal daripada Perak.
- B. Rumah itu tercantik.
- C. Meja makan itu terpanjang.
- D. Ali meletakkan begnya di sudut bilik itu.

Soalan 28-30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 28 I Datuk tidak suka makan mi segera.
 II Bayaran perubatan di klinik swasta mahal sungguh.
 III Suasana malam itu sunyi sepi.
 IV Para-para belia digalakkan menyertai pasukan sukarela.
- | | |
|------------------|-------------------|
| A I, II, dan III | C I, II, dan IV |
| B I, III, dan IV | D II, III, dan IV |
- 29 I Cili sos itu rasanya pedas.
 II Ketiga-tiga anaknya menetap di Kuantan.
 III Setiap peserta pertandingan itu diberi kemeja-T.
 IV Setengah murid nakal suka ponteng sekolah.
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C II dan IV |
| B II dan III | D III dan IV |
- 30 I Dia menceritakan pengalamannya ketika berada di situ.
 II Di zaman sains dan teknologi, tenaga kerja tidak diperlukan lagi.
 III Sri Maju Kedai Roti sudah ditutup.
 IV Bersenam dapat menyihatkan tubuh badan.
- | | |
|------------|------------------|
| A I dan II | C I, II, dan III |
| B I dan IV | D I, II, dan IV |

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, terdapat seorang pemuda yang bernama Bakhtiar. Dia suka mengampu pihak Jepun untuk kepentingan dirinya. Dia sekarang menjadi orang kepercayaan pihak Jepun. Sebelum itu, Bakhtiar merupakan seorang yang lemah lembut dan berbudi bahasa. Selepas ibu bapanya meninggal dunia, dia tidak ada tempat bergantung. Lama-kelamaan Bakhtiar menjadi seorang yang lupakan diri. Tambahan lagi, dia mendapat imbuhan daripada tentera Jepun. Kini, Bakhtiar menjadi seorang yang kasar dan bengis.

Bakhtiar menjadi orang penting Jepun. Sesiapa yang tidak mengikut arahan akan dibelasah olehnya. Dosa yang dilakukannya cukup banyak. Dia pernah memukul seorang ibu tua sehingga mati dan dicampakkan ke dalam sungai.

Kini, Bakhtiar sudah tua. Dia amat menyesal dengan apa yang pernah dilakukan pada masa pemerintahan Jepun dahulu. Dia bertekad untuk memohon maaf daripada semua orang, terutama sekali keluarga yang pernah dikasarinya. Dia **mengisyiharkan** permohonan maaf itu melalui akhbar. Dia mengharapkan dengan cara ini segala dosanya akan diampunkan.

Semasa membersihkan kebun di belakang rumahnya, kaki Bakhtiar telah dipatuk oleh seekor ular berbisa. Bakhtiar dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan kecemasan. Bisa ular telah merebak. Doktor menyatakan kaki Bakhtiar mesti dipotong untuk menyelamatkan nyawanya. Bakhtiar reda dengan apa yang berlaku ke atas dirinya. Dia menganggap kejadian itu merupakan pembalasan Tuhan ke atas dirinya.

31. Mengapakah Bakhtiar suka mengampu pihak Jepun?		Harun	olahragawan sekolah pada tahun ini. : Terima kasih. Apakah soalan yang hendak dikemukakan?
A. berkhidmat kepada negara B. menghancurkan pihak jepun C. berbakti kepada kampungnya D. mendapat imbuhan daripada pihak Jepun	Pemberita		: Siapakah yang memberi dorongan kepada saudara sehingga berjaya digelar olahragawan sekolah?
32. Bagaimanakah cara-cara Bakhtiar memohon maaf daripada orang ramai?		Harun	: Sebenarnya saya mula berjinak-jinak dan berminat dalam bidang sukan sejak dari kecil lagi. Orang yang paling banyak memberi dorongan kepada saya ialah ibu bapa saya. Selain itu, guru-guru dan rakan-rakan saya juga banyak memberi semangat kepada saya untuk berjaya.
A. bercakap melalui radio B. menyesali perbuatannya C. pengisytiharan melalui akhbar D. berjumpa setiap keluarga yang pernah dikasari.	Pemberita		: Apakah jenis sukan yang awak ceburi? : Saya banyak memenangi hadiah dalam acara olahraga. Acara yang saya menangi ialah larian 100 meter, 200 meter dan 4 kali 100 meter. Selain itu, saya menjadi johan perseorangan dalam pertandingan badminton peringkat sekolah, daerah dan negeri.
33. Apakah dosa-dosa besar yang pernah dilakukan oleh Bakhtiar?		Harun	: Saya banyak memenangi hadiah dalam acara olahraga. Acara yang saya menangi ialah larian 100 meter, 200 meter dan 4 kali 100 meter. Selain itu, saya menjadi johan perseorangan dalam pertandingan badminton peringkat sekolah, daerah dan negeri.
A. mengkhianati bangsa B. mengampu pihak Jepun C. memukul seorang ibu tua D. menjadi seorang penderhaka	Pemberita		: Apakah jenis sukan yang awak ceburi? : Saya banyak memenangi hadiah dalam acara olahraga. Acara yang saya menangi ialah larian 100 meter, 200 meter dan 4 kali 100 meter. Selain itu, saya menjadi johan perseorangan dalam pertandingan badminton peringkat sekolah, daerah dan negeri.
34. Perkataan mengisyiharkan membawa maksud...		Harun	: Saya banyak memenangi hadiah dalam acara olahraga. Acara yang saya menangi ialah larian 100 meter, 200 meter dan 4 kali 100 meter. Selain itu, saya menjadi johan perseorangan dalam pertandingan badminton peringkat sekolah, daerah dan negeri.
A. mengotakan B. menjelaskan C. menerbitkan D. mengumumkan	Pemberita		: Bagaimana perasaan awak setelah terpilih sebagai olahragawan sekolah? : Tentulah saya gembira.
35. Mengapakah kaki Bakhtiar terpaksa dipotong?		Harun	: Apakah harapan awak kepada rakan-rakan yang lain? : Saya mengharapkan rakan-rakan supaya menceburi bidang sukan.
A. Kaki Bakhtiar telah busuk B. Untuk membuang bisa ular C. Untuk membalaas perbuatannya D. Doktor memang tidak menyukai Bakhtiar	Pemberita		Sukan sangat penting untuk kesihatan kita. Jangan lupa, pelajaran jangan diabaikan.
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.		Harun	: Terima kasih kerana sudi ditemuramah. : Terima kasih.
Pemberita : Selamat pagi saudara.			
Harun : Selamat pagi.			
Pemberita : Boleh saya temuramah saudara.			
Harun : Boleh. Apa salahnya. Saya sudi menjawab semua soalan asalkan tidak terlalu peribadi.	Pemberita		
Pemberita : Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada saudara kerana terpilih sebagai	Harun		

- 36.Pada pendapat kamu, dengan pihak manakah pemberita bertugas?
- A. Polis
 - B. Akhbar
 - C. Sekolah
 - D. Majlis Sukan Daerah
- 37.Apakah yang ingin diketahui oleh pemberita daripada Harun?
- A. Perasaannya
 - B. Penglibatannya di sekolah
 - C. Latar belakang kejayaannya
 - D. Hadiah yang diperolehinya
- 38.Apakah acara yang dimenangi dalam olahraga?
- A. Acara 100 meter
 - B. Acara 400 meter
 - C. Acara lompat tinggi
 - D. Acara 4 kali 200 meter
- 39.Pernyataan berikut adalah tidak benar...
- A. Terpilih sebagai olahragawan sekolah
 - B. Harun menjuarai permainan badminton
 - C. Penglibatannya dalam sukan kerana dipaksa
 - D. Mengharapkan rakan-rakan terlibat dalam sukan
- 40.Perkataan **dorongan** membawa maksud...
- A. Pujian
 - B. Suruhan
 - C. Galakan
 - D. Sogokan

KERTAS SOALAN TAMAT


SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 3

Soalan 4 berdasarkan Gambar 2

Soalan 1 hingga Soalan 16.

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasar Gambar 1



Gambar 1

1 Adik bongsu saya yang berusia empat bulan baru belajar _____

- A merangkak
- B meniarap
- C mengiring
- D mengesot

2 "Bagaimanakah _____ membahagikan masa antara belajar dan bersukan," tanya Nurul kepada Umairah.

- A saya
- B anda
- C kalian
- D awak

3 " _____ jangan lengah-lengahkan kerja yang cikgu beri tadi." kata Cikgu Amin kepada murid-muridnya.

- A Sila
- B Harap
- C Tolong
- D Minta




Gambar 2

4 Beberapa _____ pokok pandan tumbuh subur di belakang rumah nenek.

- A kelompok
- B jambangan
- C rumpun
- D karangan

Soalan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

5 Cikgu Azrin menunjukkan cara-cara _____ sabun untuk dijadikan sekuntum bunga.

- A mengukir
- B meraut
- C memahat
- D mengetam

Soalan 6 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

6 Cikgu Amirul berdiri di _____ Amar sambil memujuknya supaya berhenti menangis.

- A dekat
- B antara
- C depan
- D belakang

Soalan 7 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

7 Pak Cik Sharul sedang mengambil _____ daripada kotak alat pertukangan.

- A pepahat
- B sesiku
- C penukul
- D pelantak

Soalan 8 berdasarkan Gambar 6




Gambar 6

8 Sebelum ke sekolah Syahmi akan _____ lencana sekolah pada bajunya.

- A menyemat
- B menampal
- C meletak
- D melekat

Soalan 9 berdasarkan Gambar 7




Gambar 7.

9 Seekor anak ikan paus ditemui mati _____ di Pantai Seri Tujuh.

- A terhampar
- B terkapar
- C terdampar
- D terpapar

Soalan 10 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

10 Pak Latif _____ kelapa yang diminta oleh pelanggannya.

- A mengupas
- B menarah
- C memarut
- D memerah

11 Afif meminati bidang seni, _____ abangnya yang cenderung dalam bidang kejuruteraan.

- A selain itu
- B pendek kata
- C seperti dengan
- D berbeza dengan

12 _____ terbang pulang ke sarang apabila hari menjelang senja.

- A Beburung
- B Lelabah
- C Rerama
- D Kekunang

13 Bangunan Kasturi dibina indah oleh _____ tempatan dengan bercirikan senibina Melayu.

- A juruhias
- B jurubina
- C jurusolek
- D juruteknik

14 Jazmin belajar bersungguh-sungguh _____ mencapai cita-citanya menjadi doktor.

- A sampai
- B dalam
- C akan
- D demi

15. Umar mengikat _____ mata kali di penghujung tali jorannya.

- A sebentuk
- B segelung
- C seutas
- D sebilah

Soalan 16.

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan ke dalam tempat kosong dalam ayat di bawah.

16 Alia _____ kerana dapat menjawab dengan tepat semua soalan Kuiz Sains itu.

- A alah biasa tegal biasa
- B bijak bagi pendeta
- C cepat macam kilat
- D betul macam bendul

Soalan 17.

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan bergaris.*

17 Para pengusaha kilang diarah supaya melakukan proses **pembuangan** sisa kilang secara terancang.

- A peralihan
- B pemansuhan
- C pemusnahan
- D pelupusan

Soalan 18

*Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan bergaris.*

18 Hujan **lebat** yang turun sejak awal pagi tadi masih belum lagi berhenti hingga kini.

- A perlahan
- B gerimis
- C ringan
- D sedikit

Soalan 19 berdasarkan Gambar 9




Gambar 9

19 Peribahasa yang sesuai atau berkaitan dengan sikap kanak-kanak dalam gambar ialah

- A putih tulang
B ringan tulang
C bekas tangan
D campur tangan

Soalan 20 berdasarkan Gambar 10
Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan yang diberikan



Gambar 10

- 20 A Boleh tunjukkan saya jalan kesungai?
B Awak hendak ke mana?
C Ke manakah awak hendak pergi?
D Bagaimanakah cara saya hendak pergi memancing?

Soalan 21 hingga soalan 25

Pilih ayat betul

- 21 A Oh, cantiknya lukisan awak!
B Eh, saya terlupa membawa wang!
C Wah, usaha kita akhirnya berjaya juga!
D Hai, itu pun rumah Amin!
- 22 A Baik benar sekali keluarga awak.
B Nenek makan amat lambat benar.
C Besar nian rumah orang kaya itu.
D Jet itu meluncur amat laju sekali.
- 23 A Daripada Anislah berita itu saya dengar.
B Kembalikan beg ini pada pemiliknya.
C Pulanglah kepada jalan yang benar.
D Carilah buku itu sampai dapat .
- 24 A Mengapalah dia menangis pagi tadi?
B Apatah punca kekalahan pasukan kita?
C Manatah agaknya saya letakkan kunci rumah saya.
D Silalah serah diri kerana awak sudah dikepung.
- 25 A Ayah sudah membeli sebuah rumah yang lebih selesa untuk keluarga kami.
B Saya hendak menasihatinya, tetapi dia tidak peduli.
C Datuk Rosli mengiringi para tetamu yang telah pulang ke pintu.
D Awak akan menjawab soalan dengan berhati-hati.

Soalan 26 dan soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 26 Sejak kita berusia tujuh tahun, ibu bapa telah menghantar kita ke sekolah.
A Ibu bapa telah tujuh tahun menghantar kita ke sekolah.
B Kita berumur tujuh tahun sejak ibu bapa menghantar kita ke sekolah.
C Ibu bapa telah menghantar kita ke sekolah sejak umur kita tujuh tahun.
D Kita telah dihantar ke sekolah oleh ibu bapa selama tujuh tahun.

27 " Murid-murid yang berminat untuk menyertai lawatan hendaklah melengkapkan borang ini, " kata Cikgu Firzanah.

- A Cikgu Firzanah memaklumkan kepada murid-murid.
- B Murid-murid yang berminat memberitahu Cikgu Firzanah supaya melengkapkan borang penyertaan lawatan.
- C Cikgu Firzanah memaklumkan kepada murid-murid yang berminat untuk menyertai lawatan supaya melengkapkan borang yang diberi.
- D Cikgu Firzanah berminat memberitahu murid-muridnya supaya melengkapkan borang penyertaan lawatan.

Soalan 28

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.

- 28 I Haikal menuntut hutangnya daripada Afifi.
 - II Kakak sedang menuntut di Universiti Putra Malaysia.
 - III Sabrina menuntut basikalnya ke bawah pokok.
 - IV Abang hendak menuntut wayang gambar di bandar.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 29 dan Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29 I Salimah sungguh bosan dengan sikap Tina yang suka menunjuk-nunjuk.
 - II Jam loceng berdering itu mengejutkan Syaza dari tidurnya.
 - III Danial makan sungguh sedikit pada masa rehat.
 - IV Salman mengadu yang dia rasa sungguh tidak selesa apabila memakai kasut itu.
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 30 I Sungguhpun hujan renyai-renyai penonton tetap tidak berganjak.
 - II Penempatan pendatang haram itu akan dirobohkan tidak lama lagi.
 - III Penghijrahan segolongan belia-belia ke bandar menyebabkan banyak tanah di desa terbiar.
 - IV Mereka suka sangat membuang masa di kompleks beli-belah.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Soalan 31 hingga 35

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Satu pertandingan Sepak Raga Ratus akan diadakan pada 17 Jun 2011. Pertandingan ini buat **julung** kalinya dianjurkan oleh PIBG Sekolah Kebangsaan Sri Melur, Klang. Pertandingan ini terbuka kepada semua murid bawah 12 tahun di Daerah Klang.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- A) Satu pasukan terdiri daripada 10 orang peserta dan dua peserta simpanan.
- B) Pertandingan akan dibuat secara kalah mati.
- C) Setiap peserta mestilah berpakaian sukan yang sesuai.
- D) Tarikh tutup penyertaan, dua minggu sebelum tarikh perlawanan.
- E) Yuran Pendaftaran sebanyak RM 20 untuk satu pasukan

HADIAH

Tempat pertama : RM 250 dan piala
Tempat kedua : RM 200 dan piala
Tempat ketiga : RM 150 dan piala
Tempat keempat : piala

Tujuan pertandingan ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara sekolah-sekolah dalam Daerah Klang, mencungkil bakat murid dan mempopularkan permainan tradisional dalam kalangan murid-murid sekolah.

Daftarlah segera. Bagi urusan pendaftaran dan pembayaran, sila hubungi Encik Shukri bin Jamil di bilik urus setia pertandingan Sekolah Kebangsaan Sri Melur.

31 Siapakah yang menganjurkan pertandingan Sepak Raga Ratus?

- A En. Shukri bin Jamil
- B Pejabat Daerah Klang
- C Murid-murid Tahun 6
- D PIBG Sekolah Kebangsaan Sri Melur

32 Berikut adalah syarat pertandingan kecuali

- A Satu pasukan terdiri daripada 12 orang
- B Tarikh tutup penyertaan tujuh hari sebelum perlawanan
- C Pertandingan dijalankan secara kalah mati
- D Peserta boleh berpakaian sukan

33 Berikut adalah tujuan pertandingan Sepak Raga Ratus diadakan, kecuali

- A mencungkil bakat murid
- B mengisi masa lapang murid
- C mempopularkan permainan tradisional
- D mengeratkan hubungan antara sekolah-sekolah Daerah Klang

34 Perkataan **julung** di dalam petikan bermaksud

- A awal
- B asal
- C pertama
- D permulaan

35 Berikut adalah pasukan yang layak menyertai pertandingan, kecuali

- A pasukan murid Tahun 6 yang terdiri daripada lelaki dan perempuan
- B pasukan murid Tahun 5 dari sekolah yang berdekatan
- C pasukan gabungan murid-murid Tahun 6 dalam Daerah Klang
- D pasukan yang mendaftar pada hari Pertandingan

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

Permainan badminton dipercayai bermula pada awal abad ke-14. Permainan ini begitu popular di England dan Perancis. Namun begitu, permainan ini tidak mempunyai gelanggang dan jaring. Pemain-pemainnya hanya melambung bulu tangkis seperti permainan sepak raga bulatan.

Pada tahun 1877, undang-undang badminton yang pertama telah digubal oleh pegawai tentera British, Colonel H.Q. Shelby. Seterusnya, pada tahun 1893, Persatuan Badminton England telah ditubuhkan. Berikutan itu, undang-undangnya telah diperkemas. Daripada melambung bulu tangkis, permainan itu berubah kepada permainan gelanggang yang diminati ramai pada masa kini.

Pertandingan All England telah diperkenalkan pada tahun pada tahun 1902, Piala Thomas pada tahun 1949 dan Piala Uber untuk wanita pada tahun 1956.

Askar-askar British yang bertugas di Malaya pada tahun 1920-an dan 1930-an telah memperkenalkan permainan ini kepada penduduk tempatan. Permainan ini terus mendapat tempat di hati rakyat tempatan. Akhirnya, pada tahun 1934 Persatuan Badminton Malaya telah ditubuhkan.

Kehebatan Malaysia dalam sukan ini telah **bermula** semenjak tahun 60-an lagi dengan kemunculan pemain-pemain unggul seperti Punch Gunalan, Ng Boon Bee dan Tan Aik Kwang yang menjulang Piala Thomas pada tahun 1967. Kemunculan pemain-pemain anak-anak Sidik pada tahun 80-an juga menjadikan Malaysia sebagai jaguh badminton dunia yang disegani apabila mereka sekali lagi membawa pulang Piala Thomas ke tanah air pada Tahun 1991.

(Petikan daripada Majalah Kuntum)

36 Sejak bilakah permainan badminton telah mula terkenal di England dan Perancis?

- A awal tahun 1400
- B pada tahun 1877
- C semenjak tahun 60-an
- D tahun 1920-an

37 Siapakah yang telah memperkenalkan permainan badminton di negara kita?

- A tentera British
- B anak-anak Sidik
- C Persatuan Badminton Malaya
- D Persatuan Badminton England

38 Apakah sumbangan H.Q. Shelby dalam sukan badminton?

- A Memperkenalkan Pertandingan All England
- B Menubuhkan Persatuan Badminton England
- C Menggubal undang-undang badminton yang pertama
- D Mengubah peraturan permainan badminton

39 Apakah maksud frasa *mendapat tempat di hati rakyat*?

- A Menyediakan tempat bermain badminton.
- B Menarik minat orang ramai.
- C Permainan yang mudah dipelajari.
- D Minat menjadi ahli Persatuan Badminton.

40 Pernyataan yang manakah benar mengenai petikan?

- A Permainan badminton diasaskan oleh tentera British.
- B Permainan badminton dimainkan dengan menyepak dulu tangkis.
- C Permainan badminton diperkenalkan di Malaysia pada tahun 60-an.
- D Negara kita telah memenangi Piala Thomas sebanyak dua kali.


KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 4

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Kerajaan akan membina _____ untuk mengatasi kesesakan lalu lintas pada musim perayaan.

A jejantas
B jejambat
C lebuh raya
D jalan rentas

2. Keringat yang _____ dahinya telah dilap dengan sapu tangan.

A basahi
B dibasahi
C membasahi
D dibasah

Soalan 3 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

3. Pelayan restoran itu _____ membawa sedulang makanan yang dipesan oleh pelanggan.

A menatang
B memikul
C mengelek
D menjunjung

Soalan 4 dan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

4. Air yang disimpan di dalam _____ itu sejuk dan dipercayai berkhasiat untuk diminum.

A buli-buli
B labu-labu
C dekak-dekak
D pasu-pasu

5. Hasil kraf tangan itu telah banyak diusahakan _____ kaum wanita.

A bagi
B dari
C pada
D oleh

Soalan 6 berdasarkan Gambar 4




Gambar 4

6. Ayah saya menyara kami sekeluarga dengan menjual _____.
- A surat khabar
B surat kuasa
C sampul surat
D surat sumpah
- Soalan 7 berdasarkan Gambar 5**
- 
- Gambar 5**
7. Alia makan _____ anggur sambil membaca _____ novel.
- A sebiji ... senaskhah
B sebiji ... sebuah
C segugus...sebuah
D sejambak ... sehelai
- Soalan 8 berdasarkan Gambar 6**
- 
- Gambar 6**
8. Pemain itu berjaya _____ bola itu hingga membolosi gawang pasukan Johor.
- A menangkap
B menendang
C mengelecek
D membawa
9. "Silakan tuan hamba, berehat di teratak _____ ini," pelawa Bentan kepada Demang.
- A awak
B hamba
C patik
D kalian
10. Guru Besar _____ tahniah kepada pemain pasukan bola sepak yang telah berjaya menjuarai kejohanan MSSD.
- A mengucapkan
B mengatakan
C melafazkan
D menyuarakan
11. Apa _____ yang dihajati oleh Puan Ani pasti akan dituruti oleh suaminya.
- A kah
B jua
C tah
D pun
12. Datuk saya masih aktif dalam kegiatan amal _____ telah meletakkan jawatannya sebagai pegawai kerajaan.
- A lalu
B ketika
C meskipun
D malahan
13. Berkat kegigihan berlatih pada setiap hari, _____ pasukan badminton negara berjaya merangkul kejuaraan dalam satu pertandingan baru-baru ini.
- A walau bagaimanapun
B bagaimanapun
C walaupun
D akhirnya
14. Ahli pengakap itu tidak dapat meneruskan pendakian hingga ke _____ Gunung Kinabalu kerana hujan turun dengan lebat.
- A atas
B hujung
C puncak
D tepi

15. Pihak polis menasihati _____ pengguna jalan raya supaya mematuhi peraturan lalu lintas.
- A kebanyakan
B segelintir
C setengah
D setiap

Soalan 16 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

16. Pak Samad memikul _____ pisang emas untuk dijual di gerainya.
- A sesisir
B sesikat
C setangkai
D setandan
17. Harga kain songket tenunan tangan itu adalah _____ dan tidak boleh ditawar lagi.
- A harga mati
B harga diri
C dalam tangan
D buah tangan

Soalan 18

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang bergaris.

18. Penonton yang menyaksikan perlawanan bola sepak itu berasak-asak merempuh pagar stadium.
- A menyerbu
B melanggar
C menolak
D menyerang

Soalan 19

Pilih perkataan **berlawanan** bagi perkataan yang bergaris.

19. Tikar mengkuang yang baru dibeli oleh ibu dari kedai masih tergulung di ruang tamu.
- A terbuka
B terhampar
C terlipat
D tertutup

Soalan 20

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai berdasarkan ayat di bawah.

20. Perniagaan yang diusahakan oleh Rahimi itu terbengkalai kerana sikapnya yang tidak bersungguh-sungguh.
- A hangat-hangat tahi ayam
B genggam bara api biar sampai jadi arang
C indah khabar dari rupa
D pukat berlabuh ikan tak dapat

Soalan 21

Pilih ayat yang betul

21. A Eh, sudah masak rupa-rupanya buah rambutan itu!
B Wah, ambillah buku kamu ini! Nanti basah pula.
C Cis, malang sungguh nasib anak-anak Puan Maria!
D Aduh, tinggalkan saya di tepi jalan ini!

Soalan 22 berdasarkan Gambar 8

Pilih **ayat tanya** yang betul bagi jawapan yang diberikan.



Gambar 8

22. A Hai, Ramli! Kamu dari mana?
B Ke manakah tujuan kamu?
C Bilakah kamu hendak pulang?
D Mengapakah kamu ke kedai?

Soalan 23

Pilih **jawapan** yang betul bagi ayat tanya yang diberi.

23. Tentulah Alina, kerana dulu dia pernah menjadi juara bowling.

- A Apakah yang dimenangi oleh Alina?
B Mengapakah Alina lebih handal bermain bowling?
C Di manakah Alina menjadi juara bowling?
D Antara Alina dan Siti, siapa yang lebih handal?

Soalan 24 dan Soalan 25

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

24. “Bersabarlah, Murni. Ini semua dugaan Tuhan,” kata Pak Taha.

- A Pak Taha mengatakan ini semua dugaan Tuhan.
B Pak Taha mengingatkan Murni supaya bersabar menghadapi dugaan Tuhan.
C Murni menasihati Pak Taha bersabar dalam menghadapi dugaan Tuhan.
D Pak Taha memaksa Murni supaya bersabar menghadapi dugaan.

25. Mereka menyuruh kami menceritakan perkara yang telah berlaku itu berulang-ulang kali.

- A Berulang-ulang kali kami disuruh oleh mereka menceritakan perkara yang telah berlaku itu.
B Cerita tentang mereka melakukan perkara itu telah kami suruh berulang-ulang kali.
C Mereka disuruh bercerita perkara yang telah berlaku itu kepada kami berulang-ulang kali.
D Kami berulang-ulang kali menyuruh mereka menceritakan perkara yang telah berlaku itu.

Soalan 26 hingga Soalan 28

Pilih **ayat-ayat** yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.

26. I Demi keselamatan penduduk kampung, berbagai-bagai langkah telah diambil.
II Mak Teh menatap gambar anaknya satu demi satu.
III Kehidupan keluarganya bertambah demi bantuan kewangan daripada orang ramai.
IV Demi Tuhan, aku tidak pernah berbohong kepadamu

A I, II dan IV sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

27. I Pohon di rumahnya banyak cabangnya.
II Cabang hidup ini banyak dugaannya.
III Bank itu mempunyai cabang yang banyak.
IV Pantun ialah cabang puisi lama.

A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

28. I Ikutlah rasmi padi, semakin berisi semakin tunduk.
II Mahmud telah dilantik menguruskan hal-hal rasmi di pejabatnya.
III Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia.
IV Cikgu Sarah sedang menerangkan teknik menulis surat rasmi.

A I dan IV sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 29 hingga Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul

29. I Mereka-mereka yang berminat diminta segera mendaftarkan diri.
 II Kim Leng tinggal dengan neneknya sejak tujuh tahun yang lalu.
 III Pendapat abang tidak cukup untuk membiayai persekolahan saya.
 IV Balai polis itu akan dirasmikan pada hari Sabtu ini.
- A I dan III sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D II dan IV sahaja
30. I Koding berdiri lalu memberikan jawapan.
 II Dia akan tidur di rumah saya atau di hotel.
 III Bayi itu lapar maka dia menangis.
 IV Siti menangis bila mendengar berita itu.
- A I dan IV sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, III dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca berita di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

KAJANG, 22 Julai – Seorang lelaki berumur 22 tahun ditemui terbaring tidak sedarkan diri di tepi Jalan Semenyih, kira-kira 2 kilometer dari bandar Kajang. Selain terdapat kesan tikaman di dada, lelaki itu juga cedera parah di kepala. Seorang pemandu teksi telah menghantar lelaki berkenaan ke Hospital Kajang dan melaporkan kejadian tersebut kepada polis.

Siasatan yang dilakukan menunjukkan bahawa lelaki itu telah diserang semasa pulang daripada kerja. Kecederaan di kepala menunjukkan kesan pukulan yang kuat dengan menggunakan senjata tumpul sementara kesan tikaman dipercayai dibuat menggunakan pisau lipat.

Lelaki itu tidak dapat dikenal pasti keturunan dan warisnya kerana tidak terdapat sebarang dokumen pengenalan yang ditemui pada dirinya ketika itu. Mangsa telah kehilangan dompet, jam tangan, telefon bimbit dan beberapa barang berharga yang lain. Motif serangan tersebut masih belum dikenal pasti, tetapi mungkin kerana rompakan atau dendam lama.

Polis mengklasifikasikan kes ini sebagai rompakan serta cubaan membunuh dan sedang mengesan mereka yang terlibat. Sesiapa yang kehilangan saudara-mara atau kenalan ataupun mempunyai maklumat yang berkaitan dengan kejadian tersebut diminta menghubungi Inspektor Joni di talian 03-57663222 atau 012-7070777. Kerjasama orang ramai bagi membantu polis menyelesaikan kes ini dengan segera sangat diharapkan.

31. Siapakah yang menemui lelaki yang terbaring di tepi jalan itu?

- A Pihak polis
 B Seorang pemandu teksi
 C Seorang penumpang teksi
 D Orang ramai

32. Bagaimakah keadaan lelaki itu ketika ditemui?

- A cedera parah dan pengsan
 B cedera dan hilang ingatan
 C tidak sedarkan diri
 D luka akibat tikaman

33. Mengapakah dikatakan lelaki itu terlibat dalam rompakan?
- A Barang-barang peribadinya tidak ditemui.
 - B Dokumen pengenalan dirinya telah hilang.
 - C Motif serangan ke atas dirinya adalah rompakan.
 - D Dia di tikam dengan menggunakan pisau lipat.
34. Perkataan yang sama erti dengan *mengklasifikasi* dalam perenggan terakhir petikan di atas ialah
- A melibatkan
 - B mengkategorikan
 - C memasukkan
 - D membahagikan
35. Nyatakan perkara yang **benar** tentang petikan?
- A Ramai orang telah melaporkan kejadian itu kepada pihak polis.
 - B Lelaki yang cedera itu telah dikenali melalui pengenalan dirinya.
 - C Keluarga mangsa diminta menghubungi pihak polis.
 - D Dia diserang ketika sedang bekerja.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca **puisi** di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Merdeka

Itulah laungan yang bergema,
Lambang kebebasan,
Malaysia bumiku merdeka.

Merdeka

Lahirmu daripada sebuah perjuangan,
Perjuangan seorang putera bangsa,
Yang bersemangat waja,
Perjuangan bapa-bapa kami,
Pembela nusa,
Perjuangan suci tanpa titisan darah.

Merdeka

Kami anak-anak yang merdeka,
Kami bangga lahir di bumi Malaysia,
Bumi yang makmur dan kaya dengan
khazanahnya,
Bumi yang kaya dengan budaya,
Bumi muhibah berbilang bangsa.

Merdeka

Kami anak-anak wawasan,
Tidak mahu ketinggalan,
Kami mengejar kemajuan,
Kami mampu menjulang namamu,
Oh, Malaysia!

36. Apakah maksud merdeka dalam petikan di atas?

- A Lepas daripada cengkaman penjajahan.
- B Bebas untuk pergi ke sana dan ke mari.
- C Hidup dalam masyarakat berbilang bangsa.
- D Berjaya menghalau penjajah tanpa menitiskan darah.

37. Bagaimanakah semangat pejuang-pejuang negara untuk mencapai kemerdekaan?

- A Bersikap berani dan bersemangat kental
- B Berbelah bahagi untuk menentang penjajah
- C Berkobar-kobar untuk memerangi penjajah
- D Bersemangat sebagai pembela bangsa

38. Apakah yang dimaksudkan dengan *khazanah* berdasarkan petikan?
- A Wang ringgit dan batu permata
B Tumbuh-tumbuhan
C Pelbagai sumber asli
D Bukit-bukau dan hutan asli
- 39 Mengapakah kita patut berasa bangga dilahirkan di Malaysia?
- A Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai wawasan.
B Malaysia aman makmur dan rakyatnya hidup harmoni.
C Malaysia kaya dengan pelbagai budaya bahan galian.
D Malaysia lahir daripada perjuangan seorang putera bangsa.
40. Apakah cita-cita anak wawasan?
- A terus memperjuangkan kemerdekaan
B Ingin bersatu dan hidup harmoni
C terus mengejar kemajuan negara
D mahu memaju dan mengharumkan nama negara

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 5


Soalan 1 hingga Soalan 19

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid yang membantu _____ majlis itu telah diberikan sedikit cenderahati.

- A menjayakan
- B berjayakan
- C dijayakan
- D kejayaan

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Penyanyi yang bersuara lantang itu mendapat tepukan _____ daripada para penonton .

- A kuat
- B hebat
- C hangat
- D gemuruh

- 3 "Salim dan Hilmi pergi memancing. Sebentar lagi pulanglah _____," kata Mak Piah kepada Amin.

- A dia
- B kalian
- C engkau
- D mereka

- 4 Mereka kagum melihat _____ orang buta itu menganyam rotan untuk dijadikan bakul.

- A kemantapan
- B kebolehan
- C kelebihan
- D kepuasan

- 5 Datuk memetik buah-buah rambutan yang telah _____ di dusun dengan sebatang galah yang panjang.

- A tua
- B muda
- C masak
- D matang

- 6 Kita perlu melayan tetamu dengan _____ sebagai tanda kita menghormati mereka.

- A berani
- B tabah
- C mesra
- D erat

- 7 Kenangan _____ itu masih lagi segar dalam ingatannya ketika bersendirian.

- A lampau
- B lapuk
- C luput
- D lewat

- 8 Sejak berlakunya _____ pendapat tempoh hari, Salmah dan Sunita tidak bertegur sapa antara satu sama lain.

- A pertikaian
- B perbezaan
- C perbalahan
- D percanggahan

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah



- 9 Pak Hassan menggunakan _____ tongkat untuk membantunya semasa berjalan.

- A seruas
- B selaras
- C sebatang
- D sebilah

- 10 Kaki kambing itu _____ ke dalam lubang.
- A terjatuh
B terjelepok
C terperosok
D tersebamb
- 11 Penaja minuman dikehendaki _____ daripada menggunakan pewarna yang tidak dibenarkan.
- A berhenti
B berhentikan
C diberhentikan
D memberhentikan
- 12 Pertemuan itu tidak dirancang. Ia hanya berlaku secara _____ sahaja.
- A kebetulan
B kebetulan
C berbetulan
D membetulkan
- 13 Walaupun dalam keletihan, _____ pelari itu cuba menamatkan lariannya.
- A sepuas hati
B segenap hati
C sepantas kilat
D sedaya upaya
- 14 Puan Zainab menjawab soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya dengan _____ semasa sesi soal jawab itu.
- A ramah mesra
B kasih sayang
C berhemah tinggi
D bersopan santun
- 15 "Sindiran yang dilemparkan oleh kakak masih _____ di telinga saya," kata Faizal kepada abangnya.
- A terpinga-pinga
B terngiang-ngiang
C terdesing-desing
D terdengung-dengung
- 16 Beberapa hektar kawasan ladang kelapa sawit di Felda Jengka telah dirosakkan oleh _____ gajah liar malam semalam.
- A segerombolan
- B sepasukan
C sekawan
D sekaum
- 17 Dua _____ jambatan dan beberapa _____ jalan raya di daerah itu mengalami kerosakan teruk akibat banjir tahun lepas.
- A biji buah
B buah batang
C deret jalur
D buah.....bidang
- 18 " _____ aku apabila mendengar engkau menjerit tadi!" kata Hamid kepada Amin.
- A Naik angin
B Naik darah
C Kering darah
D Kepala angin
- 19 Sia-sia kami menolongnya ketika dia dalam kesusahan, akhirnya kami juga yang dipersalahkan. Bak kata orang _____.
- A seperti aur dengan tebing
B seperti hujan jatuh ke pasir
C seperti kera mendapat bunga
D seperti melepaskan anjing tersebut
- 20 Apabila air surut, ramai orang mula mengutip kerang di muara sungai itu.
- Pilih **perkataan berlawan** bagi mengutip
- A menangkap
B membuang
C mengambil
D memungut
- 21 Masalah itu lebih rumbit apabila kedua-dua belah pihak tidak mahu menerima pendapat orang lain.
- Pilih **perkataan seerti** bagi rumbit
- A sukar
B teruk
C kacau
D senang

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22 I Hatinya meragut bimbang sejak anaknya hilang.
II Encik Hassan meragut kerana kerjanya banyak yang belum beres.
III Beberapa ekor kambing sedang meragut rumput di tepi jalan itu.
IV Dengan secepat kilat, pemuda itu meragut beg tangan wanita tersebut.

- A I dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja

- 23 I Azam menarik diri daripada menganggotai pasukan koir sekolahnya.
II Cerita yang diperdengarkan oleh datuk sungguh menarik.
III Raju sungguh menarik akan persembahan Tarian Inang yang dipersembahkan, Ali menarik tali itu sekutu-kuat hatinya.
IV

- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja

- 24 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.

Puan Nani pergi ke Kuala Lumpur untuk menziarahi datuknya yang akan berangkat ke tanah suci.

- A Di manakah datuk Puan Nani tinggal ?
B Siapakah yang akan pergi ke tanah suci ?
C Pakah tujuan datuk Puan Nani pergi ke tanah suci ?
D Mengapakah Puan Nani pergi ke Kuala Lumpur ?

25

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Adakah dia akan terus bergiat dalam bidang nyanyian walaupun usianya telah lanjut ?

- A Setahu saya dia adalah orang lama yang berkecimpung dalam bidang nyanyian.
B Dia akan tetap bergiat dalam bidang nyanyian walaupun usianya sudah tua.
C Dia amat meminati bidang nyanyian walaupun usianya telah lanjut.
D Dia memang terkenal seluruh negara kerana telah lama bergiat dalam nyanyian.

Soalan 26 -27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 26 “Tolong buangkan sisa-sisa makanan ini ke dalam tong sampah di belakang rumah,” kata ibu kepada Siti.

- A Ibu menyuruh Siti membuangkan semua sisa makanan itu ke belakang rumah berhampiran tong sampah.
B Ibu menyuruh Siti membuangkan semua sisa makanan ke belakang rumah yang hampir dengan tong sampah.
C Ibu menyuruh Siti membuang semua sisa makanan ke dalam tong sampah di rumah mereka.
D Ibu menyuruh Siti membuang semua sisa makanan ke dalam tong sampah di belakang rumah mereka.

- 27 Emak sedang menjahit baju baharu adik.
- A Emak sedang dijahit baju baharu adik.
 - B Dijahit oleh adik baju baharu emak.
 - C Baju baharu adik sedang dijahit oleh emak.
 - D Baju baharu emak sedang dijahit oleh adik.

Soalan 28-30

Pilih ayat yang betul.

- 28 A Rahim menghadiahikan bapanya sehelai baju batik.
 B Abang ke kedai untuk membeli sebotol tomato sos.
 C Amnah sangat suka makan goreng ayam bersalut rempah.
 D Safar Restoran terkenal dengan masakan ala Timur Tengah.
- 29 I Perjalanan ke kampungnya mengambil masa empat jam setengah.
 II Selain daripada itu, kita perlu menghormati guru.
 III Guru Besar-guru besar akan bermesyuarat hari ini.
 IV Bas mini itu terbabas ke dalam gaung petang semalam.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV
- 30 I Lori itu datang daripada Kota Bharu.
 II Kasut itu sudah lama Amin pakai.
 III Peristiwa luar kebiasaan itu tidak berlaku di sini.
 IV Ulas durian itu sungguh besar dan berwarna kuning.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV

Soalan 31 hingga 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini Cikgu Hasmah bertanyakan bagaimana cara murid-murid Tahun Enam Cempaka datang ke sekolah. Beliau hendak membuat kajian tentang murid-murid dalam kelasnya. Ada antara murid-murid dalam kelas itu yang menaiki bas, menunggang basikal, membongceng basikal kawan, dihantar oleh ibu bapa ke sekolah dan ada juga yang berjalan kaki ke sekolah.

“Tidak penatkah kamu berjalan kaki ke sekolah, Hilmi ?” tanya Amar seolah-olah menyindir Hilmi. Hilmi diam sahaja. Amin yang berada di sebelah Hilmi menjengilkan mata ke arah Amar.

“Bersabarlah, Hilmi. Perangai Amar memang begitu. Dia memang suka memandang rendah terhadap orang lain. Mentang-mentanglah dia anak orang berada,” kata Amin kepada Hilmi ketika bersama-sama berjalan pulang dari sekolah.

“Tak mengapalah, Amin. Saya tidak mengambil hati tentang kata-kata Amar tadi,” kata Hilmi.

Setibanya dirumah, Hilmi bersalin pakaian. Selepas mandi, makan dan mengulang kaji pelajaran serta menyiapkan kerja sekolahnya, Hilmi pergi ke gerai ibunya di simpang jalan kampungnya. Ibu Hilmi menjual minuman dan buah-buahan di gerai itu. Semenjak bapanya meninggal dunia lima tahun yang lalu, gerai itulah menjadi punca rezeki mereka sekeluarga.

Ibu Hilmi sentiasa mengambil berat akan pelajaran anak-anaknya. Oleh hal yang demikian, Hilmi amat berharap agar dia akan berjaya dalam peperiksaan UPSR nanti. Kejayaan Hilmi akan mendorong adik-adiknya belajar dengan lebih giat lagi.

Hari yang dinanti-nanti oleh semua calon UPSR tiba-tiba. Kawan-kawan Hilmi mengerumuninya dan mengucapkan tahniah atas kejayaannya. Amar hanya memerhati dari jauh. Dia tidak menyangka bahawa anak penjual buah dan berulang-alik ke

sekolah dengan berjalan kaki dapat menjadi pelajar terbaik di sekolah itu

- 31 Apakah yang dilakukan oleh Amin kepada Hilmi ketika balik dari sekolah ?
A Memburukkan nama Amar.
B Menguji ketabahan hari Hilmi.
C Mententeramkan perasaan Hilmi.
D Menghasut Hilmi supaya membala dendam.
- 32 Hilmi seorang murid yang
A suka ponteng
B memilih kawan
C suka bergaduh
D bertanggungjawab
- 33 Mengapakah Hilmi tersenyum riang ?
A Dia disayangi oleh keluarganya.
B Dia dikerumuni oleh kawan-kawannya.
C Dia mencapai keputusan cemerlang di sekolahnya.
D Dia berjaya membala dendam terhadap perbuatan Amar.
- 34 Perkataan **mengambil hati** dalam petikan di atas bermaksud
A berasa malu
B berasa marah
C berasa kecewa .
D berasa tersinggung.
- 35 Pernyataan berikut benar tentang Hilmi **kecuali**
A dia yatim piatu.
B selalu diejek oleh Amar.
C berkawan baik dengan Amin rakan sekelasnya.
D bertanggungjawab dan sentiasa membantu ibunya.

Soalan 36 hingga 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Sukan Tahunan Ke 12 Sekolah Kebangsaan Seri Cahaya

Sekolah Kebangsaan Seri Cahaya telah mengadakan sukan tahunan kali ke 12 pada 20 Februari 2011. Acara sukan dimulakan pada jam 2.00 petang. Sukan ini **melibatkan** semua murid sekolah tersebut dan dikelaskan ke dalam tiga kumpulan iaitu kumpulan A, B dan C. Mereka mewakili empat buah rumah iaitu Rumah Merah, Rumah Kuning, Rumah Biru dan Rumah Hijau.

Antara acara sukan yang diadakan pada hari tersebut ialah acara balapan seperti lumba lari 80 meter kelas C, 100 meter kelas A dan B, 200 meter kelas A dan B, serta acara lari berganti-ganti 4 X 100 meter dan 4 X 200 meter kelas A dan B. Sebahagian acara padang sudah dijalankan seminggu sebelum itu. Antaranya termasuklah acara lompat tinggi, lompat jauh dan lontar peluru.

Selain itu, acara sukan turut diadakan mengikut rumah sukan. Antara acara yang dipertandingkan ialah lari berhalangan, lari memancing botol, lari mengepit bola getah, mengisi air dalam botol, dan lari membawa gelung rotan. Pertandingan perbarisan dan hiasan rumah sukan tercantik turut diadakan untuk memeriahkan temasya sukan tersebut.

Beberapa acara sukan untuk guru-guru, ibu bapa dan pegawai-pegawai sukan turut diadakan. Pihak sekolah telah mengundang beberapa pasukan bagi acara 4 X 100 meter dari sekolah berhampiran untuk beradu dengan pasukan tuan rumah. Seluruh warga sekolah sangat berpuas hati dengan acara-acara yang diadakan. Walaupun dijalankan secara sederhana, temasya sukan itu tetap meriah dengan adanya kerjasama daripada semua pihak.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Yang Berusaha Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Wakaf Bharu. Johan perbarisan dimenangi oleh pasukan Rumah Merah. Rumah Biru pula memenangi pertandingan hiasan rumah tercantik. Johan keseluruhan disandang oleh Rumah Hijau. Farid bin Tajul Ariffin, peserta Rumah Merah dan Nor Mahani bt. Abdul Razak , peserta Rumah Biru telah diisytiharkan sebagai olahragawan dan

olahragawati tahun 2011. Majlis bersurai pada jam 6.00 petang.

Disediakan oleh, 28 FEBRUARI 2011.

Anisah
(ANISAH BT. YUSUFF)
Setiausaha Sukan,
Sekolah Kebangsaan Seri Cahaya

36 Bilakah acara lompat tinggi, lompat jauh dan lontar peluru diadakan ?

- A 12 Februari 2011
- B 13 Februari 2011
- C 14 Februari 2011
- D 15 Februari 2011

37 Apakah acara yang tidak dijalankan pada hari sukan tersebut ?

- A lompat jauh
- B lari 4 X 200 meter
- C lari memancing botol
- D lari membawa gelung rotan

38 Olahragawan temasya sukan pada kali ini disandang oleh peserta

- A Rumah Biru
- B Rumah Hijau
- C Rumah Merah
- D Rumah Kuning

39 Pilih pernyataan yang **tidak benar** dalam petikan di atas.

- A Acara sukan bermula pada awal petang.
- B Semua murid menyertai acara sukan tersebut.
- C Majlis penutupan disempurnakan oleh guru besar .
- D Ada juga acara untuk ibu bapa dan pegawai-pegawai sukan.

40 Maksud perkataan **melibatkan** dalam petikan bermaksud

- A terbabit
- B terkena
- C membebati
- D membungkus

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 6

Soalan 1 hingga Soalan 18

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai

1 “ _____ tentunya penat kerana perjalanan kita sangat jauh, berahatlah dahulu,” kata Kamal kepada anggota kumpulannya.

- A Anda
- B Kamu
- C Kalian
- D Mereka

2 Encik Musa seorang peladang yang berjaya. _____ telah menerima anugerah

Peladang Jaya pada tahun lepas.

- A Dia
- B Awak
- C Anda
- D Beliau

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah




3 Aina membantu ibunya _____ barang-barang yang baru dibeli dari pasar.

- A membimbbit
- B menggalas
- C mengandar
- D memikul

4 Pak Ali dan kawan-kawannya sedang _____ padi dengan menggunakan ketaman.

- A menampi
- B mengayak
- C mengangin
- D mengetam

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Aiman dan Ah Seng sedang _____ mengusung sebuah kotak yang berat itu.

- A berdikari
- B berrtolakansur
- C bersopan santun
- D bekerjasama

6 Air laut rasanya masin tetapi air perigi di kawasan berhampiran pantai rasanya _____

- A kelat
- B payau
- C tawar
- D hambar

7 Peserta-peserta dari Kumpulan Omega diminta membentangkan hasil perbengkelan mereka _____ kumpulan lain diminta memberikan perhatian.

- A walhal
- B malahan
- C manakala
- D sedangkan

8 Semua guru amat menyenangi pelantikan ketua murid yang baru itu kerana dia _____ bijak _____ bertanggungjawab.

- A jangankanmalahan
- B bukan sahajamahupun
- C sedangkan tambahan pula
- D bukan sahajabahkan juga

9 _____ kejadian ngeri itu, Hisham tidak berani lagi ke mana-mana tanpa pengetahuan ibunya.

- A Dari
- B Sejak
- C Hingga
- D Daripada

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Samad sangat _____ kerana waunya naik tinggi.
- A duka
 - B mesra
 - C kecewa
 - D gembira
- 11 Ayah sedang _____ pokok bunga manakala abang pula _____ kasut sekolah.
- A memangkasmenyental
 - B mencantasmencuci
 - C mengguntingmenyapu
 - D memotongmemberus
- 12 Amin _____ ibunya kerana tidak mengemas pakaianya yang bersepah-sepah di atas katil dan lantai.
- A memarahkan
 - B dimarahkan
 - C memarahi
 - D dimarahi
- 13 Kebakaran bukan sahaja boleh _____ harta benda tetapi boleh juga mengorbankan nyawa manusia.
- A memusnahi
 - B kemusnahaan
 - C bermusnahan
 - D memusnahkan
- 14 Kedua-dua orang murid yang nakal itu dikenakan tindakan _____ sebagai akibat

- perbuatan mereka yang menconteng dinding sekolah .
- A tatacara
 - B tatasusila
 - C tataertib
 - D tatabahasa

- 15 Encik Hamdan memberhentikan keretanya _____ apabila seekor kucing melintas secara tiba-tiba.
- A mundar-mandir
 - B porak-peranda
 - C lintang-pukang
 - D serta-merta
- 16 Petang itu hujan turun dengan lebatnya disertai kilat _____.
- A berkilaunya
 - B sabung-menyalung
 - C sambar-menyalam
 - D berdentam-dentum
- 17 Seorang ahli arkeologi telah menemukan dua _____ tembikar lama di kaki gunung itu.
- A biji
 - B butir
 - C buah
 - D bongkah
- 18 Encik Mahmud sekeluarga merasa tertipu dengan iklan yang diwarkan oleh iklan pelancongan itu kerana pemandangan di pantai itu sebenarnya
- A indah khabar dari rupa.
 - B di luar merah, di dalam pahit.
 - C jauhari juga yang mengenal manikam
 - D bumi mana yang tidak ditimpah hujan.
- 19 Banyak peniaga membuka gerai makanan di kawasan kilang yang baru dibuka itu.
Perumpamaan yang sesuai untuk pernyataan di atas adalah
- A ada gula ada semut.
 - B tepuk dada tanya selera.
 - C sediakan payung sebelum hujan.

- D sambil menyelam sambil minum air.
- 20 Keadaan mangsa kemalangan itu bertambah tenat.
Pilih perkataan seerti bagi tenat.
A baik
B sihat
C penat
D parah
- 21 Kejatuhan harga saham itu menyebabkan banyak syarikat ditutup kerana mengalami kerugian.
Pilih perkataan berlawan bagi kerugian.
A kenaikan
B keuntungan
C kelembapan
D kemerosotan
- Soalan 22 – 23**
Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.
- 22 I Arman terkial-kial membuka tali kasutnya yang bersimpul itu.
II Emaklah yang selalu membuka tingkap awal-awal pagi.
III Pak Long membuka buah durian itu dengan menggunakan sebilah parang.
IV Kuih-muih yang dijual di pasar tani itu membuka selera kami .
A I dan II
B III dan IV
C I, II dan IV
D II, III dan IV
- 23 I Secara tidak langsung, lawatan itu memberi pengetahuan baru kepada kami.
II Abang akan langsung perkahwinannya pada bulan hadapan.
III Diana langsung tidak mendengar nasihat kami.
IV Ahmad langsung tidak pulang ke kampung halamannya.
A I dan II
B III dan IV
C I, II dan IV
D I, III dan IV
- 24 **Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.**
Semua pemandu dikehendaki memakai tali pinggang keledar semasa memandu di jalan raya.
A Adakah semua pemandu dikehendaki memakai tali pinggang keledar semasa di jalan raya ?
B Mengapakah semua pemandu dikehendaki memakai tali pinggang keledar semasa di jalan raya?
C Siapakah yang dikehendaki memakai tali pinggang keledar semasa di jalan raya?
D Berapa orangkah pemandu dikehendaki memakai tali pinggang keledar semasa di jalan raya ?
- 25 **Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.**
Bilakah agaknya kamu akan berkunjung ke rumah Nani lagi ?
A Saya sudah berkunjung ke rumah Nani pada hujung tahun lepas.
B Saya akan pergi lagi ke rumah Nani bersama-sama keluarga saya.
C Sudah dua kali saya berkunjung ke rumah Nani pada tahun ini.
D Mungkin saya akan berkunjung ke rumah Nani pada cuti akhir tahun ini.
- Soalan 26 – 27**
Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.
- 26 Ahli-ahli sukan telah diberi penghargaan yang setimpal dengan sumbangan mereka menaikkan imej negara.
A Sumbangan ahli-ahli sukan menaikkan imej negara telah diberi penghargaan yang setimpal.
B Negara telah memberi penghargaan yang setimpal kepada ahli-ahli sukan kerana sumbangan mereka menaikkan imej.
C Penghargaan yang setimpal telah diberikan kepada negara kerana sumbangan mereka menaikkan imej ahli-ahli sukan.
D Sumbangan mereka menaikkan imej negara telah diberi penghargaan yang setimpal oleh ahli-ahli sukan.

27	Ibu berleter sepanjang petang apabila melihat pokok-pokok bunganya dilanyak kambing.	III	rahsia sindiket itu. Mahkamah menjatuhki pendera itu dua tahun penjara.
A	Pokok bunga ibu habis binasa akibat dilanyak kambing jiran.	IV	Zaki murid yang terpandai sekali dalam kelas kami.
B	Apabila melihat pokok-pokok bunganya habis musnah dilanyak kambing jiran, ibu berleter sepanjang petang.	A	I dan II
C	Sepanjang petang ibu meleteri kambing jiran kerana pokok-pokok bunganya habis binasa.	B	II dan III
D	Sepanjang petang ibu bersungut kerana pokok-pokok bunganya binasa akibat dilanyak kambing jiran.	C	I, II dan IV
		D	I, III dan IV

Soalan 28 - 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

28	I	Berapa kaki cendawan merah telah ditemui.	
	II	Wajahnya mirip ibu saya.	
	III	Tiap hari dia ke sekolah bersama adiknya.	
	IV	Baju itu sudah lusuh.	
	A	I dan II	
	B	I dan III	
	C	II dan III	
	D	II dan IV	
29	I	Cawan itu dibuat dari kaca yang bermutu.	
	II	Ibu tua itu amat rindu akan anaknya.	
	III	Aduan Encik Abu tentang pencemaran itu mendapat perhatian.	
	IV	Rumahnya kelihatan begitu jelas sekali.	
	A	I dan II	
	B	II dan III	
	C	I, II dan III	
	D	II, III dan IV	
30	I	Persembahan tarian itu sungguh lemah gemalai.	
	II	Polis telah membongkar	

Soalan 31 hingga 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Labah-labah adalah haiwan yang paling awal wujudnya di dunia. Raja Sulaiman amat menyayangi labah-labah sehingga baginda tidak teragak-agak untuk menghukum sesiapa sahaja yang memindah atau merosakkan sarang serangga itu yang terdapat di sekitar istananya.

Labah-labah tergolong dalam kumpulan arkanida atau dalam nama sainsnya arachnophobie. Labah-labah wujud di mana-mana sahaja di muka bumi ini.

Ia berbeza daripada serangga lain. Labah-labah mempunyai lebih sepasang mata dan lapan kaki yang terdapat dalam berwarna-warni. Bentuk dan wajahnya mempunyai ciri-ciri yang menakutkan. Ia bertujuan untuk menghindari musuhnya seperti burung dan sebagainya.

Apa yang menarik tentang labah-labah ini ialah bentuk dan sarangnya dibina. Anyaman sarang pula berbeza antara satu jenis labah-labah dengan jenis yang lain.

Contohnya labah-labah rumah. Labah-labah ini menganyam sarangnya sebegini halus hingga nyamuk tidak dapat **membolosi** jaring-jaring sarangnya itu. Sementara labah-labah yang lebih besar saiznya menganyam jaring sarangnya jarang-jarang bertujuan hanya untuk memerangkap serangga yang lebih besar dan sekaligus dapat mengelak daripada bebanangnya putus ditiu angin.

Bagaimanapun matlamat pembinaan sarang itu adalah sama iaitu untuk memerangkap mangsa dan dijadikan sebagai makanan.

- 31 Mengapa labah-labah ditakuti oleh burung dan serangga lain ?
A Mempunyai banyak kaki.
B Mempunyai banyak mata.
C Mempunyai wajah yang menakutkan.
D Mempunyai kaki yang berwarna-warni.
- 32 Sarang labah-labah begitu halus anyamannya supaya
A dapat tinggal dengan selesa.
B nyamuk mudah terperangkap.
C mangsa dapat menembusinya.
D dapat menjerat mangsa yang lebih kecil.
- 33 Apakah tujuan utama labah-labah membina sarang ?
A Mendapatkan mangsa yang besar sahaja.
B Mendapatkan mangsa yang kecil sahaja.
C Mendapatkan mangsa untuk dijadikan umpan.
D Mendapatkan mangsa untuk dijadikan makanan.
- 34 Perkataan **membolosi** dalam petikan membawa maksud
A menjauhi
B melepas
C melekati
D menghampiri
- 35 Semua pernyataan di bawah benar tentang labah-labah **kecuali**
A mempunyai lapan kaki dan banyak mata.
B haiwan yang paling awal wujud di muka bumi.
C sarang labah-labah berbeza antara setiap jenis.
D labah-labah rumah menganyam sarangnya dengan kasar.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya.

Lot 456, Taman Sri Wangsa
1650 Wakaf Bharu,
Kelantan.
12 April 2011

Menemui sahabatku Siti Hajar yang diingati semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Saudari,

Apa khabar saudari dan keluarga ? Harapan saya semoga kalian sihat sejahtera sentiasa. Saya dan keluarga di sini, Alhamdulillah, sihat wal'afiat.

Saya menulis surat ini adalah bagi pihak keluarga saya dan diri saya sendiri, iaitu untuk mengucapkan terima kasih kepada saudari sekeluarga atas layanan baik yang diberikan semasa kami sekeluarga berkunjung ke rumah saudari di Kuala Lumpur pada cuti semester tahun lepas. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana ayah saudari menghantar kami ke Setesen Kereta Api Kuala Lumpur. Bapa saudara saya menjemput kami di Setesen Kereta Api Wakaf Bharu pada pukul 10.00 pagi esoknya.

Kenangan semasa kami berada di tempat saudari sukar dilupakan. Sememangnya peristiwa itu merupakan memori indah yang akan saya kenang sepanjang hayat saya. Pengalaman semasa saudari sekeluarga membawa kami melawat bangunan tertinggi di dunia, iaitu Menara Berkembar Petronas merupakan satu pengalaman yang sukar saya lupakan. Saya dapat merasakan betapa **gayatnya** saya semasa berada di tingkat tertinggi mernara itu apabila kenderaan-kenderaan di jalan raya kelihatan seperti semut dan pepijat.

Selain itu, saya seolah-olah dapat membayangkan lagi ketika saya berpeluang menunjukkan bakat menenun kain cara Sarawak yang dipanggil "pua" ketika berkunjung ke Balai Seni Lukis Negara yang berkebetulan ketika itu sedang mengadakan pameran kebudayaan tradisional. Saya juga tidak dapat melupakan betapa uniknya ukiran tembikar sayung yang turut dipamer.

Andainya ada masa terluang, kami berharap saudari sekeluarga akan berkunjung pula ke tempat kami. Kini musim buah-buahan. Bolehlah kita sama-sama menikmati buah-buahan tempatan

- seperti durian dan rambutan yang terkenal lazatnya itu.
- Sehingga di sini sahaja warkah daripada saya. Sambutlah salam mesra daripada saya untuk saudari sekeluarga.
- Yang benar,
- Amnah*
- 36 Apakah tujuan utama surat ini ditulis ?
- A Menjemput kawan ke rumahnya.
 - B Mengimbas kembali memorinya.
 - C Menceritakan pengalaman lawatannya.
 - D Menghargai layanan keluarga rakannya.
- 37 Apakah peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh penulis ?
- A Menaiki kereta api.
 - B Menikmati buah-buahan tempatan.
 - C Melawat Menara Berkembar Petronas.
 - D Menyaksikan pameran kebudayaan tradisional.
- 38 Bilakah penulis menenun kaincara Sarawak ?
- A Semasa melawat Kuala Lumpur.
 - B Semasa berkunjung ke rumah sahabatnya.
 - C Sewaktu berkunjung ke Balai Seni Lukis Negara.
 - D Ketika pameran kebudayaan tradisional berlangsung.
- 39 Bagaimakah penulis dan keluarganya tiba di rumah ?
- A Dijemput oleh bapa saudaranya.
 - B Dihantar oleh kawannya.
 - C Pulang bersendirian.
 - D Dengan kereta api.
- 40 Maksud perkataan **gayat** dalam petikan bermaksud
- A gamang
 - B gamam
 - C geram
 - D gerun

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 7

Soalan 1 hingga soalan 16

Isi tempat kosong dalam ayat- ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah



1. Sharimah _____ longgokan kain yang diangkat dari ampaian lalu dimasukkannya ke dalam bakul.

- A. mengaul C. merangkum
B. meramu D. merangkap

2. Basri _____ anak-anak ikan di dalam kolam itu.

- A. menggagau C. mencincang
B. menggaul D. menepuk


3. Fatin memasukkan duit syiling ke dalam _____

- A. tambang C. tabung
B. serambi D. loteng

4. Mak Som _____ Adib supaya makan ubat

- A. memujuk C. memaksa
B. merayu D. mendesak

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Fitri sedang _____ air sirap untuk dihidangkan kepada kawan-kawannya.

- A. menjinjing C. membawa
B. membimbit D. menatang

6. Pondok lama di hujung kampung telah _____ penduduk kampung.

- A. dihancurkan C. dirosakkan
B. dmusnahkan D. dirobohkan

7. Aziz tidak mahu memakai kasut itu _____ dipujuk oleh kakak.

- A. selagi C. lantaran
B. meskipun D. selain itu

8. Gelanggang bola tampar itu tidak boleh digunakan _____ mendapat kebenaran daripada guru besar.

- A. sebelum C. selagi
B. sehingga D. sementara.

9. Encik Borhan _____ biolanya menghiburkan para penonton.

- A memalu
- C mengesek
- B Memetik
- D Meniup

10. Peristiwa _____ itu benar-benar membuatkan Aiman tidak berani merayau seorang diri pada waktu malam.

- A menakutkan
- C ditakutkan
- B penakut
- D ketakutan

11. Jalan menuju ke kampung Sungai Dua _____ kerana jalan belum diturap lagi.

- A incang- incut
- C lekak- lekuk
- B pontang- panting
- D bolak- balik

12. Orang ramai _____ untuk mencari tempat berteduh apabila hujan turun dengan tiba- tiba.

- A bergerak- gerak
- C berlari- larian
- B berkejar- kejaran
- D terpinga- pinga

13. Encik Dollah membeli _____ dawai dan dua _____ tiang besi untuk dijadikan ampaian.

- A sejambak... lembar
- B segulung... batang
- C sebuku... kaki
- D seberkas... batang

14. _____ itu sedang melatih pasukan bola sepak di padang.

- A Jurubina
- C Juruhias
- B Jurukimpal
- D Jurulatih

15. Samsul yang _____ itu tidak mahu langsung mendengar nasihat orang.

- A buruk siku
- C panas baran
- B kepala batu
- D lepas tangan

16. Malik anak angkat Encik Daniel _____ dia amat disayangi oleh Encik Daniel seperti anak kandung sendiri.

- A lebih- lebih lagi
- C tambahan pula
- B oleh itu
- D namun begitu

Soalan 17

Pilih ayat yang **betul**

- 17. A. Badrul bukan mahu makan sayur itu.
- B. Tidak kami menebas semak- samun itu.
- C. Nadia kecewa kerana suratnya tidak dibalas oleh sahabatnya.
- D. Arif bukan membeli majalah itu

Soalan 18

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan bergaris

18. Kamil berasa kecewa kerana kandas dalam kuiz Matematik itu

- A pintar
- C johan
- B elok
- D gagal

Soalan 19


Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan bergaris

19. Kita hendaklah **mencegah** perbuatan jahat mereka itu.

- A menghalang
- C menunaikan
- B menggalak
- D menyuruh

Soalan 20 berdasarkan gambar 3

Pilih **peribahasa** yang paling sesuai bagi gambar yang diberikan



- 20. A. Seperti anjing dengan kucing
- B. Seperti langit dengan bumi
- C. Berani kerana benar, takut kerana salah
- D. Genggam bara biar sampai jadi arang

Soalan 21

Pilih **jawapan** yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

21. Bilakah Ahmad meminjam gitar kamu?

- A. Ahmad meminjam gitar saya
- B. Ahmad meminjam gitar saya semalam
- C. Ahmad dan Rasul meminjam gitar saya
- D. Ahmad dipinjamkan gitar saya semalam

Soalan 22

Pilih **soalan** yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

22. Pertukaran kakak saya ke Labuan telah dibatalkan oleh pihak atasan.

- A. Siapakah yang membatalkan pertukaran kakak awak ke Labuan?
- B. Siapakah yang akan bertukar ke Labuan?
- C. Siapakah yang pergi ke Labuan?
- D. Bilakah awak akan ke Labuan?

Soalan 23 dan soalan 24

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

23. "Saya akan pergi ke Singapura pada hujung minggu ini," kata Aziz kepada Hamid.

- A. Hamid diberitahu bahawa Aziz hendak ke Singapura pada hujung minggu ini.
- B. Aziz memberitahu Hamid bahawa dia akan ke Singapura pada hujung minggu ini.
- C. Aziz hendak pergi ke Singapura pada hujung minggu ini.
- D. Hamid memberitahu Aziz bahawa dia hendak ke Singapura.

24. "Rahmah sudah pergi ke Segamat bersama Nora. Mereka ke sana untuk mencari kerja," kata kakak kepada Faridah.

- A. Faridah berkata bahawa Rahmah dan Nora sudah pergi mencari kerja.
- B. Kakak berkata kepada Faridah bahawa Rahmah dan Nora sudah pergi ke Segamat untuk mencari kerja.
- C. Kakak berkata kepada Faridah bahawa Nora dan Rahmah pergi ke Segamat bersamanya.
- D. Rahmah dan faridah berkata bahawa Nora sudah pergi ke Segamat untuk mencari kerja.

Soalan 25 dan Soalan 26

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan **betul**.

- 25. I. Faizul meminta duit daripada ibunya dengan kekerasan.
II. Fahmi sungguh kekerasan dan tidak mahu menyerahkan dompetnya kepada perompak itu.
III. Kayu cengal dijadikan tiang rumah kerana kekerasannya
IV. Mak Pah memberi sedikit wang kekerasan kepada pawang itu.
 - A. I dan III C. II dan III
 - B. II dan IV D. I, II dan III
- 26. I. Kegiatan mencuri kabel telefon itu lumpuh kerana ketuanya sudah ditangkappolis.
II. Rambutnya lumpuh kerana terlalu lama mengidap penyakit barah.
III. Pokok-pokok tebu tanamannya lumpuh dimakan gajah liar.
IV. Zahrin lumpuh akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya.
 - A. III dan IV C. II dan III
 - B. I dan IV D. I dan II

Soalan 27 hingga soalan 30*Pilih ayat- ayat yang betul.*

- 27 I. Sudah sebulan kerja- kerja itu dilakukan oleh saya.
 II. Banyak murid- murid hadir ke kelas itu.
 III. Kami banyak menemui kesalahan tatabahasa di dalam buku latihan ini.
 IV. Cikgu Samsiah telah mengajar subjek Bahasa Inggeris selama sepuluh tahun.
- A. I dan III C. III dan IV
 B. I dan II D. I, III, dan IV
- 28 I. Fadhil akan balik kampung pada hujung bulan ini.
 II. Ayah menghadiahinya datuk sebuah jam tangan.
 III. Azmanlah yang terpandai sekali dalam kelas ini.
 IV. Bangunan lama- lama di pekan itu akan diruntuhkan.
- A. I dan III C. I, II dan IV
 B. II dan IV D. III
29. I. Semua gunung- ganang di kutub Utara dilitupi salji.
 II. Semua penduduk Kampung Sri Wangi orang tempatan.
 III. Datuk Alias memang dikenali dan dihormati oleh penduduk di desa ini.
 IV. semenjak daripada tadi kami menunggunya di sini.
- A. II dan IV C. II dan III
 B. I dan III D. I dan IV
30. I. Kerja- kerja itu bukan sahaja kami buat, tetapi dibuat oleh kawan- kawan kami.
 II. Pemandu kereta itu telah disaman oleh polis trafik kerana kesalahan lalu lintas.
 III. Penjual barang- barang antik baharu pulang dari pejabat.
 IV. Berhati- hati semasa menuruni bukit kerana jalannya licin dan curam.

- A. I dan III C. I, III dan IV
 B. II dan IV D. I, II, III, dan IV

Soalan 31 – 35*Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan salah berikutnya.*

Hari ini bermulalah sesi persekolahan bagi tahun 2010. Tahun ini penting bagiku kerana aku telah berada di tahap dua. Kalau pada tahun lepas aku belajar di sebelah petang, tetapi pada tahun ini suasana telah berubah. Aku terpaksa bangun awal pagi pada hari persekolahan. Kalau tidak, alamat aku akan ketinggalan bas sekolah.

Suasana pada hari pertama persekolahan seperti tahun- tahun sebelumnya. Guru- guru sibuk melayan ibu bapa yang datang ke sekolah untuk membayar yuran sekolah anak- anak mereka. Ada juga ibu bapa yang membeli peralatan sekolah di kedai sekolah. Ayahku telah menjelaskan yuran persekolahanku dan membeli buku-buku serta alat tulis yang aku ~~perlu~~^{butuh} pada hari yang lalu.

Sebelum aku mengeluarkan botol minumanku, aku disapa oleh Hana, Huda, Lyana, Siti dan Zirah rakan- rakan sekolahku pada tahun lepas. Hana mengeluarkan sekeping kuih yang baru dibelinya kepadaku. Kami pun makan bersama-sama. Kami berbual mesra dan saling bertanya khabar. Kami diberitahu oleh Cikgu Tarmizi pada hari terakhir persekolahan pada tahun lepas bahawa aku dan huda sahail, ~~yalen~~ ~~berjaya~~ ke kelas Bestari manakala rakan-rakan ~~duku~~ ~~jamil~~ lain berada di kelas Bijak. Hal ini berikutan keputusan peperiksaan kami yang baik pada tahun lepas. Walaupun tidak sekelas lagi, tetapi kami tetap bersahabat karib seperti biasa. Tiada sedikit pun perasaan bongkak di dalam diriku. Bermacam- macam gelagat murid dapat dilihat pada hari ini. Ada yang berwajah muram, ada yang ketawa terkekeh- kekeh, dan ada yang masih takut- takut memasuki pekarangan sekolah. Ada juga yang ditemani ibu bapa mereka dan tidak kurang juga yang menangis. Mungkin tempoh cuti yang panjang menyebabkan sebahagian murid belum bersemangat

untuk ke sekolah. Sehari dua lagi tentu mereka seronok. *Berbeza dengan aku.*

Ring! Kedengaran bunyi loceng. Aku dan rakan- rakanku mencapai beg masing- masing dan bergegas ke kelas masing- masing.

31. Berdasarkan cerita, di manakah kemungkinan penulis berada sebelum loceng berbunyi?

- A. di dalam kelas
- B. di kedai sekolah
- C. di warung
- D. di hospital

32. Berapakah usia penulis?

- A. sembilan tahun
- B. sepuluh tahun
- C. sebelas tahun
- D. 12 tahun

33. Apakah aktiviti yang tidak digambarkan oleh penulis pada hari itu?

- A. Kesibukan ibu bapa membeli buku- buku dan alat tulis.
- B. Kesibukan guru melayan ibu bapa yang hendak membayar yuran.
- C. Ada murid yang menangis dan ada murid yang takut- takut hendak ke sekolah.
- D. Murid beratur di tapak perhimpunan.

34. Frasa *Berbeza denganku* bermaksud

- A. Penulis berasa takut- takut hendak ke sekolah.
- B. Penulis gembira kerana dapat bertemu dengan rakan- rakan lamanya.
- C. Penulis masih merasai seronok bercuti.
- D. Penulis begitu bersemangat untuk ke sekolah.

35. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang penulis.

- A. penulis mempunyai banyak kawan.
- B. Hanya penulis seorang yang berjaya ke kelas Bestari.
- C. Penulis sudah membayar yuran persekolahannya.

- D. Penulis gembira apabila sesi persekolahan bermula.

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca pertikan di bawah. Kemudian, jawab soalan- soalan berikutnya

PADANG, Rabu- Hujan dan cuaca dingin kini menjadi ancaman terbaru kepada mangsa gempa bumi yang kebanyakannya masih hidup. ~~dipandang~~ gedaan darurat di dalam khemah buruk.

D. ~~d~~ Malahir hujan lebat hampir setiap hari menyebabkan kebanyakan mangsa di Tanah Datar dan Padang Panjang memerlukan selimut dan kain bagi menutup tubuh. C. sebelas tahun

Difahamkan hujan lebat dan cuaca dingin ~~dan gelombang~~ kebelakangan ini menyebabkan ada mangsa terpaksa berlindung di bangunan kosong atau pejabat kerajaan yang retak walaupun menyedari gempa bumi mungkin akan berlaku lagi.

Bagaimanapun, ramai mangsa di Padang dan Batu Sangkar masih mendiami khemah plastik yang usang yang dibina di hadapan rumah yang runtuh.

Mereka yang tidur dan memasak di dalam khemah mengambil keputusan mendiami kawasan berhampiran tapak rumah kerana bimbang pencuri memasuki rumah mereka.

Seorang mangsa berkata, mereka berharap agar Pemerintah Kabupaten Tanah Datar atau Pemerintah Provinsi Daerah Padang segera menghantar bantuan yang dianggap masih kurang.

“Malam sungguh dingin, kami perlukan selimut, ubat- ubatan dan makanan. Beras yang mahu dimasak sore (petang) ini belum ada,” katanya.

“Malah kami turut menghadapi masalah mendapat bekalan air bersih untuk minum dan memasak,” katanya lagi.

Sementara itu, daerah Padang Panjang situasi sama berlaku apabila kebanyakan mangsa masih tinggal di dalam khemah.

Kebanyakan mereka yang bimbang gama bumi berulang bergantung dengan bantuan beberapa parti politik dan pertubuhan sukarela yang dilihat mengagihkan bantuan menggunakan lori.

36. Bagaimanakah suasana mangsa gempa bumi yang digambarkan?

- A. mereka hidup dalam suasana mewah
- B. mereka hidup seperti biasa
- C. mereka hidup dalam keadaan sengsara
- D. mereka hidup dalam kegembiraan

37. Bencana alam apakah yang berlaku?

- A. kemarau panjang
- B. tsunami
- C. banjir Lumpur
- D. gempa bumi

38. Mengapakah mereka tidur di dalam khemah di kawasan rumah mereka?

- A. untuk menangkap pencuri yang memasuki rumah mereka
- B. untuk mencegah pencuri memasuki rumah mereka
- C. untuk mengintai pencuri
- D. untuk memastikan rumah mereka tidak roboh

39. Berikut merupakan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, **kecuali**

- A. kekurangan selimut dan makanan
- B. kesukaran untuk mendapatkan ubat-ubatan
- C. keadaan khemah yang disediakan tidak terurus
- D. kesukaran untuk mendapat bekalan air bersih

40. Apakah perkara yang paling dirisaukan oleh mangsa-mangsa tersebut?

- A. bangunan pejabat kerajaan yang retak
- B. keadaan yang sangat sejuk pada waktu malam
- C. keadaan lori yang mengagihkan bantuan
- D. kejadian gempa bumi yang berulang

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 8

Soalan 1 hingga Soalan 22

Isikan tempat kosong dalam ayat- ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah



1. Orang ramai yang berada di kiri dan di kanan jalan _____ Jalur Gemilang sebaik sahaja kenderaan yang membawa Perdana Menteri melintasi di hadapan mereka.

- A. membuat- buaikan
- B. menggerak- gerakan
- C. mengibar- ngibarkan
- D. melambai- lambaikan


2. Puan Halimah _____ anak bongsunya yang sedang menangis itu.

- A. mengelek
- B. mendokong
- C. mendukung
- D. mengangkut

3. Encik Salleh akan menolong orang- orang miskin di kampung itu _____ terdaya.

- A. sehingga
- B. selagi
- C. sebelum
- D. sewaktu


Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah



4. Cikgu Johari sedang _____ sajak semasa majlis sambutan Hari Guru.

- A. melagukan
- B. menyampaikan
- C. menyanyikan
- D. mendeklamasiikan

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5. Kenderaan- kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu _____ sama sekali.

- A. remuk
- B. hancur
- C. parah
- D. musnah

6. " Bukan _____ yang melukis mural pada dinding itu tetapi Azmi dan kawan _____," kata Nadim dan Zaim kepada Azhan.

- A. kita ... awak
- B. mereka ... beliau
- C. kami... nya
- D. saya... dia


7. "Pasu bunga yang berwarna biru itu diperbuat _____ apa?" tanya puau Aida kepada penjual itu.

- A. daripada C. antara
B. oleh D. dari

8. Jais sedang _____ tanah itu dengan ranting kayu.

- A. menolak C. mencuit
B. menguis D. mencalar

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah



9. Encik Yusof sedang memerhatikan itu membaiki keretanya.

- A. majikan C. mekanik
B. menyelia D. buruh

10. Beberapa _____ baju yang dijemur di ampaian itu masih lembap.

- A. pasang C. lembar
B. helai D. bentuk

11. Banyak orang membeli barang keperluan di _____ itu

- A. kedai buku C. kedai kasut
B. kedai runcit D. kedai kain

12. "Anak muda sekarang sudah tidak berminat untuk belajar _____ songket," kata nenek.

- A. menyulam C. memintal
B. menjahit D. menenun

13. _____ melepak di sini, _____ kita mengulang kaji pelajaran," kata Khalid kepada kawan-kawannya.

- A. Baik... mahupun
B. Sungguhpun... namun
C. Daripada... lebih baik
D. Jangankan... pun

14. "Cuba ingat _____ di mana kamu simpan buku itu," kata ibu kepada adik.

- A. betul- betul C. tenang- tenang
B. masak- masak D. akan- akan

15. Mak Esah _____ sedikit gula halus ke atas donat- donat itu.

- A. ditaburkan C. bertaburan
B. menaburkan D. taburan

16. _____ itu sedang menerangkan keistimewaan kamera itu kepada orang ramai.

- A. Juruaudit C. Jurujual
B. Juruukur D. Jurukimpal

17. Acara sambutan Hari Kebangsaan yang ke-45 itu diadakan dengan _____ sekali.

- A. pelik C. dahsyat
B. daif D. meriah

18. _____ rambutan dan _____ buah durian dibeli oleh Azman di gerai buah itu.

- A. Setandan... sebuah
B. Segugus... selongkok
C. Seikat... sebuah
D. Sebutir... segugus

19. "Usahlah kamu meminjam wang daripada _____ itu kerana kadar bunganya sangat tinggi," kata Pak Tam kepada Abu.

- A. kepala angin C. lintah darat
B. kepala batu D. nyiur gading

20. Orang kampung _____ bantuan kepada keluarga Encik Shaharudin yang terlibat dalam kebakaran itu.

- A. menghulurkan C. menggunakan
- B. mencadangkan D. mencungkilkan

21. Mahad menceritakan perihal yang sebenarnya kepada ketua kampung. Perkataan **seerti** bagi perihal ialah

- A. pengajaran C. pergolakan
- B. penilaian D. peristiwa

22. Peniaga yang menjual jam lancung itu telah ditangkap oleh polis.

Perkataan **berlawan** bagi lancung ialah

- A. tahan C. tulen
- B. murah D. cantik

Soalan 23

Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat yang diberikan.

23. Bagaimanakah perasaan kamu apabila memenangi pertandingan ini?

- A. Saya berasa sungguh gembira dan bersyukur.
- B. Banyak peserta menyertai pertandingan itu.
- C. Saya akan menyertai pertandingan tersebut.
- D. Saya berasa letih selepas menyertai pertandingan itu.

Soalan 24 berdasarkan gambar di bawah

Pilih **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan. I.



- 24. A. Bilakah Encik Saidin dan isterinya membeli rumah itu?.
- B. Pada tahun berapakah rumah itu dibina?.
- C. Mengapakah Encik Saidin dan isterinya membeli rumah itu?.
- D. Siapakah yang telah membeli rumah itu?.

Soalan 25 dan soalan 26

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

25. Riduan menunjukkan cara-cara membuat tabung buluh kepada Faris.

- A. Faris ditunjukkan cara-cara membuat tabung buluh oleh Riduan
- B. Faris diminta menunjukkan cara-cara membuat tabung buluh oleh Riduan
- C. Faris dan Riduan ditunjukkan cara-cara membaut tabung buluh.
- D. Faris meminta Riduan menunjukkan cara-cara membuat tabung buluh.

26. Baju kebaya yang dipakai oleh kakak itu dijahit oleh ibu.

- A. Ibu telah menjahit baju kebaya itu untuk kakak.
- B. Kakak memakai baju kebaya yang telah dijahit oleh ibu.
- C. Kakak menjahit baju kebaya yang dipakai oleh ibu itu.
- D. Kakak memakai baju kebaya ibu itu.

Soalan 27 dan soalan 28

Pilih ayat yang betul menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.

- 27. I. Tapak kasut yang dipakai oleh Fuad telah haus.
II "Haus rasanya tekak saya ini," kata Farina.
III. Anak-anak yatim itu haus akan kasih sayang keluarga.
IV. Hauskah kamu mengejek murid yang lembap itu.
- A. I dan III C. I, II dan III
B. II dan IV D. II, III dan IV

- 28 I. Pintu rumah Puan Rohaya ditutup rapat.
II. Hubungan Rozlan dan Rohaniza semakin rapat.
III. Kami tidak rapat menjawab soalan latihan itu.
IV. Haikal memukul ular itu dengan rapat.
- A. I dan II C. II dan III
B. III dan IV D. I, II dan IV

Soalan 29 dan soalan 30

Pilih ayat- ayat yang **betul**

29. A. Pensel warna Adib dipinjam oleh Tahir.
B. Asiah dan Anis dinasihati guru disiplin kerana datang lewat.
C. Sebanyak tiga orang murid sekolah Halimah terpilih ke peringkat akhir pertandingan itu.
D. Buku latihan abang pesan itu telah posmen hantar semalam.
30. I. Emak sedang mensiang ikan keli.
II. Pak Kasim sedang mengetam papan
III. Jangan gunting majalah itu, Aisyah.
IV. Sejak dari tadi keadaan dibilik darjah itu bising
- A. I dan IV C. I, II dan III
B. II dan III D. I, II, III, dan IV

Soalan 31 hingga soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan- soalan berikut.

1. Untuk menghilangkan calar- balar, anda harus menggunakan bahan pengilat yang mengandungi kandungan yang lembut dan hanya menghilangkan lapisan yang nipis. Terdapat beberapa gred yang dijual, jadi anda harus memilih pengilat yang paling harus dan lembut.
2. Basuh kereta dengan kerap, sekurang-kurangnya sebulan sekali kerana kekotoran yang terkumpul boleh mengakibatkan hakisan. Terdapat beberapa tempat kekotoran selalu

- berkumpul seperti di belakang lubang, jejari rim dan di bawah bampar.
3. Anda juga boleh menggunakan pacutan air tekanan tinggi sekali- sekala menghilangkan kekotoran di tempat yang sukar dicapai. Kotoran seperti tahi burung akan merosakkan cat dan boleh meninggalkan kesan yang sukar hilang jika tidak dicuci segera. Cucian dengan air bertekanan tinggi boleh didapati di pusat cucian kereta biasa dan tidaklah mahal sangat.
4. Basuh kereta anda di bawah teduh apabila permukaan kereta anda sudah sejuk. Paling penting, kesemua proses pembersihan kereta patut dilakukan di bawah teduh. Membasuh kereta di tengah panas terik akan mengakibatkan tompok- tompok akan muncul apabila air mula kering.
5. Pemilik kereta tidak sepertutnya sabun basuh pinggan untuk membasuh kereta kerana sabun itu tinggi kelikatannya dan akan menghilangkan lapisan kilatan kereta anda. Anda seharusnya menggunakan sabun kereta yang **dirumus** khas untuk menghilangkan kotoran dan habuk dengan lembut dan menjaga kilatan kereta anda.
6. Selepas membasuh kereta dan menghilangkan sabun, keringkan kereta anda menggunakan kain kapas mikrofiber berkualiti tinggi kerana dapat menyerap air tanpa mencalarkan permukaan kereta.
7. Kilatan kereta anda selalu untuk melindungi cat dan meminimumkan bahan kimia luaran.

31. Apakah perkara yang dibincangkan dalam petikan ?

- A. Cara- cara membaiki kereta yang betuk.
B. Cara- cara memilih cat kereta yang bagus.
C. Cara- cara membasuh kereta yang betul.
D. Cara- cara memilih kereta yang tahan lama

32. Bagaimanakah kotoran yang degil dapat dihilangkan?

- A. Mencuci kereta di bawah matahari yang terik

- B. Mencuci dengan air bertekanan tinggi
- C. Mencuci dengan air yang banyak
- D. Mencuci dengan sabun basuh pinggan

33. Perkataan **dirumus** bermaksud

- A. diubah suai C. dikaji
- B. diuji D. diformulasi

34. Mengapakah kotoran yang terkumpul perlu dibersihkan?

- A. Menyebabkan hakisan pada kereta
- B. Menyebabkan kerosakan pada enjin
- C. Menyebabkan kereta menggunakan minyak yang banyak
- D. Menyebabkan kelajuan kereta berkurangan

35. Apakah fungsi kain kapas mikrofiber?

- A. Menghilangkan kotoran dan habuk
- B. Menyerap air tanpa mencalarkan permukaan kereta
- C. Mengelakkan tempoh kilatan kereta dengan lebih lama
- D. Membuang tompek- tompek pada permukaan kereta

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut

Kelebihan boyo

- ♥ Mudah dikesan kapal laut, selain bentuk dan warnanya mudah dikenal pasti sebagai Sistem Pengumpulan Data Oseanografi (Odas) mengikut peraturan Persatuan Bantuan Marin Antarabangsa untuk Pihak Berkuasa Navigasi Rumah Api (IALA).
- ♥ Direka untuk mengkaji cuaca.
- ♥ Mengukur arus ombak di permukaan laut.
- ♥ Berfungsi sebagai pelantar panel solar bagi membekalkan tenaga dan kuasa yang

mencukupi bagi menghidupkan peralatan, komunikasi akustik dan komunikasi satelit.

♥ Kecil dan mudah untuk dilepaskan ke laut dan diangkat.

♥ *Menggunakan kuasa solar* dan bateri yang boleh dicas semula.

♥ Strukturnya dibina daripada bahan polietelina yang **anjal** dan tidak mudah pecah atau tenggelam serta tahan hakisan.

♥ Bahan aluminium berkualiti tinggi sebagai penebat haba melindungi bateri, alat memproses dan komponen sensitive.

♥ Dilengkapi alat antivandalisme termasuk alat pengesan jika dicuri.

♥ Direka untuk jangka hayat selama 20 tahun.

Negara terawal menggunakan boyo

- ♥ Jepun
- ♥ Amerika Syarikat
- ♥ Norway
- ♥ Scandinavia

Spesifikasi boyo

- ♥ Berat: 200 kilogram, termasuk peralatan (mampu membawa beban 970 kilogram)
- ♥ Ukur lilit : 2.8 meter
- ♥ Tinggi : Maksimum 6.75 meter dari puncak tiang hingga dasar.
- ♥ Frekuensi : 0.5 Hertz (Hz).
- ♥ Sensitiviti : Kurang daripada 1.0 peratus pada arus 2 knot

36. Apakah tujuan penggunaan boyo?

- A. Untuk mencegah kecurian di laut.
- B. Untuk mengukur arus dan mengkaji cuaca
- C. Untuk memberi panduan kepada kapal- kapal
- D. Untuk mengecas bateri semula

37. Perkataan yang sama erti dengan **anjal** ialah

- A. kenyal
- B. kekak
- C. baik
- D. ringan

38. Polietelina digunakan untuk membina boya kerana

- A. dapat dilihat dari jarak jauh
- B. dapat memanjangkan hayat boya
- C. dapat menahan hakisan air laut
- D. dapat memproses tenaga solar

39. Frasa “*menggunakan kuasa solar*” menunjukkan bahawa boyo tersebut

- A. menggunakan tenaga elektrik yang tinggi
- B. menggunakan tenaga ombak laut
- C. menggunakan tenaga daripada pancaran matahari
- D. menggunakan tenaga daripada gas asli

40. Manakah antara pernyataan yang berikut **tidak** benar tentang petikan di atas

- A. Boya mampu membawa beban sebenar 970 kilogram
- B. Boya dapat digunakan sebagai alat pencegah vandalisme
- C. Tempoh hayat sesebuah boyo ialah selama dua puluh tahun
- D. Warna boyo telah ditetapkan oleh Persatuan Bantuan Marin Antarabangsa


KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 9

Soalan 1 hingga Soalan 16

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1




Gambar 1

- 1 Pak Mat sedang _____ hulu kerisnya menggunakan sejenis pahat.
A menakik B mengukir
C mengasah D menggosok

- 2 Azman dipulaukan oleh kawan-kawannya kerana sikapnya yang suka _____ kebolehan orang lain.
A memperkecilkan
B mengecil-kecilkan
C memperkecil-kecilkan
D kecil-kecil

Soalan 3 berdasarkan gambar 2




- 3 Ular sawa itu sedang _____ seekor anak kambing.

- A melilit
- B menjerut
- C menggigit
- D memamah

- 4 Roslan berjalan _____ di halaman rumah sambil memikirkan sesuatu.
A lalu-lalang
B bolak-balik
C mundar-mandir
D jengkang-jengkot

Soalan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 5 Air sungai itu _____ tebing selepas hujan lebat turun tidak berhenti-henti.
A melimpahi
B memenuhi

- C menaiki
D melangkau
- 6 Berbagai-bagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memajukan industri _____ di negara kita.
- A perlancongan
B pelancongan
C lancongan
D pelancong
- Soalan 7 berdasarkan Gambar 4**
- 
- Gambar 4
- 7 Mulutnya luka dan berdarah selepas _____ di tangga rumahnya.
- A tersungkur
B terlentang
C terduduk
D terjelepok
- 8 Dia terpaksa _____ basikalnya yang rosak itu pulang ke rumah.
- A mengheret
B memimpin
C menuntun
D menarik
- 9 Belajarlah bersungguh-sungguh _____ cerah masa depan.
- A lalu
B untuk
C sambil
D nescaya
- 10 _____ mendapat kedudukan yang terakhir di dalam kelas, _____ perangai Osman tetap tidak berubah.
- A Kendatipun.....namun
B Sungguhpun.....walhal
C Meskipun.....malahan
D Walau bagaimanapun...padahal
- 11 Dia teringin sekali melancong ke luar negara namun belum _____ .
- A bersempat
B kesempatan
C berkesempatan
D menyempat


Soalan 8 berdasarkan Gambar 5

Soalan 12 berdasarkan Gambar 6

- 12 “_____, segak betul kamu hari ini!” usik Azlan kepada kawannya, Ehsan.

- A Aduh
 B Amboi
 C Alahai
 D Aduhai
- 13 Kakak saya akan menghadiri _____ untuk pengesahan jawatan itu.
 A temu muka
 B temu duga
 C temu ramah
 D janji temu

Soalan 14 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

- 14 _____ kawasan tasik itu telah dipagari dengan kawat.
 A Seluruh
 B Segelintir
 C Sebilangan
 D Segolongan
- 15 Keputusan Halim untuk meletakkan jawatan tidak mendapat bantahan _____ mana-mana pihak.
 A dari
 B bagi
 C kepada
 D daripada


Soalan 16 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

- 16 Salah seorang murid telah menemui se _____ rantai dan se _____ kunci di padang sekolah.
 A biji ... batang
 B utas ... jambak
 C bilah ... jambak
 D buah ... batang

Soalan 17 berdasarkan Gambar 9



Gambar 9

- 17 Pak Abu _____ melihat burung kesayangannya terlepas dari sangkar.
 A sakit mata
 B gelap mata
 C putih mata
 D rambang mata
- 18 Walaupun Atan yang bersalah, namun kami turut didenda oleh guru besar. Bak kata pepatah _____.

- A rambut sama hitam, hati lain-lain
- B lembu punya susu, sapi dapat nama
- C seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit
- D sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga

Soalan 19

Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang diberi.

- 19 Karim menyangkal segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya.
- A menafikan
 - B mengaku
 - C membantah
 - D menurut

Soalan 20

Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan bergaris.

- 20 Pengurus itu mengherdik pekerja bawahannya kerana lambat menyiapkan tugas yang diberi.
- A memuji
 - B mengusir
 - C memarahi
 - D menengking

Soalan 21 berdasarkan Gambar 10

Pilih jawapan yang betul bagi ayat tanya yang diberikan.



Gambar 10

- 21 Bagaimakah keadaan nenek kamu?

- A Neneh saya masuk wad.
- B Ya, neneh saya sihat sejahtera.
- C Penyakitnya semakin pulih.
- D Doktor belum memberikan jawapan.

Soalan 22

Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan

- 22 Dondang sayang sangat diminati masyarakat di Melaka.
- A Mengapakah dondang sayang sangat diminati?
 - B Sejak bilakah dondang sangat diminati?
 - C Di manakah dondang sangat diminati?
 - D Adakah dondang sayang sangat diminati?

Soalan 23 dan Soalan 24

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

- 23 Polis telah mengenal pasti pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan lalu lintas.
- A Polis yang telah melakukan kesalahan lalu lintas telah dikenal pasti oleh pengguna-pengguna jalan raya.
 - B Pengguna-pengguna jalan raya yang telah melakukan kesalahan lalu lintas telah dikenal pasti oleh polis.
 - C Pengguna-pengguna jalan raya telah dikenal pasti melakukan kesalahan lalu lintas oleh polis.
 - D Polis telah mengenal pasti kesalahan lalu lintas yang dilakukan oleh pemandu-pemandu.

- 24 "Barang-barang kemas saya tidak hilang," kata orang itu kepada pihak polis.

- A Orang itu memberitahu kepada pihak polis bahawa banyak barang kemasnya yang tidak hilang.
- B Orang itu memberitahu kepada pihak polis bahawa barang-barang kemas saya banyak

- hilang.
- C Orang itu menafikan kepada pihak polis bahawa barang-barang kemasnya tidak hilang.
- D Orang itu memberitahu kepada pihak polis bahawa barang-barang kemasnya tidak hilang.

Soalan 25 hingga Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 25 I Petinju itu terhuyung-hayang apabila terkena tumbukan yang kuat daripada pihak lawan.
- II Fikirannya terhuyung-hayang mengenangkan peristiwa sedih itu.
- III Perahu nelayan itu terhuyung-hayang terkena pukulan gelombang itu.
- IV Badannya terhuyung-hayang semasa turun dari feri itu kerana mabuk laut.

- A I dan IV sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

- 26 I Pokok-pokok padi itu subur dan buahnya bernas.
- II Buah fikirannya tidak lagi bernas kerana usianya sudah lanjut.
- III Matanya yang bulat dan bernas itu menambahkan lagi kecantikannya.
- IV Kita hendaklah sentiasa bersikap bernas dan sanggup menerima pendapat orang lain.

- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 27 I Ubi itu empuk dan berasa enak.
- II Adik tidur lena di atas tilam yang empuk itu.
- III Dia terjatuh dan setelah terpijak lantai yang empuk itu.
- IV Budak itu masih mentah dan belum empuk pemikirannya.

- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 28 I Di kedai itu ada dijual berbagai barang kampung.
II Ramai orang kampung ke pesta tari-menari itu.
III Saya dihadiah seutas jam tangan oleh ayah.
IV Sebahagian daripada hartanya didermakan kepada anak-anak yatim.

- A I dan III sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D II dan IV sahaja

- 29 I Setengah penduduk kampung tinggal di pinggir sungai.
II Mereka masuk ke dalam dewan sebaris demi sebaris.
III Dia mengulang kaji pelajaran pada setiap malam.
IV Suasana amat tenang di pagi yang permai ini.

- A I dan IV sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 30 I Bau durian itu memenuhi ruang tamu rumahnya.
II Kebanyakan pekerja kilang itu berasal dari Bangladesh.
III Kayu yang berat itu diangkat saya untuk diletakkan di atas lori.
IV Hati Wak Seman tersentuh bila melihat mangsa bencana tsunami itu.

- A I dan II
B II dan IV
C I, II dan III
D I, III dan IV

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kenaikan harga getah begitu membanggakan para pekebun getah. Kebanggaan itu memang wajar. Selain kayunya menjadi rebutan untuk industri perabot, harga getah keping, susu getah dan *getah sekerap* melambung tinggi sejak beberapa bulan lalu.

Sekiranya pekebun getah mengusahakan satu hingga empat hektar kebun getah, mereka boleh meraih pendapatan antara RM 100 hingga RM 300 sehari dengan menjual getah sekerap. Secara kasar, jika mereka bekerja antara 15 hingga 20 hari sebulan, pendapatan mereka boleh mencecah RM 2 000 hingga RM 5 000.

Sebelum harga getah mencecah RM 7 hingga RM 9 sekilogram, getah pernah mengalami zaman kejatuhan harga. Ketika itu, penoreh sanggup menebang pokok getah untuk digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Malah, harga getah pernah jatuh bawah RM 1 sekilogram menyebabkan penoreh getah terpaksa mengikat perut dan makan hanya sekali sehari.

Dipetik dan diubahsuai
Berita
Minggu 12 Februari 2006

- 31 Apakah yang membanggakan pekebun getah?

- A Kebun getah mereka luas
- B Pembeli getah bertambah
- C Kayu getah menjadi rebutan
- D Harga getah melambung tinggi

- 32 Pekebun getah memperoleh pendapatan RM 2 000 hingga RM 5 000 sebulan hasil jualan

- A getah sekerap
- B susu getah
- C kayu getah
- D perabot

- 33 Mengapakah penoreh getah menggantikan tanaman getah dengan tanaman kelapa sawit?

- A Penoreh lebih suka menjual kayu getah
- B Untuk menstabilkan harga getah
- C Harga getah jatuh teruk
- D Beralih jenis tanaman

- 34 *Getah sekerap* juga dikenali dengan nama

- A tahi getah
- B sisa getah
- C getah beku
- D getah keras

- 35 Rangkai kata secara kasar dalam petikan bermaksud

- A pekerjaan yang kasar
- B secara umumnya
- C secara asasnya
- D kesungguhan

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Bagi Johar Katan, 75, peristiwa serangan Balai Polis Bukit Kepong, Muar, oleh segerombolan pengganas komunis pada 23 Februari 1950 yang mengorbankan 17 orang anggota polis, keluarga dan Pasukan Kawalan Kampung genap 55 tahun ini adalah pengalaman yang sukar dilupakan. Oleh sebab itu, beliau yang ketika itu bertugas sebagai anggota unit *Operation Squad*, Platoon ke-6, tentera British berpangkalan di Lenga, adalah antara yang mula-mula melihat mayat-mayat anggota polis rentung bersama keluarga mereka.

Dalam peristiwa itu, sebanyak 17 orang anggota pasukan keselamatan yang terdiri daripada polis, pasukan kawalan keselamatan termasuk Ketua Balai Polis Bukit Kepong sendiri, Sarjan Jamil Mohd. Shah gugur dalam keadaan menyayat hati. Anggota-anggota polis lain yang terbunuh termasuklah Koperal Mohd. Yasin Abdul Wahab, Lans Koperal Jidin Omar, Jaafar Hasan, Ibrahim Adam, Hassan Othman, Hamzah Ahmad dan beberapa orang lagi.

- Keadaan mayat-mayat yang rentung kata beliau, amat sukar dikenal pasti. Walau bagaimanapun, polis yang diketuai oleh Ketua Polis Daerah Muar pada ketika itu, J.J. Raj telah mengumpul mayat-mayat tersebut. Mayat-mayat rentung itu kemudian dibawa ke Lenga untuk diperiksa dan selepas itu dikebumikan dalam *satu liang lahad* berhampiran tanah perkuburan Islam di Bukit Kepong. Tragedi tersebut bukan sahaja menarik perhatian penduduk setempat tetapi Menteri Besar Johor ketika itu, Datuk Onn Jaafar turut datang melawat ke tempat kejadian.
- Johar yang kini menjadi Ketua Kampung Lenga, Muar memberitahu bahawa peristiwa tersebut amat bersejarah bagi orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya kerana kejadian tersebut bukan satu tragedi biasa tetapi berbeza dengan peristiwa serangan-serangan pengganas komunis pada waktu itu. Pertamanya, kata beliau peristiwa tersebut jelas menunjukkan patriotiknya anak-anak buah Sarjan Jamil yang tidak mahu menyerah kepada komunis yang berulang kali meminta mereka menyerah kalah.
- 36 Apakah jawatan Johar Katan ketika peristiwa itu berlaku?
- A Ketua Pasukan Kawalan Kampung.
 - B Ketua Balai Polis Bukit Kepong.
 - C Anggota Unit Platur Ke-6.
 - D Ketua Kampung Lenga.
- 37 Berapakah usia Johar Katan ketika kejadian tersebut?
- A 20 tahun
 - B 25 tahun
 - C 55 tahun
 - D 75 tahun
- 38 Maksud frasa *satu liang lahad* dalam petikan di atas ialah
- A satu kubur
 - B kubur berasingan
 - C kawasan perkuburan yang sama
 - D satu liang dalam satu kubur
- 39 Mengapakah peristiwa tersebut dikatakan bukan satu tragedi biasa?
- A Peristiwa tersebut menarik perhatian Menteri Besar Johor.
 - B Terdapatnya mayat-mayat rentung dalam peristiwa tersebut.
 - D Peristiwa tersebut menggambarkan semangat patriotik anggota polis.
 - C Gugurnya anggota-anggota polis mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong.
- 40 Berikut adalah **bukan** cara kita memperingati peristiwa Bukit Kepong
- A Memberi penghargaan kepada waris-waris yang telah terkorban.
 - B Memulihara Balai Polis Bukit Kepong yang telah terbakar.
 - C Menulis semula kisah yang berkaitan peristiwa Bukit Kepong.
 - D Mendirikan tugu peringatan sempena peristiwa Bukit Kepong.

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 10

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Pada pagi itu, Mak Cik Zainab sedang _____ sayur kobis di dalam kuali.
A merebus
B menyalai
C menumis
D mengukus
2. Anjing jiran Ali _____ apabila terlihat orang asing yang tidak dikenali.
A mencicit-cicit
B mengiau-ngiau
C menyalak-nyalak
D mengembek-ngembek
3. Seorang kanak-kanak berusia empat tahun cedera parah akibat _____ oleh seekor harimau di Kuala Balah baru-baru ini.
A digigit
B dibaham
C dimamah
D digonggong
4. Ibu mengganti langsir tingkap dan pintu rumah yang sudah _____ warnanya kerana sudah tiga tahun tidak diganti.
A pudar
B buruk
C cerah
D kusam

Soalan 5 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

5. Se _____ rambutan gading itu dibelinya dengan harga lima ringgit sahaja.
A ikat
B tangkai
C jambak
D longgok
6. Ibu _____ adik sepinggan nasi berlaukan ikan dan ayam semasa makan tengah hari.
A hidangkan
B menghidangi
C terhidangkan
D menghidangkan
7. Pada setiap hari Khamis, _____ menghadiri aktiviti kokurikulum persatuan dan permainan di sekolah.
A dia
B kamu
C kalian
D mereka
8. Pengawal keselamatan yang bertugas di gedung membeli-belah yang terkenal itu telah kehilangan _____ kunci.
A segugus
B sebatang
C setangkai
D segenggam
9. Posmen itu memasukkan _____ surat ke dalam peti surat di rumah Puan Madihah.
A senaskhah
B selembar
C sepucuk
D sehelai
10. Puan Madihah menerima surat itu _____ anaknya yang sedang belajar di Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai, Johor.
A dari
B pada
C kepada
D daripada

- 11 Empat ekor _____ nyamuk aedes telah dijumpai oleh pegawai kesihatan di kawasan sekolah itu.
- A sesemut
 - B jejentik
 - C lelabah
 - D lelipas
- 12 PIBG sekolah tersebut bersetuju untuk mengadakan aktiviti _____ bagi membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes tersebut.
- A berebut-rebut
 - B beramai-ramai
 - C bersusah-payah
 - D bergotong-royong
- 13 “ _____ mereka berbaris di situ?” tanya Isma Danial kepada ayahnya.
- A Bilakah
 - B Siapakah
 - C Mengapakah
 - D Bagaimanakah
- 14 Anak-anak kucing parsii itu sungguh manja _____ dengan Ramlah.
- A agak
 - B benar
 - C sekali
 - D paling
- 15 Ramlah sangat sayang _____ kucing-kucingnya itu. Dia menjaga makan, minum, dan kesihatan kucing-kucing tersebut.
- A akan
 - B pada
 - C dengan
 - D kepada
- 16 Pak Samad seorang nelayan, dia _____ jalanya untuk menangkap udang galah di sungai itu.
- A membaling
 - B membuang
 - C menebar
 - D melabuh
- 17 Jika Pak Samad tidak turun ke sungai, dia akan menggunakan masa terluang itu untuk _____ jalanya yang koyak.
- A menyirat
 - B menenun
 - C menyulam
 - D menampung

Soalan 18 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

- 18 Aiman _____ simbal sambil mengikut rentak gitar yang rancak itu.
- A memetik
 - B memukul
 - C menghentam
 - D mengetuk
- 19 Encik Noor _____ mengusahakan kebun sayurnya dengan pelbagai jenis tanaman.
- A mandi peluh
 - B mandi darah
 - C mandi lumpur
 - D mandi kerbau
- 20 Mokhtar _____ kerana dituduh oleh kawannya pecah amanah.
- A naik darah
 - B otak udang
 - C mulut murai
 - D perang mulut
- 21 Budak itu tidak dapat mengikuti pembelajaran di dalam kelas seperti murid-murid lain kerana dia
- A gelap mata
 - B bulat hati
 - C rambang mata
 - D buta huruf

Pilih perkataan seerti bagi perkataan bergaris dengan betul.

- 22 Hang Tuah adalah antara pahlawan Kesultanan Melayu Melaka yang Terbilang pada zaman dahulu.
- A terpuji
 - B terbesar
 - C tertangkas
 - D termasyhur

Soalan 23

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

- 23 Benar, Azmanlah yang menconteng dinding tandas itu.
- Siapakah yang menconteng dinding tandas itu?
 - Benarkah Azman yang menconteng dinding tandas itu?
 - Benar atau tidak Azman yang menconteng dinding tandas itu?
 - Apakah benar tuduhan Azman menconteng dinding tandas itu?

Soalan 24

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

- 24 Apakah hubungan gadis berdarah campuran itu dengan datuk kamu?
- Gadis berdarah campuran itu ialah anak saudara saya.
 - Datuk saya dan gadis itu memang berdarah campuran.
 - Datuk saya selalu menjemput gadis berdarah campuran itu.
 - Gadis berdarah campuran itu ialah cucu kepada datuk saya.

Soalan 25

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

- 25 Lampu isyarat di simpang jalan itu tidak berfungsi sejak semalam.
- Semalam lampu isyarat rosak di simpang jalan itu.
 - Sejak semalam lampu isyarat sudah rosak di simpang jalan itu.
 - Sejak semalam lampu isyarat di simpang jalan itu sudah rosak.
 - Rosak sungguh lampu isyarat di simpang jalan itu sejak semalam.

Soalan 26 dan Soalan 27

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.*

- 26 I Landasan kereta api Teluk Intan Tapah sudah tidak digunakan lagi.
- Beberapa orang jurutera sedang memeriksa landasan kapal terbang itu.
 - Kamu tidak akan sesat atau terpesong jika mengikut landasan agama yang betul.
 - Pemimpin yang mempunyai landasan yang bersih akan dikenang sepanjang hayat.

- 1 dan 11
- 11 dan 111
- 1,11 dan 111
- 11,111 dan 1V

- 27 I Payung ubur-ubur kembang dibawa dalam perarakan itu.
- Kembang hidungnya kerana hasil lukisannya dipuji orang.
 - Adunan donat itu dibiarkan beberapa jam supaya kembang.
 - Fikiran dan pandangan Salmiah mulai kembang dan beransur maju.
- 1 dan 11
 - 11 dan 111
 - 1,11 dan 111
 - 1,111 dan 1V

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 28 I Mereka berbincang tentang tugas yang akan dilaksanakan.
- Rumah pengurus bank itu terletak di antara masjid dan balai raya
 - Dia mengambil masa selama dua setengah jam untuk menyiapkan ukiran itu
 - Kedua orang anak Puan Norhayati sedang menuntut di Universiti Sains Malaysia.
- 1 dan 11
 - 11 dan 111
 - 1 ,11 dan 111
 11. 111 dan 1V

- 29** A Segala ekor haiwan telah keluar dari hutan yang terbakar itu.
B Lagu-lagu daripada album sulung Mawi sedap-sedap belaka.
C Dia berasa tersangat malu akan kelakuan anaknya di majlis itu.
D Sebuah masyarakat yang berbilang kaum perlu hidup dalam keadaan harmoni.
- 30** A Minumlah susu tepung kerana ia mengandungi banyak kalsium.
B Kamu boleh membuat tempahan kereta itu bila-bila masa yang kamu suka.
C Jangan gunakan dapur gas itu kerana ianya tidak selamat untuk digunakan.
D Beliau adalah salah seorang penjenayah yang paling dikehendaki oleh pihak polis.

Soalan 31 hingga soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kegiatan kokurikulum dijalankan di semua sekolah. Kegiatan kokurikulum bermaksud aktiviti yang dijalankan di luar bilikdarjah. Semua murid diwajibkan menyertainya. Ada tiga jenis aktiviti yang dijalankan iaitu kelab, permainan dan unit beruniform.

Dengan menyertai kegiatan-kegiatan ini murid-murid akan memperoleh banyak faedah. Antaranya, murid-murid dapat menambah ilmu pengetahuan. Contohnya, melalui pengakap murid-murid akan belajar jenis-jenis ikatan, cara mendirikan khemah dan sebagainya. Seterusnya kegiatan ini dapat mengelakkan diri murid-murid daripada membuang masa dengan kerja-kerja yang tidak berfaedah. Contohnya melepak, merayau-rayau, bergaul dengan budak-budak nakal dan sebagainya.

Tidak ketinggalan juga, semasa menjalani aktiviti kokurikulum murid-murid boleh berbincang dan bertukar-tukar fikiran tentang aktiviti yang dijalankan. Dengan itu, dapat *mengeratkan* tali persahabatan. Di samping itu, murid-murid akan memperoleh sijil penyertaan bagi unit-unit yang disertai. Sijil penyertaan ini sangat berguna apabila murid-murid memohon

memasuki sekolah berasrama atau universiti. Itulah antara faedah murid-murid menyertai kegiatan kokurikulum. Oleh itu, murid-murid digalakkan menyertainya

- 31** Apakah kegiatan yang diwajibkan di sekolah-sekolah?
A Pengakap
B Kurikulum
C Permainan
D Kokurikulum
- 32** Perkataan *mengeratkan* dalam petikan di atas bermaksud
A mengikatkan
B meningkatkan
C mengukuhkan
D mendekatkan
- 33** Mengapa murid-murid tidak galakkan mensia-siakan masa?
A Supaya murid-murid disayangi guru-guru
B Supaya prestasi pelajaran tidak merosot
C Supaya terhindar daripada perlakuan negatif
D Supaya senang memasuki sekolah berasrama
- 34** Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah terbahagi kepada ...
A tiga jenis.
B empat jenis.
C lima jenis.
D enam jenis.
- 35** Pilih pernyataan yang **tidak benar**.
A Aktiviti kokurikulum dimestikan kepada semua murid
B Melalui permainan murid-murid dapat melapangkan fikiran
C Aktiviti pengakap dapat melatih murid-murid hidup berdikari
D Sijil kokurikulum menjamin murid melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca **petikan** di bawah ,kemudian **jawab** soalan-soalan berikutnya.

Usman Awang dilahirkan di Kuala Sedili ,Kota Tinggi ,Johor pada 12 Julai 1929.Beliau berasal daripada keluarga miskin.Kemiskinan hidup cuma membolehkan beliau mendapat pendidikan formal setakat darjah enam sahaja.

Zaman mudanya penuh dengan perjuangan ,rintangan dan dugaan.Semuanya itu beliau tempuh dengan hati yang tabah dan berani.Beliau pernah menjadi buruh paksa pada zaman Jepun. Keistimewaan yang ada pada beliau adalah bakat seni yang dimilikinya.Bakat seni ini lebih terserlah dalam bidang puisi.Puisi-puisi adalah hasil daripada pengalaman hidup beliau sendiri.

Dalam **arena** puisi,beliau lebih dikenali dengan nama penanya Tongkat Warrant.Beliau juga bergiat dalam bidang penulisan yang lain seperti drama,cerpen,dan novel.Atas jasa-jasa beliau dalam meninggalkan khazanah sastera tanah air ,kerajaan Malaysia telah memilih beliau untuk menerima "Anugerah Sastera Negara" pada tahun 1983.

36. Kenapakah Usman Awang hanya mendapat pendidikan formal setakat darjah enam?

- A Kerana keluarganya terlalu miskin.
- B Kerana beliau tidak suka belajar.
- C Kerana pada zaman itu berlaku peperangan Jepun.
- D Kerana banyak sekolah musnah akibat peperangan.

37. Pada usia mudanya Usman Awang seorang yang

- A penakut dan cepat berputus asa.
- B penyedih dan lemah lembut.
- C tabah dan kuat semangat.
- D pendiam dan berani.

38. Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Usman Awang ?

- A Bakat seni yang ada padanya.
- B Ketabahan dan semangatnya yang tinggi.
- C Pengalaman dalam bidang kesenian.
- D Pendidikan yang tinggi.

39. Tongkat Warrant seorang penulis sastera yang terkenal.Beliau telah menulis dalam bidang berikut kecuali

- A drama
- B cerpen
- C lagu
- D novel

40. Arena dalam petikan bermaksud

- A lingkungan
- B kumpulan
- C bidang
- D kelompok

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 11

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Setelah diijab kabulkan, pasangan pengantin tersebut akan _____ penghidupan baru.
 A merestui
 B merintangi
 C melengkapi
 D menempuh
- 2 Mesyuarat Agung PIBG sekolah tersebut dihadiri oleh _____ ibu bapa dan penjaga murid sahaja.
 A para
 B semua
 C seluruh
 D segelintir

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 2

- 3 Kamaludin _____ anak ikan di dalam parit di belakang rumahnya.
 A menyauk
 B mencedok
 C mengambil
 D menangkap
- 4 "Siapakah _____ yang berani melanggar perintah beta?" tanya sultan kepada bendahara.
 A teraju
 B persada
 C mahkota
 D gerangan
- 5 Peserta itu telah memenangi beberapa _____ pingat dalam sukan berkuda.
 A biji
 B butir
 C buah
 D bentuk

- 6 "Saya tidak tahan akan bau _____ apabila berada di tandas awam itu." Kata Sani kepada kawannya.
- A tengik
 B hanyir
 C haring
 D masam

Soalan 7 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 7 Paluan _____ kedengaran sebaik sahaja mempelai diarak ke rumah pengantin.
 A gong
 B gendang
 C kompong
 D rebana
- 8 Kita mestilah menyayangi ibu bapa kita dengan sepenuh hati kerana _____ telah menjaga dan mendidik kita sejak kecil.
 A dia
 B beliau
 C kalian
 D mereka

Soalan 9 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 9** Roslan mengait tiga _____ nyiur dengan menggunakan se _____ galah.
A butir ... ruas
B biji ... batang
C pohon ... bilah
D buah ... puntung
- 10** “ _____ dijatuhki hukuman penjara sepuluh tahun,” kata hakim kepada penjenayah itu.
A Awak
B Encik
C Kalian
D Beliau
- 11** Penduduk Sungai Bagan memula orang itu kerana telah menjadi _____ tentera Jepun pada zaman penjajah dahulu.
A tali barut
B adu domba
C lintah darat
D tulang belakang
- Soalan 12 berdasarkan Gambar 4**
- 
- Gambar 4
- 12** Encik Borhan dan anak-anaknya memasukkan peralatan berkelah ke dalam _____ kereta mereka.
A bonet
B kokpit
C bagasi
D ruang
- 13** Buah limau dapat menggelakkan daripada sembelit. _____ buah limau juga dapat melicinkan kulit.
A Selain itu
B Dengan itu
C Selepas itu
D Oleh sebab itu
- 14** Tragedi kebakaran yang menimpa dirinya itu _____ kekal dalam ingatannya.
A telah
B masih
C sudah
D sedang
- Soalan 15 berdasarkan Gambar 4**
- 
- Gambar 4
- 15** Mereka terpaksa _____ di pondok buruk itu kerana hujan turun dengan lebatnya.
A berehat
B berteduh
C berlindung
D bermalam
- 16** Pengurus syarikat elektronik terkenal itu sedang menjalankan _____ untuk memilih pekerja baharu.
A temu ramah
B temu muka
C temu duga
D temu bual
- 17** Mereka bergotong-royong _____ salah sebuah rumah yang roboh dipukul ribut.
A membina
B menukar
C mengimpal
D membangun
- 18** “Opah sedang _____ beras pulut dengan ragi untuk membuat tapai,” ujar emak memberi penerangan kepada kami.
A menguli
B mengisar
C mengepal
D menumbuk

19 Kesesakan lalu lintas di Jalan Tun Razak pagi tadi berpunca _____ kemalangan jalan raya.

- A** dari
- B** oleh
- C** daripada
- D** terhadap

20 Perkataan **berlawan** bagi situasi atau keadaan yang sedang berlaku di Jalan Tun Razak itu ialah _____.

- A** suram
- B** bening
- C** gelisah
- D** lengang

Soalan 21 berdasarkan Gambar 13

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

21 Sejak bilakah Mak Cik Minah mula belajar mengayam tikar mengkuang?

- A** Seingat mak cik, semenjak mak cik masih kecil lagi.
- B** Kalau anak mahu belajar, marilah mak cik tunjukkan.
- C** Mak cik belajar menganyam tikar daripada ibu mak cik.
- D** Mula-mula belajar mengayam tikar memanglah susah.

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

22 Setiap pelajar yang melanggar peraturan sekolah akan didenda atau dihukum.

- A** Bilakah setiap pelajar akan didenda jika melanggar peraturan sekolah?
- B** Apakah yang menyebabkan setiap pelajar melanggar peraturan di sekolah?
- C** Apakah tindakan terhadap setiap pelajar yang melanggar peraturan sekolah?
- D** Bagaimanakah pelajar yang didapati melanggar peraturan sekolah akan didenda?

*Pilih ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.*

- 23** **A** Sungguhpun Aiman anak orang kaya, namun dia tidak pernah besar diri.
B Hang Tuah cuba campur tangan untuk menghapuskan kumpulan lanun itu .
C Malaysia mengekspot minyak kelapa sawit ke beberapa buah negara ambil angin.
D Semenjak pertengkaran itu, Fikri dan Ghani sering batu api antara satu sama lain.

Soalan 24 dan Soalan 25

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.*

- 24** **I** Sudin sudah muak dengan juadah di kantin sekolahnya.
II Tekaknya berasa muak apabila terhidu bau busuk dari kilang getah itu.
III Lori itu sudah muak dengan besi-besi buruk yang dimuatkan ke dalamnya.
IV Encik Shamsul sudah muak dengan sikap salah seorang pekerja yang suka menipu.

- A** I dan IV
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** I, II dan IV

- 25** **I** Abang mengikut makan ke majlis kenduri kahwin sepupunya.
II Kami sekeluarga sedang makan buah rambutan di dusun Pak Hassan.
III Dia makan hati semenjak ditinggalkan oleh suaminya setahun yang lalu.
IV Puan Normah bekerja makan gaji dengan kerajaan sejak tiga tahun yang lalu.
- A** II dan III sahaja
 - B** II dan IV sahaja
 - C** I, III dan IV sahaja
 - D** II, III dan IV sahaja

Soalan 26 dan Soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi

- 26 “Noridah berkata, “Saya akan ke bandar untuk membeli kain langsir dan selendang.”.
- A Noridah mengatakan bahawa di bandar ada kain langsir dan selendang.
 - B Kain langsir dan selendang itu akan dibeli oleh Noridah jika dia ke bandar.
 - C Noridah berkata bahawa kain langsir dan selendang itu boleh dibeli di bandar.
 - D Noridah berkata bahawa dia akan ke bandar untuk membeli langsir dan selendang.
- 27 Pada setiap hari minggu Puan Aminah pergi ke pasar untuk membeli lauk-pauk.
- A Puan Aminah pergi pada setiap pasar minggu untuk membeli lauk-pauk.
 - B Puan Aminah pergi ke pasar minggu pada setiap hari untuk membeli lauk-pauk.
 - C Puan Aminah pergi ke pasar pada setiap hari minggu untuk membeli lauk-pauk.
 - D Puan Aminah pergi pada setiap hari ke pasar minggu untuk membeli lauk-pauk.

Soalan 28 dan Soalan 29

Pilih ayat yang betul

- 28 A Kumar tidak mahu lagi ke sekolah sehingga minggu lepas.
- B Mereka menunggu kepuungan kami di simpang tiga menghalau pekan baru.
 - C Abdul Rahman memandu motosikalnya ke pekan untuk membeli keperluan dapur.
 - D Busu adalah salah seorang murid tahun enam yang berjaya dalam pertandingan itu.

- 29 A Emak menyuruh adik menyidai bajunya di ampaian.
- B Pos kad itu diterimanya pada Ahad minggu yang lalu.
 - C Ahmad mendapat baca buku cerita yang mudah-mudah.
 - D Pengemis itu mencuba meraihkan simpati orang ramai yang lalu di situ.

Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 30 I Kakak saya ialah siswazah di Universiti Malaya.
- II Ibu baru menerima sepucuk surat daripada kakak.
 - III Ayah telah mengali di belakang rumah sebuah perigi batu.
 - IV Peralatan perkhemahan itu telah mereka cuci sejak semalam.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini 10 Oktober 2010, aku dan keluarga sibuk melakukan persiapan akhir untuk menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri. Sejak pagi lagi, ibu sudah *tidak menang tangan* menyediakan pelbagai juadah. Aku dan kakak turut membantu ibu di dapur. Pada petang itu, ibu memasak ketupat, rendang daging, gulai ayam, dan kuah kacang. Ibu turut menyediakan makanan kegemaranku, iaitu nasi kerabu.

Di belakang rumah, ayah dan abang long pula sedang sibuk membakar sate. Tahun ini merupakan tahun kedua kami menyediakan sate sebagai juadah hari raya. Adik-adikku pula bersorak riang sambil bermain bersama-sama kawannya di halaman rumah. Sambil bermain sesekali kedengaran mereka menyanyikan lagu “Balik Kampung” dan lagu hari raya. “Jangan terlalu suka sangat bermain tu!” jerit ibu yang turut menjenguk keluar tingkap.

Dalam kesibukan di dapur, ibu tetap berasa bimbang akan keselamatan dua

orang adikku itu. Sayup-sayup kedengaran suara adik-adikku meyakinkan ibu bahawa mereka dalam keadaan selamat ketika bermain. Mereka seolah-olah tidak sabar lagi menanti ketibaan Syawal yang mulia. Biasalah... pada hari raya budak-budaklah yang paling gembira. Selepas selesai membantu ibu, aku beralih ke ruang tamu pula. Aku menyusun kad-kad ucapan hari raya yang telah diterima daripada sanak saudara dan kawan-kawan. Kad-kad itu aku gantungkan pada ranting pokok yang diletakkan di dalam pasu bunga.

Dalam pada itu sempat juga aku membaca sebahagian daripada kad-kad tersebut. Aku tidak sabar menanti hari esok kerana selepas menunaikan solat hari raya, kami sekeluarga akan bertolak pulang ke kampung ayah. Aku mula merasakan keseronokan berhari raya bersama dengan sanak saudara di kampung. Suasana hari raya di kampung ayah amat meriah kerana mereka berhari raya dalam kumpulan atau satu rombongan yang ramai. Meraka akan beredar dari satu rumah ke satu rumah yang lain.

- 31** Berapa orangkah adik-beradik penulis?
A 2 orang adik-beradik.
B 3 orang adik-beradik.
C 4 orang adik-beradik.
D 5 orang adik-beradik.
- 32** Semua yang berikut ialah makanan yang disediakan oleh ibu penulis, **kecuali**
A sate.
B ketupat.
C nasi kerabu.
D rendang.
- 33** Frasa *tidak menang tangan* dalam petikan bermaksud
A terlalu sibuk.
B tidak bertenaga.
C tergopoh-gapah.
D kekurangan tenaga kerja.
- 34** Pilih aktiviti yang **tidak** dilakukan oeh penulis dan keluarganya pada hari tersebut.
A Membakar sate.
B Balik ke kampung.
C Membantu ibu memasak.
D Menggantung kad ucapan hari raya.

- 35** Apakah nilai murni yang sesuai dikaitkan dengan petikan di atas?
A Tegur-menegur.
B Ingat-mengingati.
C Bantu-membantu.
D Hormat-menghormati.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MINGGU KESELAMATAN JALAN RAYA

Bersempena minggu keselamatan jalan raya bagi tahun ini, berbagai-bagai acara akan dijalankan seperti Peraduan Melukis Poster dan Pertandingan Memandu Cermat. Acara-acara ini khas untuk kanak-kanak sekolah rendah di Daerah Machang.. Murid-murid tahap dua dipelawa memasuki peraduan tersebut. Mereka yang berminat sila daftarkan nama anda kepada guru kelas masing-masing melalui borang yang disediakan. Peralatan boleh didapati daripada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing.

Syarat-syarat Pertandingan

Peraduan Melukis Poster:

- Tajuk : Keselamatan Di Jalan Raya
- Kertas lukisan berukuran 35 x 25 cm
- Nama, kelas dan nama sekolah dituliskan di sudut atas sebelah kanan kertas lukisan
- Seumua lukisan hendaklah diserahkan kepada PPD Machang sebelum 29 Julai 2011

Peraduan Memandu Cermat:

- Diadakan pada hari Ahad 24 Julai 2011, pukul 9.00 pagi.
- Tempatnya di Dataran Seri Gemilang, SK Pulai Chondong Machang, Kelantan.
- Penerangan selanjutnya boleh didapati daripada Urus Setia dan Anggota Jawatkuasa Peraduan Memandu Cermat.

Hadiyah berupa wang tunai dan sijil penghargaan akan diberi kepada johan, naib johan dan tempat ketiga. Dua belas hadiah saguhati serta sijil penyertaan bagi tiap-tiap peraduan.

- | | |
|---|---|
| <p>36 Jika murid tahap dua ingin mengambil bahagian, mereka perlu mendaftarkan nama</p> <p>A kepada guru kelas.
 B kepada guru kanan.
 C kepada Guru Belas.
 D kepada guru bimbingan.</p> | <p>39 Johan pertandingan bagi setiap kategori akan membawa pulang</p> <p>A hamper dan sijil penyertaan.
 B hamper dan sijil penghargaan.
 C wang tunai dan sijil penyertaan.
 D wang tunai dan sijil penghargaan.</p> |
| <p>37 Lukisan-lukisan di bawah ini memenuhi syarat-syarat pertandingan, kecuali</p> <p>A Lukisan yang diserahkan kepada PPD Machang pada 28 Julai 2011.
 B Lukisan yang telah dihasilkan pada kertas yang berukuran 35 x 25 inci.
 C Lukisan yang pelukisnya sudah mendaftarkan nama melalui borang yang disediakan.
 D Lukisan yang di sudut atas sebelah kanannya ditulis nama, kelas, dan nama sekolah.</p> | <p>40 Pihak pengajur pertandingan Minggu Keselamatan Jalan Raya telah menyediakan</p> <p>A sebanyak 12 hadiah kepada para pemenang.
 B sebanyak 15 hadiah kepada para pemenang.
 C sebanyak 24 hadiah kepada para pemenang.
 D sebanyak 30 hadiah kepada para pemenang.</p> |
| <p>38 Perkataan <i>cermat</i> dalam petikan bermaksud</p> <p>A berhati-hati.
 B berjimat-jimat.
 C bertolak-ansur.
 D beransur-ansur.</p> | |

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 12

Soalan 1 – 25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Marilah _____ bersihkan kelas yang kotor ini," kata Rizal kepada rakan-rakannya.
A kita C kamu
B kami D kalian
2. "_____ akan segera ke Majapahit untuk menghapuskan lanun-lanun yang bermaharajalela itu," sembah Tun Perak kepada Sultan Melaka.
A Aku C Beta
B Hamba D Patik

Soalan 3 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

3. Petani itu sedang _____ anak benih padi di petak sawah.
A menuai C menyemai
B memotong D membanting
4. Farisha _____ kawan-kawannya menghadiri majlis hari jadinya yang ke-12.
A memanggil C meminta
B mengundang D menyuruh
5. Para hadirin _____ kerana murid prasekolah itu petah bercerita.
A hairan C bangga
B terharu D kagum
6. Kartini rindu _____ kedamaian kampung halamannya yang telah lama ditinggalkan.
A akan C dengan
B pada D kepada
7. Azman selalu sakit perut. _____, bapanya membawa Azman berjumpa doktor pakar.
A Lantaran itu C Bagaimanapun
B Meskipun D Padahal


Soalan 8 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

8. _____, kamu berjaya mendapat tempat pertama!
A Aduhai C Amboi
B Takziah D Tahniah
9. Banjir kilat _____ berlaku lagi di tempat ini sekiranya sistem perparitan tidak diselenggarakan dengan baik.
A telah C akan
B pernah D sedang
10. Hadiah yang dibeli oleh ibu semalam _____ untuk kakak tetapi untuk abang.
A tidak C ialah
B bukan D adalah

Soalan 11 berdasarkan Gambar 3




Gambar 3

11. Puan Laila _____ koleksi barang antiknya sehingga bersinar.
A mengilat C menyapu
B mengelap D menggilap
12. Yusri _____ keberatan hendak meninggalkan kampung halamannya untuk berhijrah ke bandar.
A sekali C agak
B paling D kurang

13. Angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa pada petang itu _____ nyaman.
A terlalu C sungguh
B betul D paling


Soalan 14 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

14. Pihak polis berjaya _____ dua orang pencuri di kampung itu.
A mengepung C memberkas
B mengikat D mengambil

Soalan 15 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

15. Puan Rosnah sedang tekun _____ kain songket yang ditempah oleh pelanggan.
A menganyam C menyulam
B menyirat D menenun

Soalan 16 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

16. Di dalam se_____ durian itu terdapat enam _____ durian yang besar dan lembut.
A pangsa ... ulas C butir ... ulas
B biji ... ulas D ulas ... pangsa

17. Amirah membawa se_____ payung ketika ke sekolah supaya tidak kehujanan.

- A kaki C batang
B buah D bentuk

18. Para pelajar mestilah berdisiplin dengan mematuhi _____ peraturan sekolah.
A semua C sekalian
B seluruh D sebahagian

19. “_____ berpeluk tubuh sahaja. Bantulah mereka yang sedang membuat kerja itu,” kata Badrul.
A Tolong C Usah
B Minta D Sila

20. Kamarul tergesa-gesa menyiapkan tugasannya kerana masa semakin suntuk. Sinonim bagi kata yang bergaris ialah ...

- A cepat C hampir
B perlahan D singkat

21. Banyak ikan yang mati akibat keracunan _____ di permukaan sungai itu.
A hadir C terapung
B muncul D tenggelam

22. Suzilawati _____ ibunya sehelai selendang sutera sempena Hari Ibu.
A hadiah C berhadiah
B menghadiah C menghadiahkan

23. “Kita perlu _____ perlawanan ini jika mahu ke perlawanan akhir,” kata ketua pasukan itu.
A memenangi C memenangkan
B kemenangan D dimenangi

24. Pelanggan tidak suka datang ke kedai itu kerana harganya mahal. _____, barang yang dijual tidak berkualiti.

- A Namun demikian C Tambahan pula
B Oleh sebab itu D Walau bagaimanapun

25. Encik Malik dan Puan Saerah menjaga anak tunggal mereka bagi _____.

- A rusa masuk kampung
B tikus jatuh ke beras
C menatang minyak yang penuh
D anak ayam kehilangan ibu

Soalan 26

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

26. Mengapakah awak tidak menghantar buku latihan Matematik itu kepada cikgu?

- A Buku latihan Matematik itu telah dihantar kepada cikgu.
- B Benar, saya tidak menghantar buku latihan Matematik kepada cikgu.
- C Saya akan menghantar buku latihan Matematik itu kepada cikgu.
- D Saya belum menyiapkan latihan Matematik yang diberikan semalam.

Soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat di bawah.

27. Banyak harta benda yang musnah dan binatang ternakan mati akibat banjir yang melanda kampung itu.

- A Banyak harta benda yang musnah dan binatang ternakan itu mati akibat banjir yang melanda.
- B Kejadian banjir yang melanda telah menyebabkan banyak harta benda musnah dan binatang ternakan mati.
- C Banjir yang melanda kampung itu menyebabkan banyak harta benda musnah dan binatang ternakan mati.
- D Kemasuhan harta benda dan kematian binatang ternakan berpunca daripada kejadian banjir yang melanda.

Soalan 28

Pilih ayat yang betul.

28. A Cantik nian pemandangan di tepi Pantai Cahaya Bulan pada waktu senja.
B Apabila tiada aral yang melintang saya pasti datang ke rumah awak petang ini.
C Kanak-kanak yang hilang itu akan dijumpai walaupun usaha mencarinya giat dijalankan.
D Harga barang-barang di pasar raya itu paling mahal berbanding dengan harga di kedai runcit.

Soalan 29

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 29 I Tarmizi amat sayang akan datuk dan neneknya.
II Setiap orang murid perlu membuat persediaan awal.
III Penglihatannya masih jelas walaupun sudah berumur.
IV Rumah saya terletak antara pejabat pos dengan pasar.

- A I dan III C I, II dan IV
B II dan III D II, III dan IV

30. I Karangan bunga yang cantik itu digubah oleh Puan Sari.
II Pakaian itu digubah oleh seorang pereka fesyen yang masyhur.
III Lagu yang popular itu digubah oleh seorang pencipta lagu terkenal.
IV Satu perlembagaan yang baharu telah digubah oleh jawatankuasa khas.

- A I dan II C I, III dan IV
B I dan III D II, III dan IV

Soalan 31 – 35

Baca puisi di bawah dengan teliti.

Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nyamannya bayu di desaku
Mengalun lembut desiran angin
Aku bahagia di sini
Di desaku yang tercinta
Jauh daripada pencemaran udara

Tenangnya sungai yang mengalir
Airnya jernih sangat bersih
Banyak berjasa kepada kami
Tempat ayahku mencari rezeki
Tempat kami mandi-manda
Itulah sungaiku yang belum tercemar.

Sawahmu luas terbentang
Mengasyikkan mata memandang
Tatkala terbit mentari pagi
Wajahmu mengukir senyuman indah
Kasihku padamu kian bertambah.

Damainya desaku yang tercinta
Nyanyian unggas menceriakan suasana
Tiada kedengaran deruman kereta
Bebas daripada bingit jentera
Hatiku tenang sentiasa.

Desaku yang tercinta
Kaya dengan flora dan fauna
Bebas daripada pembangunan
Yang merosakkan alam
Itulah impianku
Desaku kekal begitu
Unggas-unggas menyanyi riang
Indahnya suasana desaku.

31. Apakah topik yang paling sesuai bagi puisi di atas?

- A Flora dan Fauna
- B Desaku yang Tercinta
- C Sungaiku yang Jernih
- D Nyamannya Bayu Desa

32. Bagaimanakah suasana di desa penulis?

- A Damai dan indah
- B Nyaman dan sejuk
- C Membangun dengan pesat
- D Berlaku pencemaran udara

33. Ayah penulis mungkin sekali seorang ...

- | | |
|----------|------------|
| A petani | C jurutera |
| B buruh | D nelayan |

34. Frasa *bebas daripada bingit jentera* bermaksud

- A suasana desa yang terlalu sunyi
- B tiada bunyi bising enjin kenderaan
- C bebas daripada suara nyanyian unggas
- D sunyi daripada sebarang bunyi yang bising

35. Pernyataan yang berikut benar **kecuali** ...

- A Air sungainya jernih kerana tiada pencemaran
- B Penulis asyik memandang matahari terbit waktu pagi
- C Bunyi unggas menambahkan keceriaan suasana desa

D Flora dan fauna terpelihara kerana tiada pembangunan

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah dengan teliti.
Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Esaah binti Senik,
15, Kampung Tebing,
16200 Tumpat.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Pejabat Kebajikan Masyarakat Tumpat,
Bangunan Kerajaan Persekutuan,
16200 TUMPAT. 20 JANUARI 2011.

Tuan,
Memohon Bantuan Kewangan

Merujuk perkara di atas, saya ingin memohon bantuan bulanan daripada pihak tuan.

Saya merupakan ibu tunggal kepada tiga orang anak perempuan dan dua orang anak lelaki.

2. Untuk makluman pihak tuan, suami saya telah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya tahun lepas. Bagi menyara keluarga, saya telah menjual kuih dengan pendapatan kira-kira RM350.00 sebulan. Dengan pendapatan sebanyak itu, saya tidak mampu untuk menyara keluarga.

3. Untuk makluman pihak tuan juga, pada tahun ini dua orang anak saya di sekolah menengah akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM. Manakala seorang lagi di sekolah rendah akan menghadapi UPSR. Dengan ini saya amat memerlukan wang untuk membeli buku-buku rujukan mereka.

4. Sehubungan dengan itu, saya memohon jasa baik pihak tuan agar dapat memberikan bantuan kepada kami sekeluarga. Saya amat berharap agar permohonan saya ini akan dipertimbangkan oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Esaah
(ESAH BINTI SENIK)

36. Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A Meminta bantuan untuk membeli buku-buku rujukan
 - B Memberitahu pendapatan bulanan yang tidak memuaskan
 - C Menyatakan anak-anak yang akan menghadapi peperiksaan
 - D Memohon bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat
37. Berapa orangkah anak Puan Esah yang akan menghadapi peperiksaan pada tahun ini?
- A 2 orang
 - B 3 orang
 - C 4 orang
 - D 5 orang
38. Puan Esah menyara keluarganya melalui
- A hasil jualan kuih
 - B bekerja di kedai makan
 - C simpati daripada orang ramai
 - D bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat

39. Mengapakah Puan Esah memerlukan bantuan kewangan?
- A Membayarai persekolahan anak-anaknya
 - B Membayar yuran peperiksaan anak-anaknya
 - C Suaminya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya
 - D Pendapatannya tidak mencukupi untuk menyara keluarga
40. Pilih pernyataan yang **benar** tentang Puan Esah.
- A Seorang ibu tunggal kepada tiga orang anak
 - B Suaminya telah meninggal dunia setahun lalu
 - C Pendapatannya cukup untuk menyara keluarga
 - D Mengharapkan belas kasihan dan bantuan orang lain


KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 13

Arahan Am

Tiap-tiap soalan diikuti dengan empat pilihan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Selepas pulang dari pejabatnya, Encik Suhaimi berbaring di sofa _____ tertidur.

A jika C sambil
B bila D hingga

2. Anjing jiran Adibah _____ apabila terlihat orang asing yang tidak dikenali.

A mencicit-cicit
B mengiau-ngiau
C menyalak-nyalak
D mengembek-ngembek


3. Seorang kanak-kanak berusia empat tahun cedera parah akibat _____ oleh seekor anjing liar di Tanah Merah baru-baru ini.

A digit C dihentam
B dibaham D digonggong

4. Ibu mengganti langsir tingkap dan pintu rumah yang sudah _____ warnanya kerana sudah tiga tahun tidak diganti.

A buruk C cerah
B kusam D pudar

Soalan 5 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2


5. Ayam kampung peliharaan Tok Aki tinggal _____ reban yang diperbuat daripada buluh.

A di tepi C di dalam
B di atas D di tengah

6. Ibu _____ adik sepinggan nasi berlaukan ikan dan ayam semasa makan tengah hari.

A hidangkan C terhidangkan
B menghidangi D menghidangkan

Soalan 7 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

7. Pada setiap hari Khamis, _____ menghadiri aktiviti kokurikulum di sekolah.

A dia C kalian
B kamu D mereka

8. Pengawal keselamatan yang bertugas di gedung membeli-belah yang terkenal itu telah kehilangan kunci.
 _____ dia buta,
 _____ dia gigih mencari rezeki dengan bermula.
 A Walaupun ... namun
 B Walaupun ... bagaimanapun
 C Meskipun ... di samping itu
 D Meskipun ... walaupun begitu

Soalan 9 dan soalan 10 berdasarkan gambar 4



Gambar 4

9. Posmen itu memasukkan _____ surat ke dalam peti surat di rumah Puan Madiyah.
 A senaskhah C sepuak
 B selembar D sehelai
10. Puan Madiyah menerima surat itu _____ anaknya yang sedang belajar di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
 A dari C kepada
 B pada D daripada

Soalan 11 berdasarkan gambar 5



Gambar 5

11. Empat ekor _____ nyamuk aedes telah dijumpai oleh pegawai kesihatan di kawasan perumahan itu.
 A sesemut C lelabah
 B jejentik D lelipas

12. _____ dia buta,
 _____ dia gigih mencari rezeki dengan bermula.
 A Walaupun ... namun
 B Walaupun ... bagaimanapun
 C Meskipun ... di samping itu
 D Meskipun ... walaupun begitu
13. Keayuan wajah gadis itu _____ apabila dia mengenakan selendang
 A terlihat C terpamer
 B terserlah D terpancar

Soalan 14 dan soalan 15 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

14. Anak-anak kucing parsit itu sungguh manja _____ dengan Masitah.
 A agak C sekali
 B benar D paling
15. Masitah sangat sayang _____ kucing-kucingnya itu. Dia menjaga makan, minum dan kesihatan kucing-kucing tersebut.
 A akan C dengan
 B pada D kepada
16. Pak Samad seorang nelayan. Dia _____ jalanya untuk menangkap udang galah di sungai itu.
 A membaling C menebar
 B membuang D melabuh
17. Jika Pak Samad tidak turun ke sungai, dia akan menggunakan masa terluang itu untuk _____ jalanya yang koyak.
 A menyirat C menyulam
 B menenun D menampung

Soalan 18 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

18. Aiman _____ simbal mengikut rentak gitar yang rancak itu.
 A memetik C menggesek
 B memukul D menghentam
19. Encik Wong _____ mengusahakan kebun sayurnya dengan pelbagai jenis tanaman.
 A mandi darah C mandi lumpur
 B mandi peluh D mandi kerbau

Soalan 20 dan Soalan 21 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

20. Rizal _____ kerana dituduh oleh kawannya tidak jujur.
 A naik darah C mulut murai
 B otak udang D perang dingin
21. Perkataan **antonim** yang paling sesuai bagi menyatakan situasi antara Rizal dengan kawannya itu ialah _____.
 A tegas C gusar
 B ceria D berani

Soalan 22 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan bergaris dengan betul.*

22. Hang Tuah adalah antara pahlawan Kesultanan Melayu Melaka yang terbilang pada zaman dahulu.
 A terpuji C tertangkas
 B terbesar D termasyhur

Soalan 23

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

23. Perkhemahan itu dibatalkan kerana kurang mendapat sambutan daripada murid-murid.
 A Bagaimakah sambutan perkhemahan itu?
 B Mengapakah perkhemahan itu dibatalkan?
 C Siapakah yang membatalkan perkhemahan itu?
 D Adakah perkhemahan itu mendapat sambutan daripada murid-murid?

Soalan 24

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

24. Apakah hubungan gadis berdarah campuran itu dengan datuk kamu?
 A Gadis berdarah campuran itu ialah anak saudara saya.
 B Datuk saya dan gadis itu memang berdarah campuran.
 C Gadis berdarah campuran itu ialah cucu kepada datuk saya.
 D Hubungan datuk saya dengan gadis berdarah campuran itu sangat rapat.

Soalan 25

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

25. Lampu isyarat di simpang jalan itu tidak berfungsi sejak semalam.
 A Lampu isyarat telah rosak di simpang jalan itu.
 B Semalam lampu isyarat rosak di simpang jalan itu.
 C Lampu isyarat di simpang jalan itu sudah lama rosak.
 D Sejak semalam lampu isyarat di simpang jalan itu rosak.

Soalan 26 dan Soalan 27

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

26. I Landasan kereta api Teluk Intan –Tapah sudah tidak digunakan lagi.
 II Beberapa orang jurutera sedang memeriksa landasan kapal terbang itu.
 III Kita tidak akan terpesong jika mengikut landasan agama yang betul.
 IV Pemimpin yang mempunyai landasan yang bersih akan dikenang sepanjang hayat.
- A I dan II C I , II dan III
 B II dan III D I, III dan IV

27. I Kakak memetik secubit garam untuk dimasukkan ke dalam kari ayam.
 II Setiap petang, Karim memetik gitar di beranda rumahnya.
 III Pensyarah itu memetik kata-kata pujangga sebelum mengakhiri syarahannya.
 IV Azlina memetik beberapa kuntum bunga ros di taman itu.
- A I dan II C I, II dan III
 B I dan IV D II, III dan IV

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat-ayat yang betul.

28. I Kawasan istana itu dikawal dengan ketat oleh para pengawal.
 II Rumah pengurus bank itu terletak di antara masjid dengan balai raya.
 III Kami mengambil masa selama

dua setengah jam untuk tiba di puncak.

IV Kedua orang anak Puan Norhayati sedang menuntut di Universiti Putra.

- A I dan II C I , II dan III
 B II dan III D II, III dan IV

29. A Komputer yang dibeli oleh David sungguh canggih sekali.
 B Pada musim perayaan kita perlu saling kunjung-mengunjungi.
 C Tiap hari saya akan ke perpustakaan awam untuk membaca buku.
 D Zulkifli dan adiknya menuntut rancangan televisyen kegemaran mereka.
30. A Berbagai aktiviti yang berfaedah boleh dilakukan pada cuti sekolah.
 B Murid-murid beratur di tepi kelas masing-masing bila loceng berbunyi.
 C Kamu boleh membuat tempahan kereta itu bila-bila masa yang kamu suka.
 D Beliau adalah salah seorang penjenayahyang paling dikehendaki oleh pihak polis.

Soalan 31 hingga soalan 35

Baca petikan berita di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KUALA KANGSAR, 25 Mei – Empat lelaki bersenjatakan pistol telah merompak wang tunai berjumlah dua ratus ribu dari sebuah rumah seorang usahawan di Jalan Merak di sini pagi tadi. Rompakan itu adalah kali kedua di rumah usahawan berkenaan. Kira-kira dua bulan yang lalu, sebanyak lima puluh lapan ribu wang tunai telah dilarikan dari rumah tersebut.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar memberitahu pemberita, rompakan yang memerlukan tuan rumah itu berlaku dalam masa beberapa minit sahaja. Rompakan itu berlaku kira-kira pada pukul 11.30 malam. Semasa kejadian, keluarga berkenaan masih belum tidur. Perompak juga tidak mencederakan penghuni banglo mewah itu. Tidak berlaku sebarang pergelutan semasa kejadian tersebut. Menurut siasatan awal pihak polis,

perompak-perompak tersebut mungkin mendapat kerjasama daripada pembantu rumah usahawan berkenaan beberapa hari sebelum rompakan berlaku. Pembantu rumah itu juga turut melarikan diri selepas kejadian itu.

Pembantu rumah usahawan tersebut ialah seorang wanita warganegara China. Dia telah berkerja sebagai pembantu rumah di rumah usahawan berkenaan hampir tiga tahun. Tiada sebarang syak yang meragukan tentang penglibatan pembantu rumah dalam kes rompakan tersebut sebelum ini.

Perompak-perompak itu telah memecahkan peti besi yang terletak di dalam bilik tidur usahawan tersebut. Mereka telah melarikan diri dengan menaiki sebuah kereta Toyota Vios yang dipercayai dicuri lima hari lalu. Pihak polis sedang mengesan dan memburu mereka yang dipercayai terlibat dalam kes rompakan tersebut. Pihak polis memohon kerjasama orang ramai yang ternampak kejadian itu supaya tampil memberikan maklumat.

31. Bilakah rompakan kali pertama berlaku di rumah usahawan itu?

- A 25 Februari C 25 April
B 25 Mac D 25 Mei

32. Rumah banglo mewah usahawan itu terletak di ...

- A Jalan Murai, Kuala Kangsar
B Jalan Merbok, Kuala Kangsar
C Jalan Merak, Kuala Kangsar
D Jalan Merpati, Kuala Kangsar

33. Rompakan bersenjata api itu hanya berlaku kira-kira ...

- A beberapa jam sahaja
B beberapa detik sahaja
C beberapa kali sahaja
D beberapa minit sahaja

34. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan di atas.

- A Sebuah kereta Toyota Vios turut dilarikan oleh perompak tersebut.
B Rumah usahawan tersebut sudah dua kali dimasuki oleh perompak.
C Pembantu rumah usahawan itu adalah seorang warganegara

asing.
D Usahawan dan keluarganya tidak dicederakan oleh perompak tersebut.

35. Rompakan tersebut dipercayai telah didalangi oleh orang dalam sendiri, iaitu hasil kerjasama antara

- A jiran tetangganya dengan perompak.
B pembantu rumahnya dengan perompak.
C pembantu peribadinya dengan perompak.
D pegawai keselamatannya dengan perompak.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

MINGGU KESELAMATAN JALAN RAYA 2010

Bersempena minggu keselamatan jalan raya bagi tahun ini, berbagai-bagai acara akan dijalankan seperti Pertandingan Melukis Poster dan Pertandingan Memandu Cermat. Acara-acara ini khas untuk kanak-kanak tahap dua sekolah rendah di daerah Tumpat. Murid-murid dipelawa menyertai pertandingan tersebut. Mereka yang berminat, sila daftarkan nama anda kepada guru kelas masing-masing melalui borang yang disediakan.

Peralatan boleh didapati daripada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah masing-masing.

Syarat-syarat Pertandingan:

1. Pertandingan Melukis Poster:

- (a) Tajuk : Keselamatan di Jalan Raya.
(b) Kertas lukisan berukuran 35 x 25 sm.
(c) Nama, kelas dan nama sekolah ditulis di sudut atas sebelah kanan kertas lukisan.
(d) Semua lukisan hendaklah diserahkan kepada PPD Tumpat sebelum 29 Julai 2010.

2. Pertandingan Memandu Cermat:

- (a) Diadakan pada hari Ahad 25 Julai 2010, pukul 9.00 pagi.
(b) Tempatnya di Dataran Sekolah Kebangsaan Tumpat .
(c) Penerangan selanjutnya boleh didapati daripada urus setia dan ahli jawatkuasa Pertandingan Memandu Cermat.

Hadiah-hadiah berupa wang tunai dan sijil penghargaan akan diberi kepada johan, naib johan dan tempat ketiga; dua belas hadiah saguhati serta sijil penyertaan bagi tiap-tiap peraduan.

- 36.Siapakah yang layak meyertai pertandingan di atas?
- A Murid sekolah rendah daerah Tumpat
 - B Murid sekolah menengah daerah Tumpat
 - C Murid tahap dua sekolah rendah daerah Tumpat
 - D Murid tahap satu sekolah rendah daerah Tumpat
- 37.Kepada siapakah peserta pertandingan perlu mendaftarkan diri?
- A guru kelas C guru besar
 - B guru kanan D guru bimbingan

38.Lukisan-lukisan di bawah ini memenuhi syarat-syarat pertandingan, **kecuali**

- A Lukisan yang diserahkan kepada PPD Tumpat pada 28 Julai 2010.
- B Lukisan yang telah dihasilkan pada kertas yang berukuran 35 x 25 inci.
- C Lukisan yang pesertanya mendaftarkan nama melalui borang yang disediakan.
- D Lukisan yang ditulis nama, kelas, dan nama sekolah di sudut atas sebelah kanannya.

39.Perkataan *cermat* dalam petikan bermaksud

- A berhati-hati C bertolak-ansur
- B berjimat-jimat D beransur-ansur

40.Johan pertandingan bagi setiap kategori akan membawa pulang

- A hamper dan sijil penyertaan.
- B hamper dan sijil penghargaan.
- C wang tunai dan sijil penyertaan.
- D wang tunai dan sijil penghargaan.

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 14

Soalan 1 hingga Soalan 20

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.


1. Encik Ahmad hendak _____ bayaran bil elektrik dan bil astro di pejabat pos.

- A jelas
- B menjelas
- C menjelaskan
- D memperjelas

2 _____ riangnya Muhammad Ali melihat kepuungan abangnya sekeluarga dari luar negara.

- A Agak
- B Sering
- C Betapa
- D Demikian

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah



3 Puan Sarimah menggubah dua _____ tuala untuk dijadikan gubahan berbentuk dua _____ cendawan.

- A helai ... kaki
- B bidang ... pokok
- C keping ... pasang

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4 "Bukan _____ caranya hendak menjadi seorang murid yang cemerlang," kata guru kepada muridnya.

- A selalu
- B begitu
- C mudah
- D pernah

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.




5 Cabai burung dan bawang merah itu ditumbuk oleh Mak Cik Munah sehingga _____.

- A hancur
- B lumat
- C leper
- D lebur

6 Air sungai di kawasan sawah padi Mulong Sungai Kelantan menjadi _____ kerana musim kemarau yang berlarutan.

- A jernih
- B keruh
- C deras
- D tohor

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Terdapat dua _____ rumah dan tiga _____ pokok kelapa di kawasan bendang itu.

- A pintu ... pohon
 - B buah ... batang
 - C deret ... rumpun
- 8 Wau dan gasing adalah _____ permainan tradisional yang sangat digemari oleh penduduk di pantai timur.

- A umpama
- B seperti
- C antara
- D bagi

Soalan 9 berdasarkan di bawah



9 Mereka tampak _____ gembira kerana dapat bertemu semula pada awal persekolahan tahun ini.

- A terlalu amat
- B benar sekali
- C terlalu paling
- D sungguh nian

10 Harjit Singh sedang _____ gambar pemandangan pada dinding di dalam biliknya.

- A mencalit
- B melakar
- C melorek
- D menconteng

11 “ _____ ada usaha dan kesungguhan, kita boleh berjaya dalam semua bidang,” kata Tuan Pegawai Pelajaran Daerah Kota Bharu kepada para calon UPSR.

- A Sementara
 - B Semenjak
 - C Sekiranya
 - D Semasa
- 12 Budak lelaki itu sedang _____ jambatan gantung di kawasan hutan rekreasi itu.

- A melintasi
- B merentasi
- C mengharungi
- D menyeberangi

13 Semasa bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran sekolah, janganlah pula ada yang mengambil kesempatan untuk _____.

- A mandi peluh
- B langkah kiri
- C akal kancil
- D curi tulang

14 Ahmadi sedang _____ di kawasan air terjun pada cuti hujung minggu yang lalu.

- A bermadah
- B bersantai
- C bersenda
- D bertapa

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah



15 Puan Aisyah sedang _____ beberapa gelas air sejuk untuk para jemputan dalam majlis itu.

- A mengelek
- B menatang
- C menjinjing
- D mengusung

16 Kerja-kerja _____ mangsa banjir itu masih diteruskan walaupun dalam keadaan hujan lebat.

- A terselamat
- B keselamatan
- C diselamatkan
- D menyelamatkan

17 Sejak terlantar di hospital, badannya semakin_____ kerana hilang selera makan.

- A kecil
- B nipis
- C susut
- D kempis

18 Ayah membeli beberapa untai _____ di Tanah Suci Mekah sebagai buah tangan kepada rakan-rakannya.

- A serban
- B kopiah
- C tasbih
- D tamar

19 Sungai itu telah _____ akibat sikap segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab.

- A dicemari
- B tercemar
- C dicemarkan
- D mencemarkan

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



20 Perkataan **berlawan** bagi gambar situasi sebatang sungai yang terdapat di negara kita seperti gambar di atas ialah _____.

- A lesu
- B kotor
- C indah
- D bersih

Soalan 21 berdasarkan Gambar 13



Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

21 Apakah yang sedang berlaku di rumah Encik Muthu pada ketika itu?

- A Encik Muthu berkunjung ke rumah keluarganya.
- B Encik Muthu menunggu ketibaan rakan-rakannya.
- C Encik Muthu menghidangkan resepi yang istimewa.
- D Encik Muthu mengadakan rumah terbuka Deepavali.

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

22 Anak saya yang kedua bersekolah di SBP Tun Fatimah, Johor Bahru.

- A Di manakah anak kamu yang kedua bersekolah?
- B Mengapakah anak kamu yang kedua itu masih bersekolah?
- C Siapakah yang masih bersekolah di SBP Tun Fatimah Johor Bahru ?
- D Bilakah anak kamu yang kedua bersekolah di SBP Tun Fatimah, Johor Bahru ?

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

23 A Dia adalah Pengurus Projek Kondominium Mewah itu.

- B Kebakaran itu ialah berpuncu daripada litar pintas elektrik.
- C Adalah dimaklumkan bahawa pejabat kami akan ditutup esok.
- D Permainan video itu ialah hadiah istimewa ayah kepada adik saya.

Soalan 24 dan Soalan 25

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 24** I Air bah itu sampai ke paras pinggang saya.
 II Kebanyakan peragawati mempunyai rupa paras yang cantik.
 III Bangunan yang baharu dibina itu dua puluh paras tingginya.
 IV Tok Sidang mempunyai paras yang tinggi dalam masyarakat.
 A I dan II
 B II dan III
 C I, II dan III
 D I, III dan IV
- 25** I Sikap kepala besar adalah punca dia disisih oleh rakan-rakanya
 II Duta Besar Sudan itu telah bertugas di Malaysia sejak dua tahun yang lalu.
 III Kapur batu merupakan bahan Utama untuk membuat batu marmor dan simen.
 IV Pita suara itu merupakan satu daripada bahan bukti kes pecah amanah tersebut.
 A I dan II sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, II dan IV sahaja

Soalan 26 dan Soalan 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

- 26** Lagu yang dinyanyikan oleh Siti itu dicipta oleh Ahmad.
 A Ahmad telah mencipta lagu nyanyian Siti itu.
 B Lagu ciptaan Siti telah dinyanyikan oleh Ahmad
 C Siti telah merakamkan lagu yang dicipta oleh Ahmad
 D Ahmad telah mencipta Siti sebagai penyanyi terkenal.
- 27** "Sani, kalau awak ke pasar raya, belikan saya ubat gigi," kata Ali kepada Sani.
 A Sani hendak ke pasar raya jika Ali memesan ubat gigi.
 B Ali hendak membeli ubat gigi jika Sani pergi ke pasar raya.
 C Ali meminta sani membelikannya ubat gigi jika dia ke pasar raya.
 D Sani meminta Ali membelikannya ubat gigi jika dia pergi ke pasar raya.

Soalan 28 -30

Pilih ayat-ayat yang betul

28. A Dia memberitahu tentang kemalangan itu pada ibu bapanya.
 B Bantuan dan pertolongan yang kamu hulurkan amatlah saya hargai.
 C Saya mendapat perkhabaran yang dia telah dimasukkan ke hospital.
 D Adakah pengakuan kamu itu dibuat bersungguh-sungguh atau kerana paksaan?
29. A Nah, bertapa gembiranya mereka hari ini!
 B Aduh, cantiknya pasangan pengantin baru itu!
 C Cis, akhirnya mereka bertemu di jinjang pelamin!
 D Wah, banyaknya tetamu yang hadir dalam majlis itu!
30. A Ali menerima surat dari abangnya.
 B Mereka sedang membayar wang ke penjual itu.
 C Ayah baru balik dari Kuala Lumpur.
 D Gambar itu dibeli daripada Johor.

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KOTA BHARU, 16 Mac 2011 – Pejabat Pelajaran Daerah Kota Bharu telah menganjurkan Bengkel Portal Pendidikan. Bengkel tiga hari itu telah dihadiri oleh 100 orang guru sekolah menengah dan guru sekolah rendah di daerah ini. Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan peranan internet dalam pendidikan kepada para peserta kursus. Setiap orang peserta diminta untuk membina atau menghasilkan bahan bagi dimuatkan ke dalam portal tersebut.

Pada dasarnya, penerokaan melalui internet ini adalah sebahagian daripada strategi pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini telah terbukti berkesan dan sangat diperlukan bagi melahirkan murid-murid yang bermaklumat. Justeru, penerokaan ilmu melalui internet perlu diperluaskan kepada murid-murid di luar bandar serta di kawasan pedalaman. Arus kemajuan globalisasi ini telah mewarnai corak pendidikan di negara kita.

Menurut seorang peserta bengkel, Cikgu Mohamad Ali bin Rawi berpendapat bahawa bengkel teknologi maklumat dan komunikasi itu telah memberi satu pengalaman baharu buatnya. Bengkel ini juga dapat membimbing para guru untuk mencari dan meneroka maklumat dengan cepat dan mudah. Selain itu, kaedah penerokaan ilmu ini dapat mengelakkan rasa bosan dalam kalangan murid. Guru pula akan menjadi lebih *kreatif* semasa menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, guru boleh memandu murid-muridnya bagi meneroka maklumat berpandukan alamat-alamat portal pendidikan yang telah disediakan.

Walaupun pada hari terakhir bengkel tersebut, para peserta masih menampakkan minat dan kesungguhan untuk menghasilkan bahan ilmiah bagi dimuatkan ke dalam Portal PPD Kota Bharu. Semua peserta berharap agar bengkel seperti ini dapat diadakan lagi kerana terbukti sangat berguna dan berkesan. Para peserta juga dapat mempelajari cara meneroka ilmu dengan lebih mudah dan menyeronokkan.

- 31** Kita perlu menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi supaya
- A dapat menyelesaikan masalah dengan baik.
 - B boleh meneroka ilmu dengan mudah dan cepat.
 - C mahir menggunakan semua peralatan komputer.
 - D mudah untuk menjawab semua soalan peperiksaan.
- 32** Bengkel ini dianggap berjaya mencapai objektifnya kerana para peserta
- A telah memperoleh sebahagian maklumat yang baharu dan terkini.
 - B berjaya sampai ke hari terakhir bengkel portal pendidikan tersebut.
 - C menampakkan minat dan kesungguhan untuk menghasilkan bahan.
 - D dapat mengumpulkan beberapa alamat portal pendidikan di internet.
- 33** Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan di atas.

- A Bahan yang dihasilkan oleh para peserta kursus sangat berkualiti.
- B Para peserta kursus telah didedahkan tentang penggunaan internet.
- C Portal pendidikan merupakan salah satu sumber ilmu yang boleh dilayari.
- D Bengkel Portal Pendidikan dihadiri oleh guru sekolah menengah dan rendah.

34 Apakah kepentingan pengajaran dan pembelajaran melalui internet?

- A Memperoleh ilmu yang baharu dan terkini.
- B Sentiasa berasa seronok dan gembira semasa belajar.
- C Dapat menghasilkan portal pendidikan yang cantik dan menarik.
- D Mampu menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

35 Perkataan *kreatif* dalam petikan bermaksud

- A melahirkan.
- B menyediakan.
- C menghasilkan.
- D mempelbagaikan.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

20 Mac 2011

4.00 petang

Kami selamat tiba di lokasi penginapan yang terletak di pinggir bandar. Kami bersyukur kerana sepanjang perjalanan dari Kuala Lumpur semuanya selamat. Cikgu Yazdy mengarahkan semua anggota rombongan masuk ke bilik yang telah ditetapkan. Kami meletakkan beg ke dalam bilik tersebut. Aku ditempatkan di sebuah bilik bersama-sama lima orang rakan yang lain.

21 Mac 2011

9.30 pagi

Melawat kilang membuat kain batik di Kampung Sireh, tidak jauh dari bandar Kota Bharu. Kami diberi peluang oleh pelukis batik di situ untuk melakar corak di kain batik. Aku membeli sehelai kain batik untuk ibu, sehelai baju batik untuk ayah dan sehelai selendang batik sutera untuk kakak. Selesai makan tengah hari dan solat, kami

bertolak ke Pantai Irama, Bachok untuk bersantai sambil menonton persembahan tradisional yang disediakan untuk orang ramai. Aku sempat membeli cenderamata berupa rantai kunci berbentuk wau di gerai yang terdapat di situ.

2.30 petang

Kami dibawa melawat sekitar bandar Kota Bharu dan singgah di Pasar Besar Siti Khadijah. Sungguh berbeza dengan tempatku. Kebanyakan peniaga di pasar tersebut terdiri daripada kaum perempuan. Mereka sungguh peramah. Aku kagum akan kegigihan mereka.

8.00 malam

Selepas solat dan makan malam, kami bertolak pulang ke Kuala Lumpur. Sepanjang perjalanan, kebanyakan rakan-rakanku tidur kerana *kepenatan*. Kenangan di Kelantan akan kuceritakan kepada keluarga dan kawan-kawanku nanti.

- 36** Penulis dan rakan-rakannya berkunjung ke Kelantan untuk
- A** melihat cara-cara membuat dan menghasilkan kain batik.
 - B** menyaksikan kehebatan kaum perempuan Kelantan bermiaga.
 - C** menambah pengetahuan melalui program Lawatan Sambil Belajar.
 - D** melawat dan membeli-belah di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu.

- 37** Kehebatan Pasar Besar Siti Khadijah terletak pada
- A** kain batiknya yang sangat cantik serta bermutu tinggi.
 - B** harga barang yang dijual di pasar tersebut amat murah.
 - C** kebanyakkan peniaganya terdiri daripada kaum perempuan.
 - D** keramahan peniaga dan pembeli yang berurus di pasar tersebut.

- 38** Jika 30 orang murid menyertai lawatan tersebut, berapakah buah bilik untuk mereka?
- A** 4 buah bilik
 - B** 5 buah bilik
 - C** 6 buah bilik
 - D** 7 buah bilik

- 39** Benda-benda yang berikut dibeli oleh penulis semasa lawatan ke Kelantan, **kecuali**
- A** seutas kunci rantai wau
 - B** sehelai kain batik sarung
 - C** sehelai baju kemeja batik
 - D** sehelai selendang batik sutera

- 40** Perkataan *kepenatan* dalam petikan bermaksud
- A** kelebihan.
 - B** keperitan.
 - C** kesunyian.
 - D** kelemahan.

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 15

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Ahmad sangat gembira apabila menerima _____ surat daripada posmen yang bertugas pada hari itu.

- A sehelai
- B sepucuk
- C sekeping
- D senaskhah

- 2 Puan Suzana membeli se _____ mutiara asli ketika berkunjung ke negeri Sabah.

- A biji
- B butir
- C buah
- D bentuk

- 3 Kerepek pisang di dalam balang kaca itu menjadi _____ kerana penutupnya tidak ditutup rapat.

- A layu
- B rapuh
- C lemau
- D rangup

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Nelayan itu sedang _____ pukat ketika menangkap ikan di laut.

- A menarik
- B menebar
- C menyirat
- D menunda

- 5 Pak Hamid _____ jerji besi pada pintu dan tingkap rumahnya untuk mengelakkan daripada dimasuki pencuri.

- A melarik
- B menampal
- C memasang
- D mencantum

- 6 Semua mangsa kemalangan itu telah _____ ke hospital untuk mendapatkan rawatan kecemasan.

- A dikejar
- B berkejar
- C dikejarkan
- D berkejaran

- 7 Saya berasa _____ apabila melihat orang-orang buta di situ menganyam bakul dengan berbagai-bagai bentuk dan corak.

- A pilu
- B gusar
- C takjub
- D keliru


- 8 Pasaran batik yang semakin meluas telah _____ penduduk negeri ini untuk menceburkan diri dalam bidang tersebut.
- A membuka mata
B membuka pintu
C membuka mulut
D membuka langkah
- 9 Encik Masrul menggunakan _____ supaya cepat sampai ke pejabatnya kerana beliau sudah kesuntukan masa.
- A jalan mati
B jalan pintas
C jalan tengah
D jalan mudah

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Pada setiap hari, Salmah membantu ibunya _____ pinggan manguk selepas makan.
- A mengelap
B mengemas
C membasuh
D menyusun

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Selepas pulang dari kerja, Encik Hamdan _____ lalu terlena di atas sofa kerana keletihan.
- A berbaring
B bersandar
C terlantar
D tertiarap

- 12 Pertandingan nasyid _____ sekolah rendah _____ negeri Kelantan akan diadakan pada minggu hadapan.
- A di ... pada
B dalam ... antara
C antara ... di
D di ... dari

- 13 Azim tidak membuat apa-apa keputusan _____ untuk menyokongnya _____ membantah keputusan itu.

- A entah ... entah
B sama ada ... ataupun
C walhal ... inikan pula
D bukan sahaja ... malah

- 14 "Kedatangan _____ ini besar hajatnya," kata Mak Piah kepada Datuk Bendahara.

- A hamba
B pacal
C patik
D saya

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



- 15 Encik Ismadi sedang _____ air kelapa untuk dijual kepada pelanggannya.
- A menapis
B menimba
C menggaul
D membancuh

- 16 Puan Halimah sedang menyapu _____ yang gugur dari pokok mangga di belakang rumahnya.
- A dedaun
B rerumput
C rerambut
D dedahan
- 17 Semangat patriotisme rakyat Malaysia semakin _____ apabila sambutan Hari Kebangsaan menjelang tiba.
- A bersinar-sinar
B berkobar-kobar
C berdebar-debar
D berdegup-degup
- 20 Gadis yang rupawan itu telah dipinang oleh anak ketua kampung. **Perkataan seerti** bagi rupawan ialah
- A jelita
B hebat
C kacak
D anggun
- 21 Bunga seri pagi yang sedang kembang itu menceriakan halaman rumah Puan Rosnah. **Perkataan berlawan** bagi kembang ialah
- A kecil
B kecut
C kempis
D kuncup

Soalan 18 berdasarkan gambar di bawah.



- 18 Ah Seng menjerit kesakitan kerana segelas air panas telah _____ di atas pahanya.
- A tertumpah
B terpancут
C terjatuh
D terbalik
- 19 Apabila tiba musim buah-buahan banyak gerai menjual buah-buahan dibina _____ di sepanjang jalan menuju ke kampung saya.
- Peribahasa** yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
- A Seperti kaduk naik junjung
B Seperti rumput di tepi jalan
C Seperti mentimun dengan durian
D Seperti cendawan tumbuh selepas hujan

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan **bergaris** dengan betul.

- 22 I Saya suka membaca novel ini kerana jalan ceritanya sangat menarik.
II Teksi yang membawa pelancong itu sudah jalan sebentar tadi.
III Setiap petang kakak membawa adik kecil pergi jalan di taman permainan.
IV Penduduk kampung berbincang untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah itu.
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D I, III dan IV
- 23 I Malaysia telah melancarkan satelit MEASAT-3 pada tahun 2006.
II Pihak tentera sedang melancarkan serangan ke atas kedudukan musuh.
III Kerajaan telah melancarkan "Kempen Pemandu Berhemah" baru-baru ini.

IV	Pegawai Pelajaran Daerah dijemput untuk <u>melancarkan</u> mesyuarat agung PIBG.	26	"Siapkan kerja sekolah kamu dahulu, barulah bermain badminton," kata ibu kepada Syafiq.
A	I dan III	A	Ibu menegur Syafiq bermain badminton selepas menyiapkan kerja sekolahnya.
B	I, II dan III	B	Ibu meminta Syafiq bermain badminton dahulu sebelum menyiapkan kerja sekolahnya.
C	I, II dan IV	C	Ibu mengarahkan Syafiq menyiapkan kerja sekolahnya selepas bermain badminton.
D	II, III dan IV	D	Ibu menyuruh Syafiq menyiapkan kerja sekolahnya dahulu sebelum bermain badminton.
24	Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah. Apakah pesanan cikgu kepada peserta rombongan itu?	27	Encik Kamarul terpilih sebagai Peladang Jaya kerana kegigihannya mengusahakan penternakan lembu tenusu.
A	Murid-murid yang tidak mendapat kebenaran ibu bapa tidak dibenarkan mengikuti rombongan ke Kuala Lumpur.	A	Kegigihan Encik Kamarul mengusahakan penternakan lembu tenusu telah menyebabkan beliau terpilih sebagai Peladang Jaya.
B	Peserta rombongan akan dibawa melawat ke Kuala Lumpur dengan menaiki bas yang disewa khas.	B	Anugerah Peladang Jaya telah diberikan kepada Encik Kamarul kerana beliau mengusahakan penternakan lembu tenusu.
C	Semua peserta rombongan dikehendaki datang awal kerana bas akan bertolak pukul lapan pagi.	C	Kejayaan Encik Kamarul sebagai Peladang Jaya menyebabkan beliau gigih mengusahakan penternakan lembu tenusu.
D	Beberapa orang guru pengiring akan turut serta dalam lawatan itu nanti.	D	Penternakan lembu tenusu yang diusahakan oleh Encik Kamarul telah menjadikan beliau seorang Peladang Jaya.
25	Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah. Masyarakat di kampung masih mengekalkan amalan bergotong-royong.		Soalan 28 – 30 Pilih ayat yang betul.
A	Mengapakah masyarakat di kampung masih mengekalkan amalan bergotong-royong?	28	A Masni tidak berasal dari negeri Kelantan.
B	Adakah masyarakat di kampung masih mengekalkan amalan bergotong-royong?	B	Cikgu Naimah bukan guru Bahasa Melayu kami.
C	Bagaimanakah masyarakat di kampung mengekalkan amalan bergotong-royong?	C	Afira mengambil bahagian di dalam pertandingan bercerita.
D	Apakah amalan yang masih dikekalkan oleh masyarakat di kampung?	D	Pengawas mencatat nama
Soalan 26 – 27 Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.			

Soalan 26 – 27

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Soalan 28 – 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 A Masni tidak berasal dari negeri Kelantan.
B Cikgu Naimah bukan guru Bahasa Melayu kami.
C Afira mengambil bahagian di dalam pertandingan bercerita.
D Pengawas mencatat nama

		beberapa murid yang datang lewat.	
29	I	Pasukan pengakap itu sedang menghala ke utara.	kegiatan seperti mandi di sungai, mengail ikan, mencari buah berangan dan sebagainya. Ada kalanya kami melastik sarang tebuan. "Kerja cangkul angin," kata nenekku. Tapi itulah yang seronoknya. Seronok melihat sarang tebuan terburai dan ribuan tebuan menyerang buah kelapa yang kami pacakkan pada batang kayu di bawah sarangnya. Kami ketawa melihat kebodohan tebuan itu.
	II	Kita hendaklah mematuhi nasihat kedua ibu bapa.	Rupa-rupanya tebuan itu tidak sebodoh yang kami sangkakan. Salah sekor daripadanya menyerangku. Aku berlari lintang-pukang dan ketika itu aku berasa kepalaku disengat tebuan. Aku mengaduh kesakitan. Kepalaku bengkak. Malam itu aku demam. Cerita aku disengat tebuan sampai ke telinga nenekku. Nenek sangat marah. Tapi kami tidak pernah serik. Entah berapa banyak tebuan yang kami musnahkan selepas kejadian itu.
	III	Puan Lily tawar-menawar dengan penjual sayur itu.	Apabila tiba musim durian, ketiga-tiga pokok durian itu berbuah lebat sekali. Kami menunggu buah durian gugur dari atas rumah. Sebaik sahaja bunyi buah durian luruh, kami meluru ke tangga dan berlari ke bawah pokok durian itu. Dalam gelap, kami meraba-raba buah durian yang gugur itu. Pak cikku lagi cekap. Dia terjun melalui lantai bilik tidurnya. Lantai bilik tidurnya dibuat lubang besar dan ditutup dengan rapi. Sebaik sahaja kedengaran bunyi buah durian luruh, dia lalih yang terlebih dahulu sampai kerana bilik tidurnya dekat dengan pokok durian itu.
	IV	Maziah bertanya lagi, sebaliknya dia sudah tahu jawapannya.	Dia tidak meraba-raba seperti kami tapi menyeret kain nipis. Kain nipis itu akan tersangkut pada buah durian. Setelah dipungutnya buah durian itu, dia masuk semula ke biliknya. Sedang kami masih teraba-raba dalam gelap itu, pak cikku ketawa berdekah-dekah. Tahlulah kami apa sebabnya. Kami naik ke rumah dengan perasaan yang hampa. Tapi pak cikku baik orangnya. Dia keluar dari bilik tidurnya lalu menjamu kami dengan buah durian itu.
	A	I dan II	Kini, ketiga-tiga batang pokok durian itu telah tiada. Pak cikku memperbesar rumahnya. Pokok durian itu telah menjadi mangsanya. Sejak itu kami tidak lagi dapat merasai isi buah durian yang enak itu.
	B	I dan III	
	C	I, II dan III	
	D	II, III dan IV	
30	I	Melaka telah gugur ke tangan Portugis pada tahun 1511.	
	II	Nelayan itu mendayung sampan menuju ke muara sungai.	
	III	Peserta ekspedisi itu berjaya mendaki gunung yang tinggi itu.	
	IV	Wajah Rozita kelihatan cerah apabila mendengar berita baik itu.	
	A	I dan IV	
	B	II dan III	
	C	I, II dan III	
	D	II, III dan IV	

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Di belakang rumah nenekku terdapat tiga batang pokok durian. Buahnya kecil tetapi rasa isinya sungguh enak. Pokok durian itu telah puluhan tahun umurnya. Bukan nenekku yang menanamnya tetapi moyangku.

Nenekku tinggal bersama anak perempuannya yang telah pun bersuami. Suaminya bernama Ruslan, tapi aku memanggilnya Pak Cik Lan saja. Pak Cik Lan ada anak yang sebaya denganku. Namanya Kamal. Adik kepada Kamal ialah Adi dan Lia. Kami berkawan baik. Ke mana-mana sahaja kami tidak pernah berenggang.

Biasanya selepas sekolah, kami akan menghabiskan masa dengan pelbagai

kegiatan seperti mandi di sungai, mengail ikan, mencari buah berangan dan sebagainya. Ada kalanya kami melastik sarang tebuan. "Kerja cangkul angin," kata nenekku. Tapi itulah yang seronoknya. Seronok melihat sarang tebuan terburai dan ribuan tebuan menyerang buah kelapa yang kami pacakkan pada batang kayu di bawah sarangnya. Kami ketawa melihat kebodohan tebuan itu.

Rupa-rupanya tebuan itu tidak sebodoh yang kami sangkakan. Salah sekor daripadanya menyerangku. Aku berlari lintang-pukang dan ketika itu aku berasa kepalaku disengat tebuan. Aku mengaduh kesakitan. Kepalaku bengkak. Malam itu aku demam. Cerita aku disengat tebuan sampai ke telinga nenekku. Nenek sangat marah. Tapi kami tidak pernah serik. Entah berapa banyak tebuan yang kami musnahkan selepas kejadian itu.

Apabila tiba musim durian, ketiga-tiga pokok durian itu berbuah lebat sekali. Kami menunggu buah durian gugur dari atas rumah. Sebaik sahaja bunyi buah durian luruh, kami meluru ke tangga dan berlari ke bawah pokok durian itu. Dalam gelap, kami meraba-raba buah durian yang gugur itu. Pak cikku lagi cekap. Dia terjun melalui lantai bilik tidurnya. Lantai bilik tidurnya dibuat lubang besar dan ditutup dengan rapi. Sebaik sahaja kedengaran bunyi buah durian luruh, dia lalih yang terlebih dahulu sampai kerana bilik tidurnya dekat dengan pokok durian itu.

Dia tidak meraba-raba seperti kami tapi menyeret kain nipis. Kain nipis itu akan tersangkut pada buah durian. Setelah dipungutnya buah durian itu, dia masuk semula

ke biliknya. Sedang kami masih teraba-raba dalam gelap itu, pak cikku ketawa berdekah-dekah. Tahlulah kami apa sebabnya. Kami naik ke rumah dengan perasaan yang hampa. Tapi pak cikku baik orangnya. Dia keluar dari bilik tidurnya lalu menjamu kami dengan buah durian itu.

Kini, ketiga-tiga batang pokok durian itu telah tiada. Pak cikku memperbesar rumahnya. Pokok durian itu telah menjadi mangsanya. Sejak itu kami tidak lagi dapat merasai isi buah durian yang enak itu.

- 31 Siapakah yang menanam pokok durian itu?
- A Nenekku
 - B Pak Cik Lan
 - C Ibu dan ayahku
 - D Ibu bapa nenekku

- 32 Hubungan “aku” dengan Kamal ialah?
- A Adik
 - B Sepupu
 - C Bapa saudara
 - D Anak saudara
- 33 Bagaimanakah nasib ketiga-tiga pokok durian itu akhirnya?
- A Telah mati
 - B Telah ditebang
 - C Telah tua benar
 - D Tidak berbuah lagi
- 34 Apakah yang menyebabkan pak cikku ketawa berdekah-dekah?
- A Kami gagal mencari buah durian
 - B Pak cikku berjaya mendahului kami
 - C Kami naik ke rumah dengan kecewa
 - D Melihat kami masih tercari-cari buah durian
- 35 Simpulan bahasa *cangkul angin* dalam petikan ini bermaksud
- A kerja yang tidak teliti
 - B kerja yang tidak berfaedah
 - C kerja yang mendatangkan kebaikan
 - D kerja yang dibuat dengan bersungguh-sungguh

Soalan 36- 40

Baca laporan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Laporan Hari Ucapan dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar,
Sekolah Kebangsaan Seri Murni, Kota Bharu, Kelantan

Sekolah Kebangsaan Seri Murni telah mengadakan Hari Ucapan dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar pada hari Sabtu bersamaan dengan 21 Februari 2009, bermula pukul 2.00 petang. Majlis itu telah dihadiri oleh Yang Dipertua PIBG, Pegawai Pelajaran Daerah, ibu bapa, guru-guru dan murid-murid.

Atur cara pada petang itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengurus majlis. Seterusnya, ucapan oleh Guru Besar iaitu Puan Siti Salmah binti Salam dan diikuti

dengan ucapan perasmian oleh Pegawai Pelajaran Daerah Kota Bharu.

Dalam ucapan perasmian, Pegawai Pelajaran Daerah melahirkan rasa gembira atas pencapaian pihak sekolah yang membanggakan dalam bidang akademik dan kurikulum. Beliau menyeru agar murid-murid meneruskan usaha dan meningkatkan prestasi kecemerlangan yang dapat mengharumkan nama sekolah.

Selepas ucapan perasmian, beberapa persembahan daripada murid-murid telah diadakan seperti dikir barat, nasyid dan koir. Selepas persembahan, tiba-lah saat yang ditunggu-tunggu iaitu acara penyampaian hadiah. Hadiah-hadiah telah disampaikan kepada murid-murid yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum. Anugerah pelajar cemerlang pada tahun ini telah diraih oleh Noraini binti Hassan dari Tahun Enam Bestari. Noraini merupakan pelajar yang aktif dalam bidang kurikulum dan kurikulum di peringkat sekolah, daerah dan negeri. Noraini menerima sebuah trofi, sijil dan wang tunai berjumlah RM200.00. Hadiah-hadiah tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah Kota Bharu.

Sebelum bersurai, semua hadirin dijemput ke kantin sekolah untuk menikmati jamuan ringan.

Disediakan oleh , 23 FEBRUARI 2009.

Zubaidah
(ZUBAIDAH BINTI MAHMOD)

..... ,
Hari Ucapan dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar,
Sekolah Kebangsaan Seri Murni.

- 36 Apakah jawatan Zubaidah binti Mahmud?

- A Setiausaha
- B Pengurus
- C Bendahari
- D Ahli Jawatankuasa

- 37 Semua yang berikut hadir dalam majlis tersebut **kecuali**

- A Guru Besar
- B Yang Dipertua PIBG
- C Pegawai Pelajaran Negeri
- D Pegawai Pelajaran Daerah

- 38 Mengapakah Noraini binti Hassan terpilih menerima anugerah?
- A Cemerlang dalam bidang akademik
B Cemerlang dalam peperiksaan UPSR
C Cemerlang dan aktif dalam bidang kurikulum
D Cemerlang dalam bidang akademik dan kurikulum
- 40 Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
- A Laporan ditulis pada 21 Februari 2009.
B Persembahan murid diadakan selepas ucapan.
C Yang Dipertua PIBG berucap dalam majlis itu.
D Anugerah yang diterima ialah sebuah trofi dan wang tunai.
- 39 Rangkai kata *meningkatkan prestasi* dalam petikan bermaksud
- A menaikkan taraf
B meninggikan kualiti
C menambahkan usaha
D melonjakkan pencapaian

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 16

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Dialah yang menjadi _____ disebalik pemberontakan itu.
A dalang
B pelakon
C penjahat
D pengarah
2. "Apakah yang sedang _____ lakukan?" tanya Salim kepada abangnya apabila dia melihat banyak orang berkumpul.
A dia
B kami
C kamu
D mereka
3. Bermula dari sekarang, marilah kita bekerjasama menangkap penangih dadah yang _____ di jalan-jalan raya pada waktu malam tanpa tujuan.
A berselerak
B berkeliaran
C berpelesiran
D bergelandangan
4. Walaupun nampak remeh, namun _____ berkaitan wanita bersalin tidak boleh diambil ringan.
A pantang tegah
B pantang larang
C pantang mundur
D pantang tok nenek
5. Adik tidur _____ gebar kerana cuaca malam itu sungguh sejuk.
A berbajukan
B bertilmikan
C bersarungkan
D berselimutkan

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Mak andam itu memberi _____ sirih kepada pengantin perempuan untuk menaikkan seri wajahnya.
A seikat
B secolek
C sekapur
D sejambak
 7. Beberapa kuntum bunga yang _____ baunya dipetiknya dari kebun itu.
A semilir
B semalu
C sewangi
D semerbak
 8. Terdapat beberapa _____ sebelum kamu menyertai pertandingan memancing ikan itu.
A prakata
B prasyarat
C prasunting
D prawacana
 9. Mula-mula sekali kisar cili kering, serai, bawang, halia dan belacan. _____ goreng ikan bilis hingga garing.
A Jadi
B Oleh itu
C Kemudian
D Sebaliknya
- Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.
-
10. Basikal tua itu diletakkan oleh abang di _____ sebatang pokok kelapa.
A sisi
B tepi
C bawah
D belakang

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Bendera di hadapan bangunan itu _____ apabila ditiup angin.
A berkibar-kibar
B berkobar-kobar
C melayang-layang
D bergoyang-goyang
12. Cerita-cerita warisan yang dihasil oleh Othman Puteh sungguh menarik dan _____ pelbagai aspek kehidupan
A meliputi
B melitupi
C melingkari
D mencakupi
13. Tapak kakinya sakit kerana _____ akan duri kelapa sawit petang tadi.
A ditusuk
B tertusuk
C bertusuk
D menusuk
- Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.**
-
14. Semua murid di sekolah Rizal dinasihatkan supaya menggunakan _____ ketika hendak melintas jalan.
15. _____ gajah liar telah memusnahkan ladang tebu kepunyaan Syarikat Gula Mahsuri.
A Seekor
B Sekawan
C Seangkatan
D Segerombolan
16. Orang tua berkaca mata itu rajin bersenam sekalipun usianya sudah _____.
A uzur
B lama
C lanjut
D matang
17. Industri tekstil dan pakaian adalah antara industri utama sektor _____.
A membuat
B dibuatkan
C pembuatan
D membuatkan
18. Kilat _____ di langit diiringi hujan lebat petang semalam.
A kelip-mengelip
B pancar-memancar
C sambut-menyambut
D sabung-menyabung
19. Pada zaman purba, manusia hidup _____ untuk mencari makanan
A bolak-balik
B berulang-alik
C hingar-bingar
D pindah-randah
20. Pak Kamal menyiram sayur-sayuran di kebunnya dengan air perigi yang telah digali di sebelah kebunnya.
- Pilih **perkataan seerti** bagi digali
A dikaut
B ditebuk
C dikorek
D dicungkil

21. Ruangan kosong itu telah ditulis dengan angka-angka berwarna hitam.
- Pilih **perkataan berlawan** bagi angka-angka
- A kata-kata
 - B huruf-huruf
 - C warna-warna
 - D lambang-lambang
22. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
- I Tolong pasang kipas dinding itu.
 - II Kakak pasang api di dapur untuk menggoreng ikan haruan.
 - III Fauziah mempunyai dua pasang pakaian sekolah.
 - IV Jangan mandii di sungai kerana air sedang pasang.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D I, III dan IV
- 23.I Cepat bangun, matahari telah meninggi.
II Badan Amin meninggi dengan cepat.
III Apabila kamu berjaya menjawat jawatan tinggi nanti, jangan meninggi diri.
IV Nada suaranya meninggi tanda marah.
- A I dan III
 - B II dan III
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV
24. Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.
Mengapakah Azrul dipilih ke sekolah berasrama penuh?
- A Azrul dipilih ke sekolah berasrama bersama lima orang rakannya.
 - B Kalau Azrul dipilih, tentulah ayah dan ibunya gembira.
 - C Entahlah, setahu saya pihak kementerian yang membuat pilihan.
 - D Azrul memang layak dipilih kerana cemerlang dalam pelajaran dan kokurikulum.
- 25.Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.
- Barang kali saya akan menziarahi Mimi pada petang ini kerana rumah saya tidak jauh dari rumahnya.
- A Bagaimakah awak mahu menziarahi Mimi?
 - B Mengapakah awak mahu menziarahi Mimi?
 - C Adakah awak mahu menziarahi Mimi?
 - D Bilakah awak akan menziarahi Mimi?

Soalan 26-27

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

26. Lina menyulam baju untuk dipakai oleh emaknya ke majlis kenduri saudara mereka di Sarawak.
- A Baju sulam oleh Lina untuk dipakai oleh emaknya ke majlis kenduri saudara mereka di Sarawak.
 - B Baju Lina disulam oleh ibunya untuk dipakai ke majlis kenduri saudara mereka di Sarawak.
 - C Baju Sarawak disulam oleh Lina untuk dipakai ke majlis kenduri saudara mereka.
 - D Baju untuk dipakai oleh emaknya saudara mereka disulam oleh Lina ke majlis kenduri saudara mereka di Sarawak.
27. Samad tidak dapat melupakan peristiwa kawannya yang terlibat dalam kemalangan ngeri yang berlaku di hadapan matanya.
- A Peristiwa kemalangan ngeri tidak dapat dilupakan oleh Samad dan kawannya.
 - B Peristiwa kawannya yang terlibat dalam kemalangan ngeri yang berlaku di hadapan matanya itu tidak dapat dilupakan oleh Samad.
 - C Kawannya tidak dapat melupakan Samad yang terlibat dalam kemalangan ngeri itu.
 - D Samad tidak dapat melupakan kawannya di hadapan mata terlibat dalam kemalangan ngeri itu.

Soalan 28

Pilih ayat yang **betul**.

28. A Kita mestilah belajar bersungguh-sungguh demi untuk keluarga kita.
B Aliman akan melukis gambar itu semula.
C Kita harus berusaha untuk maju ke hadapan.
D Hanya lima orang sahaja yang hadir pada hari ini.

Soalan 29-30

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

29. I Perkara ini ada di dalam fikiran saya.
II Kami pergi di situ untuk memancing ikan.
III Amar masih menerima rawatan di hospital itu.
IV Pasir Puteh terletak di antara Kota Bharu dan Jertih.
A I dan III
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
30. I Ibu memberikan baju itu pada Liza.
II Cikgu Nita melakar gambar pada papan tulis.
III Air sungai itu meningkat kepada paras bahaya.
IV Pak Din berpaut kepada dahan pokok.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Semasa cuti penggal yang lalu, Zulkhairi telah terpilih untuk menyertai Program Anak Angkat di Kampung Tiong, Kota Bharu.

Kumpulan mereka mengandungi sebanyak 12 orang, setengahnya perempuan. Mereka dibahagi-bahagikan kepada tiap-tiap keluarga di kampung tersebut. Ibu bapa angkat Zulkhairi, Pak Mat dan Mak Lijah, mempunyai lima orang anak yang sudah dewasa dan bekerja di Ipoh. Mereka kini membela seorang cucu lelaki yang berusia tiga tahun.

Sepanjang seminggu lima hari berada di sana, pelbagai aktiviti dilakukan. Antaranya ialah bergotong-royong dengan penduduk kampung untuk membersihkan surau, menjala ikan di kolam berhampiran serta membantu kerja-kerja di sawah padi. Barulah Zulkhairi tahu bagaimana susah payah orang kampung membanting tulang untuk menyara hidup mereka.

Pada sebelah malam pula, Zulkhairi dan beberapa orang rakan yang lain mengajar bahasa Inggeris kepada anak-anak penduduk kampung itu. Ini dapat memahirkan lagi penguasaan mereka dalam bahasa tersebut. Ada ketikanya mereka pula mengajar Zulkhairi dan rakan-rakannya menggunakan loghat mereka dalam percakapan harian.

Pada hari terakhir di sana, Zulkhairi dan rakan-rakan diraikan oleh penduduk dalam satu majlis yang meriah. Mereka mendapat cenderamata berupa hasil kerja tangan orang-orang kampung sendiri. Zulkhairi tidak lupa bergambar bersama-sama mereka, terutama bersama-sama kedua-dua orang ibu dan ayah angkatnya.

31. Berapa lamakah Program Anak Angkat itu telah diadakan?
A 11 hari
B 12 hari
C 13 hari
D 14 hari
32. Apakah pekerjaan penduduk kampung untuk menyara hidup mereka?
A Menanam padi
B Membina surau dan balai raya
C Membuat barang kerja tangan.
D Menjala ikan dan menamam padi.
33. Perkataan meriah berlawan erti dengan
A ceria
B hebat
C sugul
D gembira
34. Berapa orangkah pelajar perempuan yang menyertai Program Anak Angkat di Kampung Tiong, Kota Bharu?
A 3 orang
B 6 orang
C 12 orang
D 20 orang

35. Pilih pernyataan yang **salah** berdasarkan petikan
- A Penduduk kampung menghadiahkan barang-barang kerja tangan mereka kepada ahli-ahli program tersebut.
 - B Kumpulan Zulkhairi terdiri daripada enam orang perempuan.
 - C Anak-anak penduduk kampung mengajar bahasa Inggeris kepada ahli-ahli program tersebut.
 - D Zulkhairi dan rakan-rakannya mempelajari loghat Kelantan.

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Terima kasih Tuan Pengurus Majlis, salam sejahtera kepada barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, kepada barisan pembangkang dan seterusnya kepada hadirin yang dihormati.

Berdirinya saya di sini adalah untuk menyokong tajuk perbahasan kita pada pagi yang berbahagia ini, iaitu " Kemalangan Jalan Raya Berpunca Daripada Kelalaian Pengguna Sendiri".

Hadirin yang dihormati,

Hujah saya yang pertama ialah kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap tidak mematuhi peraturan dan tanda-tanda lalu lintas. Seperti yang kita sedia maklum, jalan-jalan raya di negara kita dilengkapi dengan tanda-tanda isyarat dan amaran. Malangnya, akibat daripada sikap yang tidak bertanggungjawab sesetengah pengguna jalan raya, tanda-tanda itu tidak dipatuhi menyebabkan kemalangan sering berlaku.

Hujah saya yang seterusnya ialah kemalangan berpunca daripada sikap pengguna yang tidak merancang perjalanan mereka ke suatu destinasi. Perjalanan yang tidak dirancang akan mengakibatkan mereka terdorong melakukan kesalahan lalu lintas dan ini akan membawa kepada berlakunya kemalangan.

Selanjutnya, izinkan saya mengemukakan hujah saya yang seterusnya. Sesetengah pengguna sering leka untuk memeriksa kenderaan mereka agar sentiasa berada dalam keadaan baik. Contohnya lampu isyarat, lampu brek, keadaan tayar dan sebagainya. Kecualian inilah yang telah menyebabkan kemalangan yang semakin meningkat.

Hadirin yang dihormati,

Oleh sebab kesuntukan masa, cukup di sini dahulu hujah-hujah saya buat

kali ini. Sebelum saya mengundurkan diri, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kemalangan jalan raya berpunca daripada kelalaian pengguna jalan raya sendiri dan bukannya daripada faktor-faktor lain.

Sekian, terima kasih.

36. Mengapakah kita perlu membuat perancangan sebelum memulakan sesuatu perjalanan?
- A Supaya kita tidak sesat
 - B Supaya kita tidak disaman oleh pihak polis
 - C Supaya kita tidak terburu-buru dan selamat sampai ke tempat yang dituju.
 - D Agar kita dapat berjumpa dengan kawan-kawan semasa dalam perjalanan.
37. Petikan perbahasan ini telah dikemukakan oleh
- A pihak pencadang
 - B pihak pembangkang
 - C pihak panel hakim
 - D pihak Pengurus Majlis
38. Perbahasan tersebut mengulas tentang?
- A jalan raya bukan tempat untuk berlumba.
 - B sikap tidak bertanggungjawab pengguna jalan raya.
 - C kita perlu merancang sebelum memulakan perjalanan.
 - D punca-punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya.
39. Perkataan pengguna dalam petikan di atas bermaksud
- A jalan raya
 - B kenderaan
 - C orang yang membawa kenderaan
 - D orang yang menggunakan jalan raya
40. Apakah yang harus dilakukan oleh pengguna jalan raya sebelum memulakan perjalanan?
- A Pengguna haruslah cukup rehat .
 - B Membersihkan kenderaan mereka.
 - C Memastikan kereta mereka bersih dan cantik.
 - D Memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 17

Soalan 1 – 17

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “_____ pulanglah dahulu, pagi esok _____ akan bincangkan masalah ini bersama-sama,” kata ketua kampung kepada anak-anak buahnya.
A kamu...engkau
B Kalian...kita
C Dia...kami
D Kau...saya
- 2 “Mengapakah _____ berduka cita?” tanya Tun Bendahara kepada sultan.
A hamba C tuanku
B tuan hamba D baginda

Soalan 3 berdasarkan Gambar di bawah.



- 3 Hang Tuah menerima _____ pakaian daripada Sultan Mansur Syah.
A sepasang C serawan
B sehelai D sepersalinan
- 4 Pertempuran antara pasukan keselamatan dengan segerombolan penganas berlaku di_____ Malaysia-Thailand
A batasan C pembatasan
B pembatas D perbatasan

Soalan 5 berdasarkan Gambar di bawah.



5. Abang menggunakan sebatang galah buluh untuk _____ tangkai buah kelapa
A mengait
B memetik
C mengutip
D mengambil
6. Pak Ali sedang _____ atap rumahnya yang bocor dengan menggunakan upih.
A melapik
B menampal
C menyulam
D menyisip
7. Kedengaran bunyi enjin lori itu _____ ketika mendaki bukit di tepi rumah Alias.
A meragam
B mengaum
C menderam
D mendengus
8. Jurulatih itu bersungguh-sungguh melatih pasukannya, _____ pasukannya tewas juga dalam perlawanan penting itu.
A jika begitu
B dengan itu
C kiranya juar
D namun demikian

9. "Inilah balasan jika kita tidak mendengar nasihat," Hamdan bangun _____ berkata.

- A dan
- B serta
- C seraya
- D manakala


Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Rizal _____ bola itu lalu menendangnya ke pintu gol pasukan lawan.

- A meleret
- B menepis
- C menguis
- D menggelecek

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. _____ burung gagak mengerumuni sisa makanan yang ditinggalkan oleh penjual itu.

- A Sekawan
- B Sebilangan
- C Seperdu
- D Segerombolan

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.




12. Mak Limah _____ bibirnya apabila Pak Leman mula berleter.

- A menutup
- B menjuih
- C mencebik
- D menggerak

13. Abang _____ beberapa biji mangga muda untuk isterinya yang mengandung.

- A memetik
- B terpetik
- C memetiki
- D memetikkan

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



14. Pintu pagar rumah Datuk Munir bercoraj _____ kayu yang ditempah khas dari Indonesia.

- A ukiran
- B tekatan
- C ciptaan
- D anyaman

15. Anak-anak kapal mula _____ sauh setelah kapal mereka menghampiri pengkalan.
- A meletakkan
 - B melontarkan
 - C melabuhkan
 - D menghulurkan
16. Encik Abu _____ seikat tebu di bahunya.
- A membawa
 - B memikul
 - C mengandar
 - D mengangkat
17. Berhati-hati apabila memanjat pokok itu kerana mungkin ada dahan yang_____.
- A retak
 - B rapuh
 - C belah
 - D rangkup
18. Suasana di dalam kelas ini sungguh bising kerana tiada guru di dalam kelas
- Perumpamaan** yang sesuai untuk pernyataan di atas adalah
- A seperti bertih goreng
 - B seperti murai tercabut ekor
 - C seperti kera mendapat bunga
 - D seperti anjing dengan kucing
19. Cikgu Rohana menasihati kami agar tidak _____ walaupun kami kalah dalam perlawanan itu.
- A putus asa
 - B kata putus
 - C putih tulang
 - D singkat akal
20. Beliau menghadapi banyak cabaran sebelum berjaya dalam bidang perniagaan.
- Pilih **perkataan seerti** bagi cabaran
- A persoalan
 - B halangan
 - C masalah
 - D persediaan
21. Air laut bergelora pada waktu petang.
- Pilih **perkataan berlawan** bagi bergelora
- A diam
 - B aman
 - C tenang
 - D berombak

Soalan 22-23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- 22 I Kami tidak memahami percakapannya kerana dia menggunakan bahasa pasar.
- II Pada waktu petang angin bertiup sepoi-sepoi bahasa.
- III Budi bahasa yang baik akan dikenang oleh semua lapisan masyarakat.
- IV Cikgu Hamid merupakan seorang guru bahasa yang baik.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D I,II, III dan IV
- 23.I Kami berasa bersungguh-sungguh letih setelah dua jam mengayuh basikal.
- II Saya berjanji akan belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya.
- III Pasukan bola sepak sekolah telah bermain bersungguh-sungguh untuk menewaskan pasukan lawan.
- IV Cikgu Lee bersungguh-sungguh tidak menyangka pencapaian UPSR tahun ini amat cemerlang.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan III
 - D II dan IV

24. Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.
Apakah hubungan murid perempuan itu dengan datuk kamu?
- A Murid perempuan itu ialah anak saudara saya.
B Datuk saya yang selalu menjemput dia balik dari sekolah.
C Murid perempuan itu ialah cucu kepada datuk saya.
D Datuk saya dan murid perempuan itu akan ke bandar sebentar tadi.
25. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.
- Penggunaan jentera dalam sektor pertanian penting kerana dapat menambah hasil pengeluaran.
- A Bagaimakah untuk menambah hasil pengeluaran pertanian?
B Mengapakah hasil pengeluaran pertanian meningkat?
C Bilakah jentera digunakan dalam sektor pertanian?
D Apakah kepentingan penggunaan jentera sektor pertanian?
- Soalan 26-27**
- Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
26. Mereka turun ke gelanggang dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menang.
- A Dengan semangat yang memuncak, mereka turun ke gelanggang.
B Dengan semangat untuk menang yang berkobar-kobar mereka turun ke gelanggang.
C Dengan semangat yang tinggi untuk menang, mereka turun ke gelanggang.
D Dengan semangat yang menyala-nyala, mereka turun ke gelanggang untuk menang.
27. Beberapa langkah tertentu telah diambil oleh Jabatan Perhutanan untuk memelihara hutan.
- A Untuk memelihara hutan, maka Jabatan Perhutanan mengambil langkah-langkah tertentu.
B Jabatan Perhutanan telah mengambil langkah tertentu untuk memelihara hutan.
C Beberapa langkah tertentu telah diambil oleh Jabatan Perhutanan untuk memeliharanya.
D Jabatan Perhutanan akan mengambil beberapa langkah tertentu untuk memelihara hutan.

Soalan 28

Pilih ayat yang **betul**.

28. A Saya hendak berjumpa Noni.
B Dia bangga kejayaan adiknya itu.
C Dia menceritakan tentang latar belakangnya.
D Laporan itu ditulis berpandukan catatan hariannya.

Soalan 29-30

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

29. I Kami akan berjumpa di lain masa.
II Inilah kali pertama saya menaiki kapal terbang.
III Pak Mamat makan goreng cempedak.
IV Bapa Faizal memelihara lembu susu.
- A I dan III
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
30. I Di antara acara yang dipertandingkan ialah congkak dan gasing.
II Puan Suzy yang mengajar Bahasa Melayu itu berasal daripada Perlis.
III Buku cenderamata yang diikat dengan reben itu untuk tetamu khas.
IV Pasukan badminton itu menjadi juara kerana para pemainnya bermain bersungguh-sungguh.

- A I dan II
- B II dan IV
- C III dan IV
- D I, II dan III

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Rumah-rumah yang bertiang tinggi merupakan perkara biasa di perkampungan nelayan, terutamanya di Kampung Air. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada kaum Cina dan pendatang daripada Filipina. Rumah-rumah papan itu luas dan moden. Ini menunjukkan penduduknya tergolong dalam golongan pertengahan

Menangkap ikan merupakan pekerjaan utama di perkampungan air tetapi tidak di Kampung Air. Rata-rata penduduk kampungnya bekerja sebagai tukang kayu, tukang elektrik, tukang paip, manakala selebihnya bekerja di pejabat kerajaan atau swasta. Mereka tinggal di Kampung Air ini kerana mereka sukakan suasana di tepi laut. Bagi mereka, memancing ikan sekadar kegemaran sahaja oleh sebab laut di muka pintu rumah mereka.

Suatu masa dahulu kampung-kampung air di Sandakan ini amat kotor. Apabila bandar Sandakan membangun, kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengubah wajah kampung-kampung air itu. Kampung ini dimodenkan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas.

Adakah kewujudan kampung-kampung air kerana masalah kekurangan tanah? Negeri Sabah tidak mempunyai masalah dalam hal ini. Sebab utama mungkin kerana cukai tanah yang tinggi di negeri itu. Oleh sebab itu adalah lebih murah mendirikan rumah-rumah di atas air. Kedua, kehidupan di perkampungan air lebih sihat. Udaranya bersih, tidak mengalami kesesakan lalu-lintas dan bebas daripada pencemaran.

- 31. Di Kota Kinabalu dan Sandakan, penduduk di Kampung Air terdiri daripada
 - A pendatang dari Filipina
 - B golongan pertengahan
 - C penangkap ikan
 - D mereka yang tidak berumah
- 32. Apakah pekerjaan sebahagian besar penduduk Kampung Air?
 - A Nelayan C Makan gaji
 - B Bertukang D Kerja Pejabat
- 33. Mengapakah ramai orang suka menetap di Kampung Air itu?
 - A Sewa rumah di kawasan darat semakin mahal.
 - B Belanja membina rumah di atas air lebih murah.
 - C Mereka sukakan keadaan tepi laut.
 - D Banyak pekerjaan di kampung itu.
- 34. Kampung-kampung air itu wujud akibat?
 - A kekurangan tanah di negeri Sabah.
 - B cukai tanah yang agak tinggi di negeri Sabah.
 - C kehidupan di kampung air lebih selesa.
 - D pencemaran yang berlaku di bandar-bandar
- 35. Semua pernyataan di bawah ini benar tentang kampung air kecuali
 - A rumah-ruma di kampung air bertiang tinggi.
 - B menangkap ikan bukan pekerjaan utama penduduk kampung air.
 - C kampung air wujud akibat kekurangan tanah di Sabah
 - D kampung air itu mempunyai kemudahan elektrik dan air

Soalan 36 – 40

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kebanjiran

Hujan lebat menimpa atap
lalu aku segera terbangun
di luar angin menderu
kulihat ayah sibuk menyisip atap
yang bocor dan lantai pondok kebasahan
ketika itu ayam jantan dan ayam betina
yang tidur di hujung dahan rambutan
riuh-rendah dan terbang membelah malam

Sebentar pondok kami bergegar
air deras dengan cepat mencecah gelegar
cepat-cepat kami berkemas
malam itu seluruh kampung cemas

Ketika matahari pagi muncul
di sebalik bukit
dan hujan terus merenik
kami menggil diatas rabung rumah
memandang air laut
kayu-kayan, sampah-sarap dan bangkai
berhanyutan
kampung kami kebanjiran

Sawah dengan padi menguning dilitupi air
enam ekor lembu hanyut dibawa arus
wajah ayah mendung
seperti dada langit **musim tengkujuh**
yang datangnya tanpa diundang.

36. Penulis cepat-cepat bangkit apabila
- A bunyi bising akibat hujan menimpa
atap
 - B mendengar deruan angin di luar
rumah
 - C lantai pondok habis basah
 - D ayam jantan yang bising di luar
rumah

37. Mengapa ayah penulis sibuk malam itu?
- A Kerana hendak menyelamatkan
haiwan ternakan.
 - B Kerana sekarang musim hujan
 - C Kerana lantai rumah habis basah
 - D Kerana atap yang bocor akibat
Hujan
38. Apakah yang mencemaskan penduduk kampung?
- A Paras air yang semakin naik
 - B Rumah mereka akan dihanyutkan
air.
 - C Pondok buruk mereka senget
 - D Binatang belaan mungkin hanyut
berlakunya kemalangan jalan raya.
39. Hujan yang berterusan hingga ke pagi itu telah menyebabkan
- A bukit yang berhampiran telah
tenggelam
 - B rumah mereka bergegar dan hanyut
 - C penulis dan keluarganya memanjat
bumbung rumah
 - D mereka berpindah dengan segera
40. **Musim tengkujuh** dalam puisi bermaksud
- A musim banjir
 - B musim hujan lebat
 - C musim angin kencang
 - D musim langit mendung

KERTAS SOALAN TAMAT

SOALAN PECUTAN AKADEMIK UPSR SET 18

Soalan 1 – 17

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Amalina membeli _____ jagung bakar di gerai itu dengan harga RM1.50.

- A sebiji
- B seketul
- C sebutir
- D setongkol

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Encik Ahmad _____ gambar ahli keluarganya kepada sahabat lamanya.

- A meletakkan
- B menunjukkan
- C memfokuskan
- D memerhatikan

- 3 Mak Cik Munah membuang bantal buruk yang berbau _____ itu ke dalam tong sampah.

- A hapak
- B hamis
- C hanyir
- D hangit

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Encik Syamsul sedang _____ tapak kasut pelanggannya untuk dibaiki.

- A mengetuk
- B memukul
- C menghentak
- D menghentam

- 5 “Bantuan yang diberikan hendaklah disertai dengan _____ hati,” kata Encik Masrol kepada anak buahnya.

- A ketaatan
- B kebaikan
- C keikhlasan
- D kesenangan

- 6 Datuk Ahmad disanjung kerana _____ banyak berjasa kepada masyarakat di kampung ini.

- A dia
- B anda
- C kalian
- D beliau

- 7 “_____ perlu mendirikan khemah ini dengan segera kerana hari hendak hujan,” kata Sanusi kepada rakan-rakannya.

- A Kita
- B Kami
- C Awak
- D Mereka


- 8 Pemain-pemain hoki yang terpilih mewakili pertandingan peringkat daerah terdiri _____ mereka yang benar-benar berkebolehan.
- A dari
B oleh
C antara
D daripada
- 9 Sebelum majlis persandingan bermula, kedua-dua mempelai itu diandam oleh seorang_____ yang terkenal.
- A juruhias
B jurusolek
C juruteknik
D jurugambar

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Semasa menunggu bas, Puan Kartini menggunakan_____ payung untuk berlindung daripada panas terik.
- A sekaki
B selaras
C sebuah
D sebatang

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



- 11 Penjaga gol cuba _____ bola yang ditendang oleh pihak lawan daripada masuk ke dalam gol.

- A menepis
B menyepak
C menanduk
D menjulang

- 12 Hassan _____ ruang tamu rumah bapa mertuanya sejak seminggu lalu.
- A membesar
B diperbesar
C dibesarkan
D memperbesar


- 13 Awani berasal daripada keluarga yang kaya. _____, dia tidak pernah bersikap sombang terhadap kawan-kawannya.

- A Oleh sebab itu
B Di samping itu
C Tambahan pula
D Namun demikian

- 14 _____ Mariani sering dipuji kerana kecantikan wajahnya, _____ dia tidak pernah meninggi diri.

- A Sekalipun ... jadi
B Walaupun ... namun
C Sungguhpun ... walaupun
D Biarpun ... tambahan pula

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



- 15 Cikgu Daud _____ cara-cara membuat layang-layang kepada murid-muridnya.
- A mengajukan
B menyarankan
C menerangkan
D menyaksikan
- 16 Pak Ali hanya memerhati _____ orang lain sibuk bekerja.
- A kecuali
B padahal
C malahan
D melainkan
- 17 "Penjenayah sudah melarikan diri, _____ mereka tahu rancangan kita," kata Inspektor Azlan kepada rakan-rakannya.
- A takut-takut
B kalau-kalau
C harap-harap
D jangan-jangan
- 18 Hanom merupakan satu-satunya anak bagi keluarga Encik Baharom dan Puan Asmawati.
Simpulan bahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
- A anak tut
B anak emas
C anak angkat
D anak tunggal
- 19 Pasukan Bendahara menjadi juara dalam acara sukan tahunan di sekolah Ahmad pada tahun ini.
- Perkataan seerti** bagi juara ialah
- A hero
B hebat
C tokoh
D johan
- 20 Pak Cik Zainal terpaksa menggadaikan tanahnya kerana hendak membayai perbelanjaan anaknya belajar di universiti.
- Perkataan berlawan** bagi menggadaikan ialah
- A menjual
B membeli
C menebus
D melelong
- 21 Kita hendaklah mematuhi peraturan di tempat yang kita diami.
Peribahasa yang sesuai dengan maksud di atas ialah
- A berdiri sama tinggi, duduk sama rendah
B berani kerana benar, takut kerana salah
C sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
D di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- Soalan 22 – 23**
Pilih ayat – ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
- 22 I Gugur hati saya apabila melihat penderitaan anak-anak yatim itu.
II Buah durian yang gugur itu telah dikumpulkan untuk dijual.
III Anggota tentera itu telah gugur sebagai bunga bangsa.
IV Kesatlah air matamu yang gugur itu.
- A II dan III sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, II dan IV sahaja

- 23 I Doktor Faiz ialah pakar membelah di hospital itu.
 II Letupan yang kuat itu membelah kesunyian malam.
 III Saya berasa gerun apabila melihat halilintar membelah bumi.
 IV Pak Seman sedang membelah Kayu api dengan menggunakan kapak.
- A I dan IV sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 24 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat-ayat di bawah.
- Apakah tujuan program bacaan di sekolah itu?
- A Program bacaan di sekolah itu telah dilaksanakan.
 B Semua murid di sekolah itu tahu tujuan program bacaan itu.
 C Sekolah mendapat banyak manfaat daripada program bacaan itu.
 D Program bacaan itu bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berbahasa.
- 25 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.
- Ibu bapa saya menyokong penglibatan saya dalam bidang sukan.
- A Siapakah yang menyokong ibu bapa awak?
 B Siapakah yang menyokong penglibatan awak dalam bidang sukan?
 C Mengapakah ibu bapa awak menyokong penglibatan dalam bidang sukan?
 D Mengapakah ibu bapa awak menyokong penglibatan awak dalam bidang sukan?
- Soalan 26 – 27**
 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
- 26 “Murid-murid yang ingin menyertai kem motivasi dikehendaki menghantar borang penyertaan dengan segera kepada guru kelas,” kata Cikgu Suzana.
- A Cikgu Suzana menyuruh murid-murid yang ingin menyertai kem motivasi menghantar borang penyertaan dengan segera kepadanya.
 B Cikgu Suzana berharap supaya murid-murid segera menyerahkan borang kem motivasi kepada guru kelas.
 C Cikgu Suzana mahu guru kelas memungut borang penyertaan kem motivasi daripada murid-murid dengan segera.
 D Cikgu Suzana mengingatkan murid-murid yang ingin menyertai kem motivasi menghantar borang penyertaan dengan segera kepada guru kelas.
- 27 Encik Tan menyuruh pekerja mengelap meja makan itu sehingga bersih.
- A “Lapkan meja makan itu sehingga bersih,” kata Encik Tan kepada pekerja.
 B “Lapkan meja makan itu dengan bersih,” kata pekerja kepada Encik Tan.
 C “Meja makan itu perlu dibersihkan,” kata Encik Tan kepada pekerja.
 D “Pekerja itu hendaklah mengelap meja makan sehingga bersih,” kata Encik Tan.

Soalan 28 - 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 ke A Sisa makanan itu diberikan kucing.
 B Sila kembalikan borang itu kepada kerani di pejabat.
 C Perkara itu telah dibincangkan di dalam mesyuarat yang lalu.
 D Perjanjian di antara kedua-dua buah negara itu sudah ditandatangani.
- 29 I Kedua-dua orang pelajar itu adik-beradik.
 II Penduduk negara kita terdiri dari pelbagai kaum.
 III Setiap pelajar mesti menyertai aktiviti kurikulum di sekolah.
 IV Penduduk di kawasan pendalaman belum mendapat bekalan elektrik.
 A I dan III sahaja
 B II dan III sahaja
 C I, II dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 30 I Pohon kelapa itu tinggi sungguh.
 II Masakan ibu saya paling sedap sekali.
 III Pak Samad penduduk yang paling tua di kampung itu.
 IV Pemandangan di Pulau Perhentian terlalu indah.
 A I dan III sahaja
 B II dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D I, III dan IV sahaja

Soalan 31 - 35

Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nyamannya bayu di desaku
 mengalun lembut desiran angin
 aku bahagia di sini
 di desaku yang tercinta
 jauh daripada pencemaran udara.

Tenangnya sungai yang mengalir
 airnya jernih sangat bersih
 banyak berjasa kepada kami
 tempat ayahku mencari rezeki
 tempat kami mandi-manda
 itulah sungaiku yang belum tercemar.

Sawahmu luas terbentang
 mengasyikkan mata memandang
 tatkala terbit mentari pagi
 wajahmu mengukir senyuman indah
 kasihku padamu kian bertambah.

Damainya desaku yang tercinta
 nyanyian unggas menceriakan suasana
 tiada kedengaran deruman kereta
bebas daripada bingit jentera
 hatiku tenang sentiasa.

Desaku yang tercinta
 kaya dengan flora dan fauna
 bebas daripada pembangunan
 yang merosakkan alam
 itulah impianku
 desaku kekal ceria
 indahnya suasana desaku.

31 Apakah yang digambarkan oleh penulis dalam puisi di atas?

- A Kemusnahan flora dan fauna
 B Keindahan desanya yang tercinta
 C Pembangunan desanya yang pesat
 D Kepentingan sungai kepada manusia

- 32 Bagaimanakah suasana di desa penulis?
- A Bising dan sibuk
B Damai dan indah
C Membangun dengan pesat
D Berlaku pencemaran udara
- 33 Ayah penulis mungkin sekali seorang ...
- A pesawah padi
B buruh binaan
C pekebun sayur
D penangkap ikan
- 34 Frasa *bebas daripada bingit jentera* membawa maksud ...
- A tiada pencemaran alam sekitar
B tidak kedengaran suara unggas
C suasana desa yang sangat bising
D tidak berlaku pencemaran bunyi
- 35 Pernyataan yang berikut benar **kecuali** ...
- A Bunyi unggas menceriakan suasana desa
B Air sungainya jernih kerana tiada pencemaran
C Penulis leka meramandang terbitnya mentari pagi
D Flora dan fauna terpelihara kerana tiada pembangunan

Baca petikan di bawah dengan teliti.

Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Robiah binti Salleh,
42, Kampung Temalir,
18000 Kuala Krai.

Pegawai Kebajikan Masyarakat,
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
Kuala Krai,
Tingkat Bawah,
Bangunan Kerajaan Persekutuan,
18000 KUALA KRAI. 12 APRIL 2011.

Tuan,
Memohon Bantuan Kewangan

Merujuk perkara di atas, saya ingin memohon bantuan bulanan daripada pihak tuan.

Saya merupakan ibu tunggal kepada lima orang anak perempuan dan dua orang anak lelaki.

2. Untuk makluman pihak tuan, suami saya telah meninggal dunia akibat penyakit asma setahun yang lalu. Bagi menyara keluarga, saya telah bekerja mengambil upah menoreh getah. Jika tidak dapat menoreh, saya mencuci pinggan-mangkuk di sebuah kedai makan. Pendapatan saya setiap bulan hanya RM450.00. Dengan pendapatan sebanyak itu, saya menyara keluarga dan membayar sewa rumah.

3. Untuk makluman pihak tuan juga, pada tahun ini dua orang anak saya di sekolah menengah akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM. Manakala seorang lagi di sekolah rendah akan menghadapi UPSR. Dengan ini saya amat memerlukan wang untuk membeli buku-buku rujukan dan membiayai persekolahan mereka.

4. Dengan ini, saya memohon jasa baik pihak tuan agar dapat memberikan bantuan kepada kami sekeluarga. Saya berharap agar permohonan saya ini akan diluluskan oleh pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Robiah
(ROBIAH BINTI SALLEH)

- 36 Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A Memaklumkan jumlah pendapatan yang diterima setiap bulan
B Menyatakan bilangan anak yang akan menghadapi peperiksaan
C Memohon bantuan kewangan untuk membeli buku-buku rujukan
D Memohon bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat

- | | |
|--|--|
| <p>37 Berapa orangkah anak Puan Robiah yang akan menghadapi peperiksaan pada tahun ini?</p> <p>A 2 orang
B 3 orang
C 4 orang
D 5 orang</p> | <p>39 Mengapakah Puan Robiah memerlukan bantuan kewangan?</p> <p>A Pendapatannya tidak mencukupi
B Menyara keluarganya di kampung
C Membaiki rumah sewanya yang rosak
D Membayai perubatan suaminya yang sakit</p> |
| <p>38 Bagaimanakah Puan Robiah menyara keluarganya selama ini?</p> <p>A Berniaga dan mengambil upah mencuci pinggan-mangkuk
B Mengambil upah menoreh getah dan bekerja di kedai makan
C Mengharapkan simpati daripada orang ramai dan bantuan kerajaan
D Menerima bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> | <p>40. Pilih pernyataan yang benar tentang Puan Robiah.</p> <p>A Tidak dapat membayar sewa rumah
B Seorang ibu tunggal kepada lima orang anak
C Suaminya telah meninggal dunia setahun lalu
D Mengharapkan belas kasihan dan bantuan orang lain</p> |

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHASA MELAYU PENULISAN

SET 1

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



Panduan membina ayat:

Watak	Idea/Aktiviti	Huraian
Puan Aminah	membeli barang	di pasar minggu
Dua orang perempuan	mengisar	memasak gulai
Ibu	memasak	di dapur - pagi
Salmi dan Lina	menghidang makanan	membantu ibu
Ayah dan ibu	menjamu selera	makan tengah hari-bersama keluarga

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

BAHAGIAN B

[30 markah]
[Masa dicadangkan : 40 minit]

Perpaduan tajuk-tajuk di bawah, tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada **80 patah perkataan**.

Soalan 1:

Pada cuti persekolahan yang lalu, kamu telah melawat ke suatu tempat yang menarik bersama keluarga.
Ceritakan pengalaman kamu tentang lawatan tersebut.

Rangka karangan:

1. Pendahuluan

– cuti sekolah-melawat ke tempat menarik

2. Isi-isi:

- cara ke sana – kereta/bas/keretapi ,dll
- tempat menginap –hotel , calet
- tempat yang dilawati
- mengambil gambar
- menikmati makanan- ikan bakar, laksa

3. Penutup

– gembira, dapat pengalaman

* mana-mana isi yang berkaitan boleh diterima.

Soalan 2:

Kamu telah berjaya mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR.
Kamu diminta menyampaikan ucapan dalam satu majlis untuk meraikan kejayaan kamu itu.

Sediakan ucapan kamu selengkapnya.

Rangka karangan:

- (Format ucapan)

1. Pendahuluan

- ucapan alu-aluan

2. Isi-isi:

- terima kasih diberi peluang berucap
- terima kasih kerana mengadakan majlis keraian
- penghargaan kepada guru - mendidik, membimbing
- faktor kejayaan – dorongan rakan, ibu bapa, guru
- berjanji akan terus belajar bersungguh-sungguh.

3. Penutup

- harapan kepada rakan-rakan
 - Sekian, terima kasih.

* mana-mana isi yang berkaitan boleh diterima.

BAHAGIAN C

[20 markah]
[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Pada setiap hari Rabu, sekolah Aiman mengadakan perjumpaan untuk aktiviti persatuan. Aktiviti itu bermula pada pukul 4.00 petang. Cikgu Zainuddin selalu berpesan kepada murid-muridnya supaya datang awal.

Petang itu, Aiman segera bersiap-siap dan mengayuh basikal kesayangannya menuju ke sekolah. Dia tidak mahu terlewat tiba di sekolah. Dalam perjalanan ke sekolah, dia sentiasa berhati-hati dan mematuhi peraturan jalan raya supaya tidak mengalami sebarang kecelakaan.

Apabila sampai di sekolah, Aiman menuntun basikalnya untuk diletakkan di tempat yang disediakan. Semasa berjumpa dengan guru, Aiman bersalam dengan gurunya dan melakukan apa-apa yang diarahkan.

Apabila gurunya memberi penerangan tentang cara-cara membuat buku skrap, Aiman akan mendengarnya dengan teliti. Dia tidak mahu melakukan kesilapan semasa menjalankan aktiviti tersebut. Aiman gembira kerana dapat menyertai setiap aktiviti yang diadakan di sekolahnya.

Panduan menjawab soalan:

Penanda Wacana	Kata Bantu	Nilai/pengajaran	Kata sendi	Huraian
-	hendak	bertanggungjawab	dengan	datang awal
Selain itu,	mesti	memberi tumpuan/perhatian	dengan	mendengar dengan teliti
Seterusnya,	harus	menghargai masa	supaya	tidak lewat tiba di sekolah
Oleh itu,	patut	berdisiplin	dengan	mematuhi peraturan jalan raya
Akhir sekali,	perlu	menghormati guru	dengan	bersalam


SET 2

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.



Panduan membina ayat:

Watak	Idea/Aktiviti	Huraian
Pak Cik Harun	membawa pinggan	untuk dibasuh
Beberapa orang murid	makan sambil berbual-bual	di kantin sekolah
Siew Lan	membawa aiskrim	untuk di makan
Mak Cik Halimah	mengelap meja	bersih
Beberapa orang murid perempuan	berbaris	membeli makanan

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

BAHAGIAN B
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 40 minit]

Perpandukan tajuk-tajuk di bawah, tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

Soalan 1 :

Sekolah anda telah menganjurkan Kem Motivasi untuk murid-murid tahun enam. Anda dikehendaki menulis berita tentang program itu untuk dimuatkan dalam majalah sekolah. Tulis berita itu selengkapnya

Rangka Karangan:

1. Pendahuluan:

Hari - Kem Motivasi 2007 - murid tahun enam - nama tempat

2. Isi-isi Penting

- (a) tiga hari dua malam - tujuan - meningkatkan sahsiah dan keyakinan murid di tahun enam
- (b) tumpuan - murid-murid tahun enam - persediaan mental dan fizikal sebelum UPSR
- (c) aktiviti - kursus dan bengkel - teknik menjawab soalan - teknik pembelajaran berkesan – penceramah luar
- (d) aktiviti luar darjah - lasak - memupuk semangat perpaduan dan kerjasama

3. Penutup

murid yang cemerlang - seimbang - rohani dan jasmani – harapan – berkesan untuk berjaya

Soalan 2:

Catatkan peristiwa-peristiwa menarik dalam sambutan "Hari Sukan" yang pernah diadakan di sekolah kamu.

Rangka Karangan:

(Format karangan catatan)-Hari, tarikh:

1. Pendahuluan

8.00 pagi

- Hari sukan dimulakan dengan acara perbarisan – pancaragam sekolah - pasukan berpakaian seragam – murid-murid rumah pasukan

2. Isi-Isi Penting

8.30 pagi

- a) Pertunjukkan pembukaan – persembahan silat oleh ahli Persatuan Silat Gayong – persembahan pakaian beragam oleh murid-murid tahun satu – mencuit hati hadirin

9.00 pagi

- b) ucapan Guru Besar – ucapan Pegawai Pendidikan Daerah – menyeru pelajar bergiat aktif dalam sukan – perasmian hari sukan oleh Pegawai Pendidikan Daerah – menyalakan obor

9.30 pagi

- c) Acara olahraga (balapan) dimulakan – peserta bersungguh-sungguh untuk memenangi acara – murid-murid serta ibu bapa bersorak – sokongan kepada peserta

11.30 pagi

- d) Upacara penyampaian hadiah kepada para pemenang – peserta gembira menerima hadiah – Rumah Hijau diumumkan sebagai juara – ahli pasukan bersorak gembira – menerima piala pusingan

3. Penutup

12.00 tengah hari

- Sukan sekolah selesai – sungguh meriah – murid-murid diarahkan ke kantin – diberi jamuan ringan – bersurai

BAHAGIAN C

[20 markah]
[Masa dicadangkan : 20 minit]

Tulis **lima** nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada puisi di bawah.
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Berjalan jalan ke Kuala Kubu, Penat berjalan duduk bersempang; Ringan tulang pada yang perlu, Pasti hidup akan dikenang.	Pagi-pagi menyapu sampah, Sambil berehat makan kuini; Cakap ibu jangan dibantah, Perintah bapa mesti turuti.
Pergi membeli ikan tenggiri, Beli juga ikan gelama; Jangan suka meninggi diri, Kelak nanti diri binasa.	Mari mananam pokok pegaga, Tanam sama sebaris cili; Orang berbudi kita berbahasa, Jasa dikenang hingga ke mati
Gelang emas gelang suasa, Cincin berlian indah sekali; Jangan suka membuang masa, Nanti rugi diri sendiri.	

Panduan menjawab soalan:

Penanda Wacana	Kata Bantu	Nilai/pengajaran	Kata sendi	Huraian
-	hendak	rajin	supaya	diingati orang
Selain itu,	mesti	baik hati	dengan	tidak menunjuk-nunjuk
Seterusnya,	harus	menghargai masa	supaya	tidak rugi
Oleh itu,	patut	taat	dengan	perintah ibu dan bapa
Akhir sekali,	perlu	menghargai jasa	agar	dikenang sentiasa

SET 3

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti gotong-royong membersihkan dewan orang ramai. Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti dalam gambar tersebut.



Panduan membina ayat:

Watak	Idea/Aktiviti	Huraian
Pak Cik Ahmad	bersih sawang	di luar dewan
Seorang lelaki	mencuci longkang	penyapu
Seorang lelaki	memasukkan sampah	ke dalam karung plastik
Seorang perempuan	sediakan kuih-muih	jamuan gotong-royong
Seorang pemuda	menolak sampah	guna kereta sorong

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

BAHAGIAN B
(Masa yang dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Soalan 1:

Tulis sebuah karangan tentang suatu peristiwa yang telah kamu alami dan tidak dapat kamu lupakan. Tuliskan cerita kamu itu selengkapnya.

Rangka Karangan:

1. Pendahuluan:

-insiden pada bulan Ramadhan-malam,ditimpa kemalangan-mengundang tragedy

2. Isi karangan:

- bertemu dengan rakan-rakan-menuju tempat yang dijanjikan-menjalankan operasi
- operasi gega,.main meriam buluh-persiapan operasi-sedia meletupkan meriam
- gegaran letupan pertama-gegaran balas kumpulan lain-cabarannya bertambah panas
- perlu ubah strategi-meletupkan tiga meriam serentak-pandangan kabur,tumbang

3. Penutup

-tersedar daripada pengsan-telah berada di hospital-terpaksa beraya di hospital

Soalan 2:

Anda menyertai pertandingan perbahasan. Tajuk perbahasan itu ialah “Makanan di Rumah Lebih Baik daripada Makanan di Kedai”. Sebagai pencadang, tulis hujah-hujah anda selengkapnya.

Rangka karangan:

1. Pendahuluan

kata alu-aluan kepada Pengerusi Majlis, para hakim, guru-guru, barisan pembangkang, dan rakan-rakan

2. Isi-isi Penting

- (a) menyatakan tajuk perbahasan - menyokong tajuk; tersebut
- (b) makan di rumah - kebersihan makanan terjamin - dicuci dengan sempurna
- (c) menjimatkan belanja - lebih menguntungkan - wang dapat digunakan, untuk
- (d) keperluan lain
- (e) kesihatan terjamin - dapat mengatur pemakanan harian - mencegah keracunan makanan

3. Penutup

- menyatakan pendirian sekali lagi - ucapan terima kasih

BAHAGIAN C
(Masa yang dicadangkan : 20 minit)
(20 markah)

Tulis **lima** pengajaran yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya karangan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Noni merupakan anak sulung dalam keluarganya. Dia seorang kakak yang baik hati dan penyayang. Dia sering membimbang dan mengasuh adik-adiknya. Noni juga sangat rajin membantu ibu dan ayahnya di rumah. Apabila ibunya memasak, Noni akan menjaga adiknya yang masih kecil. Adik-adiknya sangat manja dengan Noni. Dia juga ringan tulang membantu adik-adiknya menyiapkan kerja sekolah.

Di sekolah, Noni sangat disenangi oleh rakan-rakannya kerana sikapnya yang baik hati dan peramah. Bukan sahaja pintar tetapi Noni juga seorang yang berdisiplin. Setiap hari dia membersihkan kelasnya bersama-sama rakannya. Kelas Enam Bestari sentiasa ceria dan bersih. Noni juga amat gemar belajar secara berkumpulan. Mereka berbincang dan menyelesaikan masalah pembelajaran bersama-sama. Noni dan kawan-kawannya mempunyai azam yang tinggi untuk memperoleh kejayaan cemerlang dalam pelajaran. Merekalah yang bakal mengharumkan nama sekolah.

Panduan menjawab soalan:

Penanda Wacana	Kata Bantu	Nilai/pengajaran	Kata sendi	Huraian
-	hendak	baik hati	kepada	semua anggota keluarga
Selain itu,	mesti	rajin membantu	dengan	mengemas rumah
Seterusnya,	harus	penyayang	supaya	adik-adik-hubungan erat
Oleh itu,	patut	berdisiplin	dengan	menjaga kebersihan kelas
Akhir sekali,	perlu	berhemah tinggi dan berusaha	supaya	mencapai kejayaan

SET 4


BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan persiapan bagi temasya sukan olahraga di sebuah sekolah.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti dalam gambar di bawah ini.



Panduan menulis ayat:

Watak	Idea/Aktiviti	Huraian
Ali dan Ahmad	mengecat dinding	bangunan sekolah
Dua orang lelaki	menyusun kerusi/meja	dalam kelas
Raju dan Ah Meng	membersih longkang	kantin sekolah
Dua orang murid lelaki	mengumpul sampah	trolí besar
Seorang murid lelaki	menyemai anak bunga	dalam pasu

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

BAHAGIAN B

(Masa yang dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Soalan 1:

“Makan buah-buahan tempatan lebih baik daripada buah-buahan import “. Sediakan hujah-hujah kamu untuk suatu pertandingan perbahasan.

Rangka Karangan

1. Pendahuluan

Kata alu-aluan kepada hadirin-menyatakan tajuk perbahasan-menyokong tajuk perbahasan

2. Isi-isi penting

- a. Buah-buahan tempatan lebih segar- buah-buahan tempatan dapat dipetik,dijolok atau gugur sendiri serta dapat dimakan ketika itu juga- contohnya rambutan,duku,manggis,durian dan sebagainya.
- b. Banyak mengandungi khasiat- baik untuk kesihatan- buah-buahan import mengambil masa yang lama untuk sampai ke negara kita- khasiat berkurangan.
- c. Buah-buahan tempatan lebih murah harganya kerana ditanam di dalam negara sendiri-berbanding buah-buahan import yang lebih mahal harganya untuk menampung kos mengimpor termasuk cukai.
- d. Buah-buahan tempatan mudah didapati terutama apabila tiba musim buah- banyak dijual di gerai di tepi jalan- harga murah dan berkhasiat.
- e. Membantu menambahkan pendapatan peniaga buah- memberikan keuntungan dalam bidang ekonomi.

3. Penutup

Menegaskan pendirian sekali lagi- mengucapkan terima kasih

Soalan 2:

Andaikan bahawa sepupu anda dianugerahi Murid Terbaik 2004 atas kejayaannya dalam peperiksaan UPSR. Tulis surat kepada sepupu anda untuk mengucapkan tahniah kepadanya dan bertanyakan petua-petua untuk berjaya

Rangka Karangan:

1. Pendahuluan

bertanyakan khabarnya - menyatakan khabar diri

2. Isi-isi Penting

- (a) mendapat berita tentang kejayaannya - turut berasa gembira
- (b) mengharumkan nama sekolah - menjadi kebanggaan keluarga
- (c) ingin mengetahui rahsia kejayaannya - teknik belajar yang berkesan - persediaan yang telah dilakukan
- (d) perancangannya pada masa depan

3. Penutup

berharap agar kejayaannya menjadi contoh kepada adik-beradik yang lain

BAHAGIAN C
(Masa yang dicadangkan : 20 minit)
(20 Markah)

Tulis **lima** amalan baik yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak kurang daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Siti Haida selalu bangun awal setiap pagi. Dia juga akan memastikan tempat tidurnya senantiasa kemas. Selepas bersarapan pagi,dia tidak lupa bersalam dengan kedua ibu bapanya sebelum pergi ke sekolah. Semasa bersalam,dia mohon restu agar ibu bapanya mendoakan kejayaannya dalam pelajaran. Ibu bapanya juga menaruh harapan yang tinggi terhadap Siti Haida. Mereka mahu Siti Haida berjaya dan menjadi anak yang baik,tinggi budi pekertinya serta berpelajaran.

Setiap hari Siti Haida ke sekolah dengan menaiki bas bersama rakan-rakannya. Dia sentiasa menjaga keselamatan ketika berada di dalam bas. Di sekolahnya pula,Siti Haida merupakan ketua kelas. Dia prihatin dan sentiasa memastikan kelasnya dalam keadaan bersih dan ceria sebelum pengajaran dan pembelajaran bermula. Siti Haida akan menumpukan perhatian ketika guru mengajar. Dia sering memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan.

Panduan menjawab soalan:

Penanda Wacana	Kata Bantu	Nilai/pengajaran	Kata sendi	Huraian
-	hendak	prihatin	dengan	bangun awal
Selain itu,	mesti	menjaga kebersihan	dengan	mengemas bilik tidur
Seterusnya,	harus	beradab sopan	dengan	bersalam sebelum ke sekolah
Oleh itu,	patut	menjaga keselamatan	dengan	semasa dalam bas
Akhir sekali,	perlu	beri tumpuan	dengan	semasa guru mengajar

SET 5

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Bina **lima** ayat berdasarkan aktiviti yang terdapat dalam gambar



Panduan menulis ayat:

Watak	Aktiviti	Huraian
Seorang perempuan	berjalan	sambil membimbang sebuah beg plastik pada tangan kirinya
Aminah	ternampak	sebuah beg kecil terjatuh daripada beg besar yang tersangkut pada bahu perempuan itu.
Budak perempuan itu	memungut	beg itu sambil melihat melihat perempuan itu berlalu dari situ.
Aminah	menyerahkan	beg kepada perempuan itu dengan segera.
Perempuan itu	mengucapkan terima kasih	kepada Aminah kerana dia telah menyerahkan begnya yang tercincir itu.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

BAHAGIAN B

(Masa yang dicadangkan : 40 minit)
(30 markah)

Soalan 1: **Kawan baik saya**

Rangka karangan:

- Siapakah nama kawan baik kamu
- Di manakah dia tinggal
- Siapakah nama ibu dan ayahnya
- Dia ada berapa orang adik beradik
- Apakah mata pelajaran yang digemarinya
- Apakah makanan kegemarannya
- Apakah hobinya pada masa lapang
- Mengapakah kamu berkawan baik dengannya

Soalan 2:

Semasa cuti sekolah yang lalu, kamu telah melakukan beberapa aktiviti berafaedah. Ceritakan aktiviti- aktiviti yang telah kamu lakukan itu.

Rangka Karangan:

1. Pendahuluan

- cuti sekolah yang menyeronokan- guna masa cuti yang lalu sebaik mungkin untuk melakukan pelbagai aktiviti.

2. Isi karangan

- hari pertama cuti bersantai di pantai- dengan keluarga- mandi- manda sepas hati.
- hari Selasa pulang ke Kelantan- beli- belah di Pengkalan Kubor- barang murah sekali.
- hari minggu berikutnya ke majlis perkahwinan ibu saudara- membantu membantu mambasuh pinggan- sungguh meriah
- tiga hari sebelum persekolahan dibuka menyiapkan kerja rumah- petang membantu keluarga- bermain.

3. Penutup

- berasa puas- mendapat pelbagai pengalaman- rapatkan hubungan kekeluargaan- cuti penggal hadapan pasti dengan rancangan yang pula.

BAHAGIAN C

(Masa yang dicadangkan : 20 minit)
(20 Markah)

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tuliskan jawapan kamu dalam satu perenggan.

Halim murid tahun enam. Setiap hari dia ke sekolah dengan berjalan kaki. Lagipun jarak rumah dengan sekolah hanya dua kilometer sahaja. Dia tidak mahu menyusahkan ayah dan ibunya. Dia berpendapat dengan berjalan kaki dapat menyihatkan badan. Suatu hari semasa pulang dari sekolah, Halim ternampak akan kepulan asap keluar dari belakang kedai Pak Shuib. Melihat keadaan itu, Halim terus menjerit untuk meminta bantuan. Orang kampung yang terdengar jeritan Halim, terus datang memberikan bantuan.

Mereka menyelamatkan barang-barang yang ada di dalam kedai itu dan mencuba untuk memadamkan api. Berkat kesungguhan orang-orang kampung, akhirnya api dapat dipadamkan. Pak Shuib mengucapkan terima kasih kepada Halim dan orang-orang kampung yang telah membantunya. Pak Shuib hendak memberikan sugu hati kepada Halim atas pertolongannya. Namun, Halim menolak dengan baik dan mengatakan bahawa dia ikhlas membantu Pak Shuib.

Panduan menjawab soalan:

Penanda Wacana	Kata Bantu	Nilai/pengajaran	Kata sendi	Huraian
-	hendak	menjaga kesihatan	dengan	berjalan kaki ke sekolah
Selain itu,	mesti	prihatin	dengan	nampak asap berkepul ke udara
Seterusnya,	harus	bantu membantu	supaya	memadamkan kebakaran
Oleh itu,	patut	tanda penghargaan	dengan	ucapan terima kasih
Akhir sekali,	perlu	ikhlas	dengan	bantu tanpa harap balasan


SET 6

BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

~~~~~  
Bina **lima** ayat lengkap berdasarkan gambar di bawah.



Panduan membina ayat:

| Watak                  | Aktiviti                 | Huraian/Keterangan                                 |
|------------------------|--------------------------|----------------------------------------------------|
| Dua orang budak lelaki | mengayuh basikal         | berhati-hati -pulang dari sekolah .                |
| Seorang pemuda         | meragut                  | beg tangan seorang perempuan yang sedang berjalan. |
| Peragut                | melarikan diri           | membawa beg yang telah diragutnya.                 |
| Ahmad                  | menelefon                | pihak polis dan melaporkan apa yang berlaku .      |
| Pihak polis            | menangkap serta menggari | peragut itu untuk disoal siasat.                   |

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

**Soalan 1:**

**Orang yang saya sayangi**  
Contoh rangka karangan

- Siapakah orang paling kamu sayangi
- Apakah hubungan antara kamu dengannya
- Mengapakah kamu amat menyayanginya
- Apakah jasanya kepada kamu
- Bagaimanakah cara kamu menunjukkan sayang kamu kepadanya
- Apakah harapan kamu kepadanya

**Soalan 2:**

Akhiri karangan kamu dengan ayat di bawah.

“ ... Aku tersenyum gembira. Peristiwa itu menjadi kenangan manis kepada diriku.”

**Rangka Karangan**

- Tindakan awal
- Tindakan susulan
- Tindakan seterusnya
- Tindakan akhir

**BAHAGIAN C**  
(Masa yang dicadangkan : 20 minit )  
**(20 Markah)**

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Kehidupan Mila sekeluarga amat susah. Bapanya telah meninggal dunia setahun yang lalu. Ibunya mengambil alih menyara keluarga. Mila membantu ibunya menjaja kuih setiap pagi sebelum pergi ke sekolah. Walaupun Mila sibuk membantu ibunya, namun dia tidak pernah lupa akan tanggungjawabnya sebagai pelajar. Mila rajin mengulang kaji pelajaran. Mila juga suka membantu rakan-rakannya yang lemah dalam pelajaran.

Suatu hari, ibunya jatuh sakit. Mila tidak dapat hadir ke sekolah. Dia terpaksa menjaga ibunya yang sakit dan menguruskan adik-adiknya yang masih kecil. Setelah beberapa hari tidak ke sekolah, Cikgu Rahimah pergi ke rumah Mila. Beliau berasa terharu akan nasib yang menimpa Mila sekeluarga. Cikgu Rahimah berjanji akan membantu Mila. Kesusahan hidup Mila diceritakan kepada guru besar. Pihak sekolah mengadakan kutipan derma bagi meringankan beban Mila dan keluarganya. Mila dan keluarganya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana sudi membantu mereka.

Panduan menjawab soalan:

| Penanda Wacana | Kata Bantu | Nilai/pengajaran   | Kata sendi | Huraian                                   |
|----------------|------------|--------------------|------------|-------------------------------------------|
| -              | hendak     | rajin              | dengan     | membantu ibu                              |
| Selain itu,    | mesti      | bantu-membantu     | dengan     | membantu rakan yang lemah dalam pelajaran |
| Seterusnya,    | harus      | prihatin           | supaya     | menziarahi                                |
| Oleh itu,      | patut      | bermurah hati      | dengan     | kutipan derma                             |
| Akhir sekali,  | perlu      | ucapan penghargaan | dengan     | mengucapkan terima kasih atas bantuan     |

## SET 7

### BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat lengkap tentang gambar di bawah



Panduan membina ayat:

| watak          | Aktiviti           | Keterangan               |
|----------------|--------------------|--------------------------|
| Seorang lelaki | memegang wau       | dinaikkan                |
| Pak Cik Ali    | menaikan wau       | dalam pertanding         |
| Wau            | terbang tinggi     | melayang-layang diudara. |
| Beberapa orang | berbincang/berbual | ditempat pertandingan.   |
| Penduduk       | memerhati          | wau naik tinggi          |

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

Pilih satu daripada tajuk- tajuk di bawah dan tulis karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkatan.**

1. Guru kelas kamu telah dinaikkan pangkat dan bertukar ke sekolah lain. Kamu selaku ketua darjah dikehendaki berucap dalam majlis perpisahan. Tulis teks ucapan kamu selengkapnya.  
**Rangka karangan**

**Soalan 1**

**1. pendahuluan**

- Format ucapan- kata alu- alaun

**2. Isi**

- mengucapkan terima kasih kerana di beri peluang berucap
- sedih kerana guru akan bertukar
- berjanji akan belajar bersungguh- sungguh- ingat pesanana guru
- kenangan bersama- akan diingati selamanya
- harapan- jangan lupakan kami di sini – semoga guru gembira di tempat baru

**i. Penutup**

- pantun / terima kasih

\* mana- mana isi yang sesuai boleh diterima

**Soalan 2:**

Kamu bercita- cita untuk menjadi seorang murid cemerlang. Tulis langkah- langkah kamu untuk mencapai cita- cita tersebut.

**Rangka Karangan:**

**1. Pendahuluan**

Setiap orang inginkan kejayaan- untuk menjadi murid cemerlang memerlukan ikhtiar dan usaha yang bersungguh- sungguh.

**2. Isi**

- menyediakan jadual belajar- melaksanakan apa- apa yang dijadualkan- meluang masa untuk membaca buku- mengulangkaji pelajaran- membuat rujukan.
- Memberi tumpuan semasa belajar di rumah atau di sekolah- bertanya dan berbincang dengan guru apa- apa yang tidak faham.
- Mengikuti program yang dijalankan di sekolah- kelas tambahan- motivasi- bengkel- kumpulan belajar.
- Berdoa kepada tuhan- menurut nasihat ibu bapa dan guru- menjaga tingkah laku dalam pergaulan- berdisiplin.

**3. Penutup**

“Dimana ada kemahuan di situ ada jalan’- kejayaan boleh dicapai sekiranya kita bersungguh- sungguh.

**BAHAGIAN C**  
(Masa yang dicadangkan : 20 minit )  
**(20 Markah)**

*Tulis **lima** nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan*

Azizan kasihan melihat Mak Bedah terketar-ketar membawa bakul berisi sayur. Dengan segera, dia menyapa Mak Bedah dengan melafazkan ucapan salam. Kemudian, dia menawarkan diri untuk membantu Mak Bedah. Mak Bedah memberikan bakul tersebut kepada Azizan.

Setelah kenderaan agak lenggang, barulah Azizan memimpin tangan Mak Bedah melintas jalan. Mak Bedah amat berterima kasih atas pertolongan Azizan itu. Mak Bedah menghulurkan wang RM5.00 kepada Azizan. Walau bagaimanapun, Azizan menolaknya dengan sopan. Dia hanya mahu menolong Mak Bedah. Setelah Mak Bedah sampai di rumah, barulah Azizan meneruskan niatnya menziarahi rakannya yang sakit.

Panduan menjawab soalan:

| Kata Bantu | Nilai                  | Kata hubung | keterangan                                | Penanda wacana |
|------------|------------------------|-------------|-------------------------------------------|----------------|
| hendaklah  | rasa simpati           | dengan      | bawa bakul                                |                |
| patutlah   | menghargai jasa        | dengan      | berterima kasih                           | Selain itu,    |
| seharusnya | ikhlas                 | dengan      | tidak meminta balasan                     | Selepas itu,   |
| mestilah   | murah hati             | kerana      | ingin memberi wang                        | Seterusnya,    |
| wajarlah   | pentingkan keselamatan | dengan      | melintas jalan apabila kenderaan lenggang | Akhir sekali,  |


**SET 8**

**BAHAGIAN A**

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis lima ayat lengkap tentang aktiviti- aktiviti yang terdapat dalam gambar.



Panduan membina ayat:

| Watak                 | Aktiviti                     | Keterangan     |
|-----------------------|------------------------------|----------------|
| Beberapa orang murid  | berjoging                    | di padang      |
| Ahmad dan keluarganya | makan bersama                | hubungan mesra |
| Husein                | mandi                        | bersih         |
| Kakak                 | tidur awal                   | sihat          |
| Murid-murid           | mengamalkan cara hidup sihat | hidup harmoni  |

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

Pilih satu daripada tajuk- tajuk di bawak dan tulis karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

**Soalan1:**

sekolah kamu telah mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur. Kamu telah ditugaskan untuk membuat catatan semasa lawatan tersebut. Tulis catatan kamu selengkapnya.

**Rangka Karangan**

- Format catatan
- Bila
- berapa ramai
- Siapa yang mengikuti rombongan
- tempat- tempat yang dilawati
- perasaan selepas lawatan

**Soalan 2:**

Murid- murid digalakkan menabung di bank. Terangkan kebaikan menabung di bank.

**Rangka Karangan:**

**1. Pendahuluan**

- murid digalakan menabung atau menyimpan di bank banyak faedanya

**2. Isi**

- lebih selamat – kawalan keselamatan yang canggih tidak perlu risau
- banyak keuntungan, dapat dividen, bonus tahunan, cenderamata seperti payung, beg dan lain- lain lagi.
- simpanan masa depan- melanjutkan pelajaran- beli harta- tunaikan janji.
- melatih diri berjimat cermat- hidup sederhana- tidak perlu berhutang.

**3. Penutup**

- jadikan menabung amalan hidup- belanja berhemat hidup selamat.

**BAHAGIAN C**  
(Masa yang dicadangkan : 20 minit )  
**(20 Markah)**

*Tulis lima nilai murni yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.*

Sejak malam tadi Kasim dan ibunya tidak nyenyak tidur kerana kedua- dua orang adiknya demam. Jadi, pagi- pagi lagi, kasim mengajak ibunya membawa adik- adiknya ke hospital.

"Ke hospital? Tapi, ibu tidak ada wang, nak," kata si ibu.

"Jangan risau. Semalam Pak Hasan bagi RM50 kerana menolongnya memetik dan menjual sayur di pasar tani. Ambilah untuk belanja perubatan adik," Kasim berkata kepada ibunya.

Sepantas itu juga Kasim ke rumah Farid. Dia meminta Farid menghantar surat permohonan cutinya kepada guru kelasnya. Ayah Farid terdengar perbualan antara Farid dan Kasim. Jadi, dia segera menawarkan bantuan untuk menghantar mereka ke hospital. Kasim amat berterima kasih atas pertolongan keluarga Farid.

Panduan menjawab soalan:

| Kata Bantu | Nilai               | Kata hubung | Keterangan                         | Penanda Wacana |
|------------|---------------------|-------------|------------------------------------|----------------|
| patutlah   | prihatin            | dengan      | bawa adik ke hospital              | Selain itu,    |
| mestilah   | bertanggungjawab    | dengan      | cari rezeki memetik dan jual sayur | Selepas itu,   |
| haruslah   | memberi pertolongan | dengan      | membantu ibu                       | Seterusnya     |
| wajarlah   | menghargai jasa     | kerana      | ucap terima kasih                  | Akhir sekali   |
| perlulah   | bertimbang rasa     | dengan      | hantar ke hospital                 |                |

## SET 9

### BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.



Panduan menulis ayat:

| Watak | Aktiviti                | Huraian/Keterangan                   |
|-------|-------------------------|--------------------------------------|
| Ibu   | membersih pelapik pasu  | menghapuskan tempat pembiakan nyamuk |
| Adik  | mengumpul tin dan botol | mengelak air bertakung               |
| Kakak | menyapu daun gugur      | kawasan rumah bersih                 |
| Ayah  | menggali lubang         | menanam tin dan botol kosong         |
| Saya  | membersihkan longkang   | air lancar dan tidak tersumbat       |

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

**Soalan 1:**

Anda telah memesan beberapa buah buku rujukan UPSR daripada sebuah syarikat penerbitan. Malangnya, dua daripada lima buah buku tersebut telah rosak.  
Tulis surat kepada syarikat terbabit untuk menyatakan masalah tersebut.

**Rangka Karangan**

**1. Pendahuluan**

alamat - tarikh

pemberitahuan mengenai buku yang rosak

**2. Isi-isi Penting**

- (a) menerima buku yang dipesan – tarikh terima pada 2 Januari 2011 – dua daripadanya telah rosak
- (b) beberapa helai muka surat terkoyak – ada sebahagiannya tidak bercetak – hanya kertas kosong
- (c) berasa kesal – meminta digantikan dengan buku-buku baharu – hantar dengan segera
- (d) memulangkan buku-buku yang rosak – berharap membuat tindakan lanjut – berharap perkara seumpama tidak berulang

**3. Penutup**

-ucapan terima kasih - tandatangan

**Soalan 2:**

Anda menerima surat daripada sahabat anda yang ingin mengetahui tentang pesta buku yang diadakan di tempat anda. Balas surat sahabat anda itu.

**Rangka Karangan**

**1. Pendahuluan**

menanyakan khabar – berharap agar dia dan keluarga sihat

**2. Isi-isi Penting**

- (a) suratnya telah selamat diterima – minta maaf lewat balas – agak sibuk mengulang kaji pelajaran
- (b) pesta buku dirasmikan oleh Pengarah Pelajaran Negeri – diadakan di Dewan Jubli Perak – dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari
- (c) banyak syarikat penerbitan buku mengambil bahagian – menjual buku dan majalah terbaru – mendapat sambutan hangat
- (d) aktiviti lain turut diadakan – pertandingan melukis, mendeklamasi sajak – peserta yang menang menerima hadiah – cabutan bertuah juga diadakan

**3. Penutup**

berjumpa lagi – berkirim salam untuk keluarganya  
pengakuan – tandatangan

## BAHAGIAN C

(Masa yang dicadangkan : 20 minit )  
**(20 Markah)**

Tulis beberapa pengajaran yang boleh kamu dapat daripada petikan di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Doris menangis teresak-esak. Giginya sakit lagi. Doris sangat suka makan gula-gula dan kek. Ibunya telah berkali-kali melarangnya namun Doris tidak pernah mengendahkan kata-kata ibunya itu.

Duit belanja yang diberikan oleh ibunya setiap hari digunakan untuk membeli gula-gula dan kek. Doris juga tidak suka menggosok gigi. Kawan-kawannya juga menasihati Doris supaya tidak makan makanan yang manis. Tetapi, kawan-kawannya pula akan dimarahi oleh Doris.

Ibu Doris sangat kasihan melihat keadaan Doris yang tidak berhenti-henti menangis. Ibu Doris pun membawa Doris ke klinik gigi. Setelah diperiksa, didapati gigi Doris banyak yang rosak dan terpaksa dicabut. Sekarang gigi Doris sudah rongak dan tidak cantik lagi. Doktor menasihati Doris supaya rajin menggosok gigi dan mengurangkan makanan yang manis-manis.

Doris berasa malu dan dia berjanji kepada doktor yang dia akan menggosok giginya setiap hari. Semenjak hari itu, Doris menjaga giginya dengan baik. Giginya sudah tidak sakit lagi. Kawan-kawan mula muh mendekati Doris kerana giginya sudah tidak berbau busuk lagi.

Panduan menjawab soalan:

| Kata Ganti Nama | Kata Bantu | Nilai / Pengajaran | Kata Hubung / Sendi | Huraian                         |
|-----------------|------------|--------------------|---------------------|---------------------------------|
| Kita            | mesti      | menjaga kesihatan  | dengan              | mengelak makanan yang manis     |
| Kita            | sepatutnya | mendengar nasihat  | dengan              | menuruti kata-kata ibu bapa     |
| Kita            | harus      | berjimat-cermat    | dengan              | membeli makanan yang berkhasiat |
| Kita            | seharusnya | bertanggungjawab   | agar                | anak-anak sentiasa sihat        |
| kita            | mestilah   | bertekad           | untuk               | menjaga kesihatan gigi          |


## SET 10

### BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.



Panduan menulis ayat:

| Watak            | Aktiviti                 | Keterangan                             |
|------------------|--------------------------|----------------------------------------|
| Ali              | menjual kuih             | selalu diejek budak-budak nakal        |
| Tiga orang budak | mandi di lombong         | tanpa menghiraukan bahaya              |
| Seorang budak    | lemas                    | paras air lombong dalam                |
| Ali              | terjun ke dalam lombong  | menyelamatkan buda lemas               |
| Budak-budak      | mengucapkan terima kasih | atas pertolongan Ali / menjadi sahabat |

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

**Soalan 1:**

Anda menerima surat daripada sahabat anda yang ingin mengetahui tentang pesta buku yang diadakan di tempat anda. Balas surat sahabat anda itu.

**Rangka Karangan :**

**1. Pendahuluan**

menanyakan khabar – berharap agar dia dan keluarga sihat

**2. Isi-isi Penting**

- (e) suratnya telah selamat diterima – minta maaf lewat balas – agak sibuk mengulang kaji pelajaran
- (f) pesta buku dirasmikan oleh Pengarah Pelajaran Negeri – diadakan di Dewan Jubli Perak – dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari
- (g) banyak syarikat penerbitan buku mengambil bahagian – menjual buku dan majalah terbaharu – mendapat sambutan hangat
- (h) aktiviti lain turut diadakan – pertandingan melukis, mendeklamasi sajak – peserta yang menang menerima hadiah – cabutan bertuah juga diadakan

**3. Penutup**

berjumpa lagi – berkirim salam untuk keluarganya

pengakuan – tandatangan

**Soalan 2:**

Anda menerima surat daripada sahabat anda yang ingin mengetahui tentang pesta buku yang diadakan di tempat anda. Balas surat sahabat anda itu.

**Rangka Karangan :**

**1. Pendahuluan**

-menanyakan khabar - berharap agar dia dan keluarga sihat

**2. Isi-isi Penting**

- a. suratnya telah selamat diterima - agak sibuk mengulang kaji pelajaran
- b. pesta buku dirasmikan oleh Menteri Pelajaran - dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam setiap hari
- c. banyak syarikat penerbitan buku mengambil bahagian - menjual buku dan majalah - mendapat sambutan hangat
- d. aktiviti lain turut diadakan - persembahan nyanyian, melukis, mendeklamasi sajak, dan sebagainya

**3. Penutup**

-berjumpa lagi - berkirim salam untuk keluarganya

**BAHAGIAN C**  
(Masa yang dicadangkan : 20 minit )  
**(20 Markah)**

Tulis beberapa kebaikan yang dapat kamu perolehi daripada pantun di bawah. Panjang jawapan kamu mestilah tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Anak-anakku  
Ayunlah langkahmu segera  
Mendaki gunung cita-cita  
Biar lelah, biar merana  
Biar luka, biar cedera  
Biar seribu ranjau menimpa  
Namun jangan sekali-kali mengaku kalah  
Jika engkau terjatuh  
Ayuh, segera bangkit semula!  
Ayunkan langkah perkasamu semula  
Kerana perjalananmu masih jauh  
Anak-anakku  
Perjalanan ini memang pahit  
Telanlah agar menjadi penawar  
Kelak nanti ...  
Pasti kau akan merasa manisnya.

Panduan menjawab soalan:

| Kata Ganti Nama | Kata Bantu | Nilai / Pengajaran      | Kata Hubung / Sendi | Huraian                          |
|-----------------|------------|-------------------------|---------------------|----------------------------------|
| Kita            | mesti      | tabah                   | supaya              | harungi rintangan untuk kejayaan |
| Kita            | sepatutnya | Tekal dan kuat semangat | agar                | bangkit semula sekiranya gagal   |
| Kita            | harus      | berusaha dengan gigih   | dengan              | bersungguh melakukan kerja       |
| Kita            | seharusnya | sabar                   | kerana              | banyak rintangan                 |
| kita            | mestilah   | berusaha                | supaya              | cita-cita tercapai               |

## SET 11

### BAHAGIAN A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti gambar di bawah.



Panduan menulis ayat:

| Watak           | aktiviti        | Huraian/keterangan     |
|-----------------|-----------------|------------------------|
| Ahmad dan Yusof | membaca         | menambah ilmu          |
| Seorang murid   | meminjam buku   | dibaca di rumah        |
| Cikgu Lim       | membawa buku    | yang hendak dipinjam   |
| Lina            | membuat rujukan | kerja sekolah          |
| Dua orang murid | berbincang      | menghadapi peperiksaan |

1. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4. \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5. \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN B**  
(Masa yang dicadangkan : 40 minit )  
**( 30 markah )**

**Soalan 1:**

Sekolah kamu telah menganjurkan majlis pelancaran Program bacaton.Kamu dan rakan sekelas ditugaskan oleh guru menulis karangan yang menceritakan tentang majlis itu.Tuliskan karangan kamu selengkapnya.

**Rangka karangan**

**1 .Pendahuluan**

- mengadakan majlis pelancaran  
Program bacaton

**2 . Isi karangan**

- Bila/tempat pelancaran
- Tujuan program dijalankan
- Siapa terlibat
- Acara majlis - Ucapan
  - Pelbagai persembahan
  - Pemenang pungutan terbanyak

**3. Penutup**

- Majlis diakhiri dengan makan tengah hari.

**Soalan 2 :**

Kamu seorang daripada ahli redaksi sekolah.kamu ditugaskan menemu ramah seorang murid sekolah kamu yang terpilih sebagai olahragawan peringkat negeri.Tuliskan temu ramah kamu dengan murid itu selengkapnya.

**Rangka karangan :**

**1.Pendahuluan**

- Ucap selamat dan  
memperkenalkan diri

**3. Isi karangan:**

- Tahniah atas kejayaan,perasaan
- Acara yang dimenangi
- Latihan diikuti
- nasihat kepada rakan

**3.Penutup**

- Terima kasih kerana bekerjasama

**BAHAGIAN C**  
( Masa yang dicadangkan : 20 minit)  
( 20 markah )

Tulis beberapa nilai murni / pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.  
Panjang jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.  
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Noni merupakan anak sulung dalam keluarganya. Dia seorang kakak yang baik hati dan penyayang. Dia sering membimbangi dan mengasuh adik-adiknya. Noni juga sangat rajin membantu ibu dan ayahnya di rumah. Apabila ibunya memasak, Noni akan menjaga adiknya yang masih kecil. Adik-adiknya sangat manja dengan Noni. Dia juga ringan tulang membantu adik-adiknya menyiapkan kerja sekolah.

